Jilid I
Bil. 36

Hari Rabu
2hb April, 1975

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

## PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3777]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3828]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan) [Ruangan 3828]**

**Rang Undang-undang Mahkamah Budak-budak (Pindaan) [Ruangan 3835]**

**Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) [Ruangan 3858]**

**UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN:**

**Memperbaiki Kehidupan di Kampung Medan, Petaling [Ruangan 3885]**

**Dewan Bandaraya—Kerjasama dengan Wakil-wakil Rakyat [Ruangan 3885]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG PERTAMA

---

Hari Rabu, 2hb April, 1975

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

" Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

" Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).

" Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

" Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

" Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

" Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).

" TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

" TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

" TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).

" TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

" PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

" TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

" TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).

" TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

" TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
„ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
„ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
„ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
„ TUAN LUHAT WAN (Baram).
„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
„ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
„ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
„ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O. K. K. Haji Asneh (Hilir Padas).

" Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai).

" Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok).

" Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin, d.p.m.k., k.m.n. (Jerlun-Langkawi).

" Raja Nasron bin Raja Ishak, p.j.k. (Kuala Selangor).

" Tuan Ngan Siong Hing (Kinta).

" Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat).

" Tuan Oh Keng Seng (Petaling).

" Puan Oon Zariah binti Abu Bakar, a.m.n., a.m.p., p.j.k. (Kuala Kangsar).

" Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar).

" Tuan Pang Sui Chee *alias* Alex Pang (Tawau).

" Tuan K. Pathmanaban, k.m.n. (Telok Kemang).

" Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu).

" Tuan Racha Umong (Limbang-Lawas).

" Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong).

" Tuan S. Samy Vellu, a.m.n. (Sungai Siput).

" Tuan Sanusi bin Junid (Jerai).

" Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah).

" Tuan Shaari bin Jusoh, p.p.n. (Kangar).

" Tuan Shamsuddin bin Din, p.p.n. (Gerik).

" Tuan Shamsuri bin Md. Saleh, a.m.n., j.p. (Balik Pulau).

" Tuan Sibat anak Tagong *alias* Sibut Miyut anak Tagong (Ulu Rajang).

" Tuan Thomas Salang Siden (Julau).

" Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang).

" Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim, s.m.k. (Pasir Puteh).

" Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Parit Buntar).

" Tuan Su Liang Yu (Beruas).

" Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (Kimanis).

" Dr Tan Chee Khoon (Kepong).

" Tuan Tan Cheng Bee, a.m.n., j.p. (Bukit Mertajam).

" Tuan James Stephen Tibok, a.d.k. (Penampang).

" Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu).

" Tuan Wee Ho Soon (Bandar Sibu).

" Tuan Yang Siew Siang (Miri-Subis).

" Datuk Stephen Yong Kuet Tze, p.n.b.s. (Padawan).

" Tuan Haji Yusof Rawa *alias* Haji Yusof bin Haji Abdullah, j.p. (Ulu Muda).

" Tengku Zaid Al-Haj bin Tengku Ahmad, d.p.m.k., j.m.k., s.m.k. (Pasir Mas).

" Wan Zainab binti M. A. Bakar, a.m.n., p.j.k. (Sungai Petani).

" Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut).

" Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabohan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

„ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

YANG HADIR BERSAMA

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

# DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

### LIQUIFIDED NATURAL GAS

**1. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Perdana Menteri menyatakan:

(*a*) bilakah loji Gas Cecair Asli akan didirikan di Bintulu;

(*b*) syarikat manakah yang telah mendapat tender untuk menggunakan keluaran Gas Cecair Asli (L.N.G.) ini di Bintulu; dan

(*c*) berapa banyak saham dari L.N.G. ini yang diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan bagaimana keuntungan daripada pendapatan L.N.G. ini disalurkan balik terhadap usaha-usaha pembangunan di Sarawak dan Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek Liquifided Natural Gas melibatkan modal yang berpuluh-puluh juta ringgit, maka sebelum ianya diusahakan atau dikendalikan, suatu kajian yang teliti dan mendalam mestilah dijalankan untuk memastikan supaya projek ini akan memberi hasil dan menafaat. Kajian ini sedang dijalankan oleh pihak Petronas dengan teliti. Oleh yang demikian, butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu belum dapat dipastikan lagi.

### ELAUN KHAS PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

**2. Tuan Patrick Anek Uren** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung Malaysia dibayar elaun-elaun galakan dan seberang laut apabila berkhidmat di Sarawak tetapi Pegawai-pegawai dari negeri ini (Sarawak) tidak diberi keistimewaan ini apabila mereka berkhidmat di Semenanjung Malaysia, jika ya, mengapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, anggapan yang dibuat dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

Sebenarnya suatu Elaun Khas dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Begitu juga, pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia dibayar Elaun Khas. Kadar elaun ini ada dinyatakan dalam surat tawaran kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.

### BAUCER PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

**3. Tuan Tan Cheng Bee** minta Perdana Menteri menyatakan samada kuasa boleh diberikan kepada Pegawai Daerah untuk mengakui lanjutan tempoh pengesahan baucer pesara-pesara yang tidak dapat mengeluarkan wang pencen mereka dalam jangka masa yang ditetapkan khasnya pesara-pesara yang pergi menunaikan Fardhu Haji ke Mekah atau pergi ke seberang laut, oleh kerana peraturan sekarang yang menghendaki baucer-baucer tersebut dihantar balik kepada Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk perakuannya menyusahkan pesara-pesara kerana ini biasanya akan mengambil masa 3 hingga 4 bulan bagi baucer-baucer tersebut dikembalikan semula kepada pesara-pesara tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang menandatangani baucer-baucer pencen dan cek-cek bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen adalah diberi kuasa oleh Akauntan Negara, Malaysia, di bawah Arahan Perbendaharaan 119 (*a*) dan pegawai-pegawai berkenaan sahajalah yang boleh menandatangani untuk melanjutkan tarikh lakunya baucer-baucer pencen. Oleh kerana Pegawai-pegawai Daerah terlalu ramai dan juga kadangkala mereka itu terpaksa bertukar dari setempat ke setempat maka difikirkan tidak praktik atau wajar kuasa itu diberi kepada mereka untuk menandatangani baucer-baucer yang dikeluarkan oleh Bahagian Pencen.

Lain dari itu, adalah didapati bahawa hanya sedikit benar bilangan baucer-baucer pencen atau cek-cek yang dikemukakan untuk dilanjutkan tarikh lakunya. Dari itu adalah difikirkan peraturan yang dijalankan sekarang ini adalah memadai.

## PEGAWAI-PEGAWAI P.T.D. DARI SARAWAK/SABAH

**4. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menambahkan bilangan pegawai-pegawai yang diambil dari Sarawak dan Sabah di Perkhidmatan Luar.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Luar telahpun dicantumkan dengan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Perkhidmatan ini terbahagi kepada dua sektor iaitu Sektor Dalam dan Luar Negeri dan pada prinsipnya pegawai-pegawai boleh bertukar dari satu sektor ke sektor lain. Pengambilan pegawai-pegawai ke Perkhidmatan tersebut adalah pada biasanya dibuat oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan kelulusan untuk memasukinya ialah Ijazah Kepujian dari Universiti yang diiktiraf. Kerajaan sememangnya menghendakki lebih ramai pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak supaya berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Namun demikian, oleh kerana kekurangan calun-calun dari kedua-dua negeri itu, maka perkara ini tidaklah dapat dipenohi. Saya berharap keadaan ini akan dapat diperbaiki dari semasa kesemasa kerana pada fikiran saya, adalah perlu lebih ramai lagi pegawai-pegawai dari Sarawak dan Sabah berkhidmat bukan sahaja dalam sektor Luar Negeri tetapi juga di dalam sektor Dalam Negeri.

## BUKU HIJAU

**5. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Perdana Menteri menyatakan samada pusat-pusat "Buku Hijau" akan ditubuhkan di setiap daerah untuk membantu petani-petani menyegerakan permohonan mereka mendapatkan tanah untuk bercucuk tanam; dan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan penasihat atas jenis tanaman untuk ditanam, teknik-teknik pertanian yang moden serta pasaran-pasaran yang menguntungkan bagi hasil tanaman mereka.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan pusat-pusat "Buku Hijau" kerana badan-badan dan jabatan-jabatan Kerajaan yang sedia ada di daerah-daerah yang diselaraskan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah memadai untuk menentukan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau di daerah-daerah yang berkenaan. Segala permohonan mengenai tanah dan perkhidmatan perkembangan (extension services) serta hal-hal berkaitan dengan pemasaran adalah diuruskan oleh Jawatankuasa Tindakan masing-masing.

## LEMBAGA SEKIM KEMAJUAN TANAH MIRI—TUDUHAN

**6. Tuan Patrick Anek Uren** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan memandangkan publisiti mengenai penyiasatan terhadap suatu tuduhan kes penipuan berkenaan dengan apa yang dikatakan penjualan jentera terpakai dalam pertengahan tahun 1974 kepada Lembaga Sekim Kemajuan Tanah di Miri samada:

(*a*) Biro Siasatan Negara telah selesai dalam penyiasatannya; dan jika ya, apakah keputusannya;

(*b*) apakah nama syarikat terdaftar yang terlibat; dan

(*c*) siapakah pemegang-pemegang saham syarikat yang tersebut.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya kes ini masih lagi menunggu keputusan muktamat. Yang demikian, saya tidak akan menjawab perenggan (*b*) dan (*c*).

## SEKIM PEMISAHAN LALULINTAS (TRAFFIC SEPARATION SCHEME)

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

(*a*) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, baik di peringkat kebangsaan atau antarabangsa, untuk menentukan keselamatan maksima perjalanan laut di Selat Melaka berikutan dengan tumpahan minyak oleh kapal tangki minyak Jepun. Showa Maru;

(*b*) samada Kerajaan Malaysia telah menuntut bayaran gantirugi daripada tuanpunya kapal tangki minyak tersebut; nyatakan jumlah bayaran gantirugi yang dituntut dan samada tuntutan tersebut telah dibayar; dan

(*c*) setakat manakah tumpahan minyak baru-baru ini menggangui nelayan-nelayan kita dan adakah mereka akan diberi gantirugi.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Malaysia, Singapura dan Indonesia telah bersetuju untuk mengadakan suatu Sekim Pemisahan Lalulintas (Traffic Separation Scheme) untuk memperbaiki keselamatan lalu-lintas di Selat Melaka. Langkah-langkah sedang diambil oleh ketiga negara untuk mengujudkan sekim ini dan untuk tujuan ini kajian-kajian teknikal telahpun dimulakan.

(*b*) & (*c*) Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan di dalam gerakan pembersihan minyak berikutan daripada kemalangan kapal "Showa Maru" baru-baru ini ialah lebih daripada $1 juta. Di samping perbelanjaan tersebut Kerajaan juga akan membuat tuntutan gantirugi kerana kerosakan ke atas perikanan.

Adalah tidak sesuai untuk kita membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut lagi pada masa sekarang, oleh sebab ianya masih lagi diperundingkan antara Kerajaan dengan Kerajaan.

## PASARAN HASIL PERTANIAN

**8. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar iaitu satu daripada masaalah besar yang dihadapi oleh petani-petani di kampung-kampung ialah masaalah hendak memasarkan hasil-hasil tanaman mereka itu seperti sayur-sayuran dan buah-buahan oleh kerana pada masa ini mereka itu menjadi mangsa orang tengah ataupun tidak dapat memasarkan hasil-hasil mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya, saya sedar. Berkenaan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini satu daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh FAMA untuk memperbaiki pasaran hasil-hasil pertanian ialah dengan mengambil bahagian di dalam pembelian dan penjualan hasil-hasil pertanian. Tujuan projek perniagaan FAMA ialah untuk mempastikan petani-petani dapat memasarkan hasil-hasil pertanian mereka dengan harga yang menasabah dengan menyediakan saluran pemasaran tambahan dan mengadakan persaingan yang sihat. Projek perniagaan FAMA telah mula dalam bulan September 1973. Pada masa ini FAMA sedang memesatkan dan memperluaskan kegiatan-kegiatan perniagaan bagi mempastikan sebahagian besar pengeluaran-pengeluaran itu mendapat faedah. Projek perniagaan ini akan dilaksanakan juga di Sarawak.

## JALAN BATU CAVES KE BATANG KALI

**9. Tuan Walter Loh Poh Khan** bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan bahawa memandangkan kepada selalunya terjadi kemalangan jalanraya di antara Templer's Park dan Batu Caves, terutama sekali di sepanjang jalan yang bengkang-bengkok menaiki bukit hanya beberapa ratus ela sebelum sampai ke Templer's Park, adakah beliau akan mengambil tindakan segera untuk meluaskan lagi jalan tersebut.

**Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan sedang diambil bagi memperbaiki dan melebarkan jalan dari Batu Caves ke Batang Kali. Butir-butir rekabentuk kejuruteraan mengenai 'standard' dan taraf lebar jalan tersebut telahpun siap dan pada masa ini kerja-kerja pengambilan tanah sedang dijalankan. Tawaran akan dipanggil sedikit masa lagi untuk kerja-kerja pembinaan jalan tersebut.

## PEMERIKSAAN PEMBEDAHAN MAYAT ORANG ISLAM

**10. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri kesihatan menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar bahawa rakyat berugama Islam minta supaya mayat Islam yang mati kerana kemalangan yang dibawa ke hospital untuk ditentukan sebab-sebab kematian itu patut segera diuruskan supaya pengkebumian segera didapati; dan

(*b*) samada peraturan bahawa pemeriksaan bagi menentukan sebab kematian tidak boleh dijalankan antara pukul 4.00 petang hingga 10.00 pagi patut dikecualikan bagi mayat Islam.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Ya. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengeluarkan surat arahan kepada semua hospital merayu pegawai-pegawai perubatan supaya memberikan segala usaha untuk menjalankan pemeriksaan pembedahan mayat, terutama sekali mayat-mayat orang Islam dengan seberapa segera yang boleh.

(*b*) Adalah memang benar bahawa pemeriksaan pembedahan mayat lebih baik sekali dijalankan dalam suasana cahaya siang hari. Pemeriksaan pembedahan mayat terpaksalah dijalankan di dalam keadaan-keadaan yang memuaskan hati, terutama sekali keadaan cahaya terang dan apabila keadaan-keadaan ini boleh didapati maka segala usaha hendaklah dijalankan untuk melakukan pemeriksaan pembedahan mayat itu dengan seberapa segera yang boleh. Segala usaha akan dijalankan oleh Pegawai-pegawai Perubatan untuk menyegerakan pemeriksaan pembedahan mayat orang-orang Islam.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab Hospital Taiping ialah Hospital Besar di Perak Utara, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak membuat rumah mayat lebih dahulu daripada bangunan hospital baharu?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, insya Allah kita akan mempercepatkan.

## SETINGGAN—PEMBINAAN RUMAH-RUMAH

**11. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

(*a*) adakah apa-apa rancangan untuk mengadakan satu undang-undang bagi mengawal dan menguasai masaalah pembinaan rumah-rumah setinggan di tanah Kerajaan, terutamanya dalam kawasan Bandaraya, Wilayah Persekutuan;

(*b*) bagaimanakah pihak Kerajaan hendak mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi pada masa sekarang mengenai bekalan air dan api di kawasan-kawasan setinggan yang semakin sehari bertambah banyak; dan

(*c*) adakah Kerajaan merancang untuk mengutip cukai pintu untuk rumah-rumah yang telah dibina di atas tanah Kerajaan sebagai setinggan.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kerajaan sudahpun ada mempunyai satu undang-undang bagi mengawal dan mengawasi masaalah pembinaan rumah-rumah setinggan di tanah-tanah Kerajaan mahu pun di tanah-tanah persendirian sepertimana yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan-setinggan) 1969.

(*b*) Kerajaan tidak dapat mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi pada masa sekarang mengenai bekalan api dan air di kawasan-kawasan setinggan selagi rumah-rumah ini adalah rumah-rumah tanpa izin. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya ada memberi kemudahan-kemudahan asas seperti paip-paip air, jalan-jalan, tandas dan jambatan di kawasan-kawasan setinggan.

(*c*) Kerajaan tidak ada mengutip cukai pintu dari rumah-rumah setinggan yang telah dibina di atas tanah Kerajaan ataupun tanah persendirian. Kerajaan tidak ada mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mengutip cukai-cukai tersebut kerana rumah-rumah yang dibina itu adalah rumah-rumah tanpa izin.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar walaupun Dewan Bandaraya ada memberi stand-pipe kepada setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan, tetapi stand-pipe itu tidak mencukupi. Oleh sebab itu adakah Dewan Bandaraya mempunyai suatu rancangan untuk memberi stand-pipe yang memcukupi kepada setinggan-setinggan di dalam Wilayah Persekutuan khasnya di dalam kawasan Kepong?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang masaalah ini. Perkara ini telah dijalankan secara berperingkat-peringkat oleh Dewan Bandaraya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan tentang bekalan letrik. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar di setengah tempat setinggan-setinggan di sana mendapati bekalan letrik walaupun mereka duduk di rumah haram, tetapi di lain tempat pula penduduk atau setinggan di sana tidak mendapati bekalan letrik walaupun mereka merayu kepada L.L.N. tentang bekalan itu. Bolehkah Menteri yang berkenaan siasat atas perkara ini supaya semua setinggan boleh mendapati bekalan letrik di dalam Wilayah Persekutuan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana Menteri hendak menjawab, kalau Yang Berhormat tidak tentukan; tempat itu, tempat ini, macam mana beliau hendak tahu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Di dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak disebutkan "kawasan saya" tadi. Yang Berhormat hendaklah sebutkan terang-terang, kalau tidak macam mana Menteri hendak sedar.

**Dr Tan Chee Khoon:** Di dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar, tetapi ini adalah bergantung atas rancangan L.L.N. sendiri. Saya tidak dapat memberikan arahan kepada L.L.N. jikalau tidak ada rancangannya untuk membekalkan letrik ke tempat-tempat yang tertentu itu.

## PASUKAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

**12. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan bahawa kadar pembangunan yang berlaku dengan pesatnya sekarang dan bilangan penduduk yang kian bertambah di tiap-tiap Negeri di Malaysia, samada Kerajaan akan menambahkan lagi kekuatan pasukan polis kita supaya seimbang dengan perkembangan bilangan penduduk.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, kekuatan Pasukan Polis Di Raja memang sentiasa dikaji dan ditambah pada keseluruhannya tahun demi tahun selaras dengan perkembangan, selaras dengan kedudukan kewangan dan selaras dengan keperluan negara. Untuk melaksanakan rancangan pembesaran ini yang meliputi tahun 1975 hingga 1978 pertimbangan sekarang sedang dibuat untuk menambah bilangan anggota berjumlah 8,783 orang. Ini disebabkan oleh pembesaran dan penyusunan semula aktiviti-aktiviti Pasukan Polis. Saya telah membuat beberapa arahan untuk melancarkan lagi tugas-tugas Polis dengan cara memodenkan Pasukan Polis kita dan menggunakan alat-alat yang baharu, tetapi yang paling penting, ialah dari segi tugas Polis kita iaitu kerjasama dari orang ramai adalah sangat diperlukan. Seperti kita dapat ketahui baharu-baharu ini di Tanjong Pelepas, di mana geng Botak dapat kita hapuskan. Banyak juga kerja-kerja Polis ini boleh digantikan dengan cara-cara lain umpamanya di dalam bandar-bandar besar. Kita boleh mengadakan Traffic Warden menggantikan Traffic Police di bandar-bandar besar. Inilah perubahan yang akan dibuat di masa hadapan.

## BUKU-BUKU TEKS—BANTUAN

**13. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) kelayakan-kelayakan asas bagi seseorang pelajar yang hendak meminjam buku-buku teks di bawah Rancangan Pinjaman Buku-buku Teks Kerajaan; dan

(*b*) samada beliau sedar bahawa dalam setengah Negeri-negeri terdapat aduan-aduan bahawa kanak-kanak daripada golongan berpendapatan sederhana telah meminjam buku-buku teks di bawah Rancangan Pinjaman Buku-buku Teks Kerajaan yang mana meragukan kanak-kanak yang lebih miskin dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil atau akan diambil untuk menjamin supaya hanya kanak-kanak daripada keluarga-keluarga miskin sahaja yang mendapat pinjaman buku-buku teks itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, murid-murid yang layak diberi bantuan buku-buku teks di bawah Sekim Pinjaman tahun 1975 itu adalah seperti berikut:

(i) Semua (100%) murid-murid di sekolah rendah kebangsaan.

(ii) Bagi murid-murid yang lain iaitu murid-murid di sekolah-sekolah yang dahulunya SRJK Inggeris, SRJK (China), SRJK (Tamil), dan Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris) mereka diberi bantuan mengikut kriteria-kriteria pendapatan ibubapa dan keluarga seperti berikut:

(*a*) pendapatan ibubapa/penjaga $200 ke bawah, semua anak-anak yang bersekolah diberi bantuan buku-buku teks;

(*b*) pendapatan ibubapa/penjaga $201-$300 perbelanjaan buku-buku teks bagi seorang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibu-bapa, anak-anak yang lain akan diberi bantuan;

(*c*) pendapatan ibubapa/penjaga $301-$500 perbelanjaan buku-buku teks bagi dua orang anak yang bersekolah ditanggung oleh ibubapa, anak-anak yang lain akan diberi bantuan.

(*b*) Kementerian Pelajaran sedar tentang adanya aduan mengenai sebilangan murid-murid yang tidak layak, telah mendapat bantuan buku-buku di bawah Sekim Pinjaman ini. Kementerian sedang menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat soal pemilihan murid-murid yang layak menerima bantuan ini di sesebuah sekolah itu adalah dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Guru Besar sekolah itu sendiri. Guru Besar sekolah berkenaan mempengerusikan Jawatankuasa itu yang dianggotai oleh seorang Wakil Persatuan Ibubapa atau Jemaah Pengelola Sekolah dan dua orang guru kanan di sekolah itu. Pemilihan ini berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti yang dijelaskan tadi. Bagi tahun 1976, pendapatan ibubapa perlu disahkan oleh majikan dan jika mereka bekerja sendiri hendaklah disahkan oleh orang-orang yang bertanggungjawab yang akan ditentukan kelak.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa banyak daripada murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris yang sekarang dijadikan Sekolah Rendah Kebangsaan tidak dapat buku-buku, dengan sebab ibubapa mereka adalah terdiri daripada orang yang mempunyai gaji atau pendapatan yang tidak berhak mendapat bantuan. Tetapi mereka hendak membeli buku, tidak ada buku samada di Negeri ataupun di Kuala Lumpur, tidak ada buku. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak dan apakah tindakan untuk mengatasi masaalah ini?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar adanya keadaan semacam ini, tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini bukan perkara yang baharu. Tetapi suka saya terangkan di sini bahawa kekurangan buku-buku teks ini ialah kerana masaalah pengangkutan, pencetakan yang lewat dan lain-lain. Walau bagaimana, suka saya terangkan di sini bahawa perkara ini akan diatasi dan soal ini pun ada berkenaan dengan rancangan pinjaman buku-buku teks yang baharu-baharu ini dijalankan. Kita juga tahu barangkali ada banyak ejen-ejen atau penerbit-penerbit semasa menerima pesanan dari Kerajaan mereka tidak ada masa mencatitkan bilangan buku yang lebih. Barangkali di dalam Penggal I tentulah perkara ini mungkin timbul, tetapi keadaan sekarang ini sudah bertambah baik, dan diharapkan pada tahun-tahun yang akan datang barangkali kita bolehlah mengatasi perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kesulitan untuk mendapatkan buku-buku ini disebabkan oleh penjual-penjual buku tidak mahu membeli atau memesan buku-buku untuk dijual kepada anak-anak orang yang berada ini, kerana sebahagian besar daripada murid-murid itu adalah mereka yang dapat pinjaman buku teks daripada Kementerian Pelajaran. Tidakkah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat satu rancangan agar semua kanak-kanak atau murid-murid di sekolah ini diberi buku-buku, tetapi kepada mereka yang berada dikenakan bayaran manakala mereka yang tidak berada diberi pinjaman ataupun percuma, supaya dapat dielakkan kejadian-kejadian sepertimana dahulu orang yang tidak berada payah mendapat buku tetapi sekarang orang berada pula payah mendapat buku?

**Tuan Chan Siang Sun:** Saya akan pertimbangkan perkara ini.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benar atau tidak bahawa satu daripada sebab kepayahan mendapat buku ini ialah kerana rancangan memberi buku ini dibuat dengan tergesa-gesa, dan tidak berupa satu dasar Kementerian yang berkenaan?

**Tuan Chan Siang Sun:** Benar.

## BADAN PETUGAS PEKERJA-PEKERJA LADANG/LOMBONG

14. **Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah pelaksanaan Pasukan Petugas (Task Force) di estet-estet akan dijalankan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Sekim Pemilikan Rumah kepada pekerja-pekerja yang dicadangkan oleh Badan Petugas mengenai kemudahan bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong adalah sedang dalam proses pelaksanaan.

Kementerian saya telah menjalankan perbincangan-perbincangan dengan majikan-majikan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain Kementerian yang berkenaan mengenai beberapa aspek termasuk kewangan yang berkaitan dengan pelaksanaan lapuran Badan Petugas tersebut.

Perbincangan-perbincangan secara aktif telah dijalankan mengenai pelaksanaan beberapa projek utama sebaik saja pelbagai maklumat lanjut mengenai pelaksanaannya telah diselesaikan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberi keterangan di mana dan berapa projek tersebut telah dilaksanakan sekarang?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jawab, Kementerian saya masih mengadakan perbincangan-perbincangan dengan majikan-majikan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain Kementerian berkenaan dengan melaksanakan projek-projek ini. Jadi, selepas perbincangan-perbincangan ini, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan melaksanakan projek utama di beberapa tempat.

**Tuan S. Samy Vellu:** Bolehkah Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu berapa lamakah lagi projek ini boleh dijalankan?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan dilaksanakan secepat mungkin selepas perbincangan-perbincangan itu selesai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana telah beberapa tahun Pasukan Petugas ini telah dibentuk dan cadangan-cadangan telah dibuat dan pengumuman-pengumuman pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dahulu—yang sekarang memegang jawatan Menteri Perhubungan—bahawa cadangan-cadangan Pasukan Petugas ini akan dilaksanakan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini mengenai perumahan untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong tentang berapa unitkah yang akan dibina di dalam rancangan pertama untuk pekerja-pekerja yang terlibat.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, saya minta notis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa perkara perumahan yang akan dilaksanakan di bawah cadangan-cadangan Pasukan Petugas ini sekarang dibincangkan di antara Kementerian Buruh dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan majikan-majikan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu butir-butir mengenai perkara ini yang berpunca daripada jawapan-jawapan Yang Berhormat sendiri.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya daripada jawapan tadi ialah sekiranya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak lupa jawapannya bahawa rancangan perumahan telah dibincang dengan ajensi-ajensi yang berkenaan untuk melaksanakan progrem ini.

Soalan tambahan saya ialah berapa yunitkah perumahan akan dirancangkan untuk progrem pertama yang sekarang menjadi pokok perbincangan di antara Kementerian Buruh dengan ajensi-ajensi lain?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini soalan lain. Soalan

yang asal ialah bilakah projek ini akan dilaksanakan; sekarang Ahli Yang Berhormat bertanya berapa yunit akan dilaksanakan. Ini saya minta notis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kita kena memberi notis kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas satu perkara yang sangat simple, yang nampaknya dia tidak tahu butir-butir dan subjectnya sendiri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta notis, tanya lain kali!

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini apakah progrem yang akan dilaksanakan di bawah cadangan Pasukan Petugas, ataupun beliau hendakan notis?

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan itu terkeluar daripada soalan asal. Soalan yang asal bertanya bila projek ini boleh disiapkan dan itu telah dijawab. Pertanyaan Yang Berhormat itu soalan yang baharu.

## AMINUDDIN BIN ABDUL MANAF— KES RAYUAN PILIHANRAYA

**15. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar iaitu Penasihat Undang-undang Negri Sembilan telah mewakili seorang individu persendirian, Encik Aminuddin bin Abdul Manaf, di dalam kes rayuan pilihanraya (election petition case) No. 3/1974; dan

(*b*) samada beliau akan bersetuju bahawa ini adalah satu perkara jelas mengenai penyalah-penyalah kuasa oleh pihak yang berkuasa.

**Tan Sri Abdul Kair bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju yang ini adalah suatu kes menyalahgunakan kuasa oleh bekas Penasihat Undang-undang Negri Sembilan dengan menghadiri suatu rayuan pilihanraya bagi pihak Encik Aminuddin bin Abdul Manap. Bekas Penasihat Undang-undang Negeri adalah berpegang dengan pandangan bahawa Encik Aminuddin bin Abdul Manap bukanlah seorang individu (persendirian), akan tetapi kerana beliau telah terpilih, maka beliau adalah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Negri Sembilan, dan dengan demikian termasuklah dalam takrif Kanun Kesiksaan sebagai seorang penjawat awam. Oleh kerana pandangan ini, Penasihat Undang-undang Negeri itu lalu bertindak bagi pihak Encik Aminuddin, samada betul atau salah pandangan itu tidaklah pernah dicabar oleh peguam pihak siperayu atau oleh sesiapa jua, termasuk Tuan Hakim yang membicarakan kes itu. Oleh yang demikian, nampaknya pandangan Penasihat Undang-undang itu telah diterima dan dipersetujui dan di sini bukanlah bagi diri saya untuk memberi apa-apa keputusan atas perkara-perkara yang telahpun berbangkit. Yang sebenarnya, bukanlah satu kes penyalanguna kuasa oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-undang itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Peguam Negara, bolehkah Ahli-ahli Parlimen atau Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dapat bantuan atau nasihat samada daripada Penasihat Undang-undang Negeri atau dapat bantuan atau nasihat samada daripada Penasihat Undang-undang Negeri atau Jabatan Peguam Negara mengenai kes-kes yang melibatkan diri mereka sebagai M.P. atau Assemblyman.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi, perkara yang ditanya itu perkara yang belum timbul, bila timbul hantar surat pada saya dan saya akan jawab, samada boleh diberi bantuan atau tidak. Dalam soal ini anggapan Penasihat Undang-undang itu boleh membela Ahli Yang Berhormat itu. Saya kata tadi samada betul atau tidak, saya tidak memberi keputusan, kerana boleh jadi dia itu salah, jadi perkara itu sudah selesai. Perkara ini berbangkit masa pilihanraya, kalau selepas pilihanraya Ahli Parlimen menjalankan tugasnya dan jika didapati ada satu kesalahan semasa menjalankan tugas ini, maka di situ saya sedia membelanya. Tetapi kalau dalam menjalankan tugasnya, misalnya, dia merogol, saya tidak boleh buat, tetapi perkara yang kena-mengena dengan tugasnya seperti kena langgar motokar atau berkelahi dengan orang kampung atau kena pukul, saya sedia membela.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Peguam Negara memberitahu Dewan ini atau menasihatkan bahawa Jabatannya memberi bantuan atau nasihat ataupun membela Yang Berhormat dari Menglembu dalam perkara hasutan, oleh kerana itu adalah satu perkara mengenai kes-kes tuduhan hasutan yang mana perkara itu berlaku semasa menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ahli Parlimen?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya menangkap dan menekan Ahli itu, kerana bukan menjalankan tugas, tetapi hendak menghentam Kerajaan dengan hasutan, itu jenayah macam juga rogol (*Ketawa*).

## KELAS TADIKA

**16. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk menjadikan kelas-kelas TADIKA suatu bidang pendidikan yang lebih berkesan di seluruh negara.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak menganjurkan kelas-kelas TADIKA. Kelas-kelas TADIKA adalah dianjurkan oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ada mengadakan kelas TADIKA di kawasan-kawasan luar-bandar serta menganjurkan kursus-kursus untuk guru-guru TADIKA dengan kerjasama Kementerian Pelajaran.

Sebelum sesebuah kelas TADIKA ditubuhkan, permohonan hendaklah dibuat kepada Kementerian Pelajaran di bawah Education (Kindergarten and Nursery School) (Registration) Rules, 1972 untuk mendapatkan pendaftaran daripada Kementerian Pelajaran. Sesebuah kelas TADIKA hanya didaftarkan apabila ia memohon syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah peraturan pendaftaran tersebut. Syarat-syarat pendaftaran ini akan menjamin kelas-kelas TADIKA yang telah mendapat pendaftaran daripada Kementerian Pelajaran memberikan pendidikan yang bermutu dan berkesan.

**Tuan K. Pathmanaban:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengadakan Kelas TADIKA di Kampung-kampung Baru dan di ladang-ladang?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam jawapan saya tadi iaitu Kelas TADIKA adalah dianjurkan oleh pihak swasta. Tetapi cadangan daripada Yang Berhormat itu boleh dipertimbangkan di masa akan datang.

## RUMAH HARGA MURAH

**17. Datuk Stephen Yong Kuet Tze** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan adakah rancangan-rancangan untuk sekim-sekim rumah harga murah di Sarawak dan jika ada, nyatakan matlamat untuk tahun 1975 dan lima tahun yang akan datang.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan sebanyak $5 juta telah diluluskan bagi Negeri Sarawak untuk sekim-sekim rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Bagi tahun 1975, satu sekim rumah murah di Piasau, Miri mengandungi 400 yunit rumah papan dan 5 buah kedai 2 tingkat sedang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Kemajuan Perumahan Sarawak. Wang pinjaman sebanyak $5 juta yang diluluskan bagi tahun 1975 akan digunakan untuk melaksanakan sekim tersebut.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) Kerajaan Sarawak telah merancangkan untuk membina 3,129 yunit rumah awam (3,036 rumah papan dan 93 buah kedai) di seluruh negeri Sarawak.

## BEKAS PERAJURIT—PEKERJAAN

**18. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(*a*) bilangan bekas-bekas perajurit yang telah mendapat kerja di Jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan separuh Kerajaan serta bilangan yang telah mendapat tempat dalam Rancangan-rancangan FELDA dan Tanah Pinggir;

(*b*) samada terdapat jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan separuh Kerajaan yang tidak mengambil bekas-bekas perajurit untuk kerja-kerja yang boleh dibuat oleh mereka, jika ya, nyatakan bilangan jawatan yang telah diberi kepada orang awam dan sebutkan jenis jawatan-jawatan itu;

(*c*) tindakan Kerajaan terhadap jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan separuh Kerajaan yang telah bersikap seperti (*b*) di atas dan samada tindakan diambil terhadap mereka; dan

(*d*) bilangan anggota angkatan tentera yang akan bersara dalam tahun 1975.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Bilangan bekas-bekas perajurit yang telah mendapat kerja di Jabatan Kerajaan atau badan-badan separa Kerajaan tidaklah dapat diketahui dengan tepat kerana sebahagian daripada mereka telah tidak melapurkan kepada Kementerian saya apabila mereka berjaya mendapat pekerjaan. Tetapi daripada apa yang terdapat dalam rekod-rekod kami bilangan yang mendapat pekerajaan dengan Jabatan-jabatan Kerajaan ialah 1,975 orang.

Bilangan yang diketahui telah mendapat tempat dalam rancangan-rancangan tanah ialah:

Rancangan Tanah Felda 2,259 orang.
Rancangan Tanah Pinggir 1,337 orang.

(*b*) Jabatan-jabatan Kerajaan dan separa Kerajaan ialah terikat oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan No. 10 tahun 1969 untuk mengisikan beberapa jawatan yang ditetapkan dalam Pekeliling tersebut dengan kadar peratus yang tertentu bagi bekas perajurit. Sejauh yang diketahui oleh Kementerian saya, Jabatan-jabatan dan Badan-badan yang berkenaan telah memberikan kerjasama sepenuhnya. Sekiranya mereka tidak dapat memenuhkan peraturan yang ditentukan oleh Surat Pekeliling itu, mereka terpaksa meminta kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membolehkan mereka mengisi jawatan tersebut dengan orang-orang awam.

(*c*) Jabatan Perkhidmatan Awam adalah sentiasa memperingatkan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Separa Kerajaan tentang adanya syarat-syarat yang terkandung di dalam Pekeliling tersebut dan meminta supaya pekeliling tersebut dipatuhi dengan sepenuhnya;

(*d*) Bilangan anggota-anggota tentera yang akan bersara atau tamat perkhidmatan dalam tahun 1975 ialah 540 pegawai dan 2,353 lain-lain pangkat. Angka ini walau bagaimanapun tidak dapat dianggap sebagai angka yang muktamad oleh kerana separuh daripada mereka ini mungkin akan memohon untuk menyambungkan perkhidmatan mereka.

## JURURAWAT—PAKAIAN SERAGAM

**19. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pakaian seragam jururawat-jururawat dan penolong-penolong jururawat telah menambahkan sakit jiwa di kalangan pesakit-pesakit di samping kesaktian fiziknya dan jika ya, samada Kementerian beliau akan menukar pakaian seragam yang ada sekarang kepada yang lebih moden iaitu "Maxi".

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa pakaian seragam Jururawat-jururawat dan Penolong-penolong Jururawat itu menambahkan perasaan kecemasan jiwa pesakit-pesakit di samping penyakit tubuh badan. Buat masa ini, Kementerian saya belum ada cadangan untuk membuat perubahan pada pakaian seragam yang ada sekarang ini.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa seseorang yang memandang pada perempuan yang tubuhnya separuh terbuka dengan perempuan yang tidak terbuka separuh tubuhnya itu tidak serupa biasanya? (*Ketawa*).

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pakaian-pakaian seragam yang dipakai oleh Jururawat dan Penolong Jururawat sekarang ini nampaknya sudah lebih baik, sebab sudah ke bawah daripada lutut. Jadi kalau pun nampak bawah daripada lutut barangkali tidaklah begitu merbahaya (*Ketawa*).

## KEMALANGAN JALANRAYA DI BATU TIGA/EMPAT

**20. Tuan Walter Loh Poh Khan** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan bahawa memandangkan kepada selalunya terjadi kemalangan jalanraya di Batu Tiga dan Empat, Jalan Ampang, adakah beliau bercadang untuk membina jejambat di beberapa tempat sepanjang jalan tersebut agar dapat mengelakkan berlaku lagi kemalangan jalanraya.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya telah menjalankan satu kajian di atas perkara ini. Mengikut angka-angka kemalangan jalanraya bagi tahun 1974, 5 kemalangan telah berlaku di sepanjang jalan antara Batu 3 dan 4 Jalan Ampang. Bagaimanapun, hanya satu kemalangan sahaja yang telah melibatkan orang berjalan kaki. Ini menunjukkan jejambat-jejambat tidak sangat diperlukan sepanjang jalan tersebut pada masa sekarang. Sekolah-sekolah di kawasan Jalan Ampang mempunyai pengawal-pengawal lalulintas untuk mengawal lalulintas supaya murid-murid dapat melintas dengan selamat.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi keterangan, apakah langkah yang telah diambil untuk menetapkan mereka supaya mereka menggunakan jejambat tersebut?

**Datuk Ong Kee Hui:** Tidak ada jejambat di sana, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, pada kebanyakkan tempat dalam Bandaraya kita, ada jejambat tetapi rakyat tidak menggunakan jejambat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini tidak bersangkut dengan soalan ini Ahli Yang Berhormat.

## PERKHIDMATAN KESIHATAN PENDUDUK KAWASAN PANTAI

**21. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan supaya penduduk-penduduk di kawasan pantai di Sarawak yang tinggal di sepuluh buah rumah panjang dan sebuah Kampung Melayu di antara Kuala Bintulu dan Kuala Tatau di Daerah Bintulu dalam Bahagian Keempat Sarawak diberi perhatian yang cukup oleh pihak berkuasa perubatan.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan pantai ini adalah diberi pelbagai rancangan perkhidmatan Kesihatan yang diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Perubatan. Rancangan-rancangan itu ialah seperti Rancangan Mengawal Tibi, Rancangan Mengawal Malaria dan Rancangan Mengawal Kusta dikelolakan di bawah Rancangan Kesihatan penduduk-penduduk luarbandar. Di sini juga diberi kemudahan-kemudahan perkhidmatan dispensari bergerak dan perkhidmatan kesihatan kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung diperluaskan hingga ke Kuala Tatau pada tiap-tiap minggu.

## LATIHAN JURURAWAT

**22. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kelemahan-kelemahan di dalam latihan jururawat-jururawat dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada kelemahan-kelemahan yang besar didapati di dalam latihan Jururawat di Kementerian Kesihatan. Calun-calun yang telah lulus daripada sekolah-sekolah di Kementerian Kesihatan telah mencapai taraf dan juga syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Jururawat Malaysia.

Seperti yang tuan-tuan maklum bahawa Kementerian Kesihatan melatih bilangan pelatih-pelatih yang besar dan tentulah ada kesulitan yang dihadapi terutama sekali di dalam menyediakan tempat-tempat kediaman. Kesulitan ini telah dapat diatasi dengan membangunkan asrama-asrama di Kuala Lumpur dan Johor Bahru dan juga dengan membuka sebuah lagi sekolah latihan Jururawat yang baru di Melaka. Rancangan mengadakan dua buah lagi sekolah latihan Jururawat di Ipoh dan Kelantan sekarang sedang di dalam pelaksanaan dan dijangka siap tidak berapa lama lagi.

Kementerian Kesihatan suka menyatakan di sini bahawa Latihan Jururawat di negara

ini adalah di bawah jagaan Lembaga Jururawat Malaysia. Lembaga ini sentiasa mengawasi dan menilai mata-mata pelajaran yang diberikan di semua sekolah-sekolah latihan Jururawat.

Saya memberi jaminan bahawa mata-mata pelajaran dan latihan praktikal bagi Jururawat di negara ini adalah memuaskan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada keadaan-keadaan walaupun tidak merupakan kelemahan tetapi kurang puas hati di kalangan orang ramai dan di kalangan Pelatih Jururawat sendiri berkaitan dengan campurtangan setengah orang terhadap kebebasan mereka sebagaimana yang tersiar di surat-surat khabar baru-baru ini bahawa ada setengah Pelatih Jururawat ini diperintah supaya diajak berdansing sama dan mengadakan tarian-tarian dengan pihak-pihak yang tertentu? Jika mereka tidak mahu maka ada tekanan kepada mereka yang bererti ini sudah menganggu kebebasan Pelatih-pelatih Jururawat itu. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar dan apakah tindakan untuk menghapuskan kejadian-kejadian seperti ini?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, tetapi itu adalah soalan yang lain. Saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh memberi notis pada mesyuarat akan datang.

## DEMAM DENGGI—KEMATIAN

**23. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(*a*) jumlah orang yang telah terkorban akibat demam denggi sehingga hujung bulan Januari, 1975, bagi tiap-tiap negeri;

(*b*) bilakah Kerajaan akan menghantar satu rombongan pakar-pakar perubatan ke negeri China untuk mempelajari cara-cara negeri China mengawal nyamuk dan lalat; dan

(*c*) selain daripada menguatkuasakan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit apakah langkah-langkah yang Kementerian beliau telah ambil untuk mencegah demam denggi.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Angka kematian yang dilapurkan disebabkan oleh demam denggi haemorrhagic bagi 1973 ialah 54, 104 bagi 1974 dan 2 kematian hingga Januari 1975. Kejadian mengikut negeri dan tahun adalah seperti berikut:

| Negeri | 1973 | 1974 | 1975 (hingga 31-1-75) |
|---|---|---|---|
| Perlis ... ... | 0 | 0 | 0 |
| Kedah ... ... | 0 | 1 | 0 |
| Pulau Pinang ... | 0 | 0 | 0 |
| Perak ... ... | 0 | 6 | 1 |
| Selangor ... | 20 | 12 | 1 |
| Negri Sembilan | 1 | 1 | 0 |
| Melaka ... | 0 | 11 | 0 |
| Johor ... ... | 31 | 71 | 0 |
| Pahang ... | 2 | 2 | 0 |
| Trengganu ... | 0 | 0 | 0 |
| Kelantan ... | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah ... | 54 | 104 | 2 |

(*b*) Kementerian telahpun menghantar seorang Pegawai Perubatan Kesihatan ke Negeri China dalam bulan Mac 1973 bersama-sama dengan Rombongan Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia.

Lapuran yang disediakan oleh pegawai itu telah menunjukkan banyak kemajuan di dalam bidang Kesihatan Am di Negara China yang elok dikaji dengan lebih mendalam oleh Kementerian Kesihatan.

Kementerian saya bercadang untuk menghantar rombongan ke Negara China Kursus untuk mengkaji nyamuk dan lalat.

(*c*) Maklumat-maklumat yang dikehendaki itu telah saya berikan di dalam Jawapan Bertulis kepada Yang Berhormat pada Persidangan Parlimen yang lepas pada bulan Disember 1974. Suka saya menambahkan bahawa tindakan-tindakan dan langkah-langkah untuk menghapuskan demam denggi telah diperhebatkan lagi di waktu ini dan bagi makluman Yang Berhormat, Undang-undang Pemusnahan Serangga-serangga, 1975 akan dikuatkuasakan pada 1hb Mei, 1975 ke beberapa kawasan yang tertentu dalam Semenanjung Malaysia.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan beliau mengatakan dalam tahun 1973 jumlah kematian disebabkan oleh demam denggi seramai 54. Dalam tahun 1974 seramai 104. Ini bermakna makin lama makin bertambah kematian disebabkan oleh demam denggi. Kementerian Kesihatan ada mengumumkan beberapa langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya tetapi nampaknya langkah-langkah itu tidak berguna oleh sebab makin lama makin bertambah kematian disebabkan oleh demam denggi. Apakah tindakan atau langkah-langkah yang lebih lanjut akan diambil oleh Kementerian Kesihatan supaya makin lama makin tidak bertambah kematian disebabkan oleh demam denggi atau Kementerian Kesihatan boleh mengawal demam denggi di tanahair kita.

**Tuan Abu Bakar Umar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya Kementerian Kesihatan akan menguatkuasakan Undang-undang Pemusnahan Serangga pada 1hb Mei, 1975 oleh kerana sebelum daripada Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan, orang ramai tidak begitu mengambil berat di atas nasihat-nasihat dan anjuran-anjuran yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan. Maka kita berharap dengan adanya kuatkuasa Rang Undang-undang ini insya Allah akan dapat kita hapuskan penyakit demam denggi ini daripada bumi Malaysia ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, negeri yang sangat merbahaya ialah Johor. Apakah rancangan khas telah diambil atau akan diambil supaya kita boleh mengawal demam denggi di Negeri Johor?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan khas yang akan diambil di Negeri Johor ialah memperkuatkuasakan Undang-undang Permusnahan Serangga-serangga di Johor khasnya di Pontian.

## BENIH BUAH-BUAHAN/SAYUR-SAYURAN—BUKU HIJAU

**24. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar iaitu pelaksanaan dasar rancangan Buku Hijau bukan sahaja memerlukan tanah tetapi memerlukan benih. Adakah Kementerian beliau memberi benih buah-buahan dan sayur-sayuran kepada mereka yang memohon, jika tidak mengapa; dan

(*b*) samada Kerajaan bercadang memberi baja percuma atau baja yang disubsidi kepada penduduk-penduduk kampung untuk menjayakan rancangan Buku Hijau itu.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Saya sedar Kementerian saya ada menyediakan benih-benih yang boleh dibeli daripada Jabatan Pertanian melalui Pegawai-pegawai Daerah. Sebab pun benih-benih ini tidak diberi dengan percuma ialah kerana difikirkan bahawa benih itu akan lebih dihargai jika sekiranya mereka itu membeli benih-benih itu.

(*b*) Tidak. Untuk menjayakan rancangan Buku Hijau ini baja tempatan boleh juga digunakan seperti baja kompos, baja tahi ayam dan sebagainya.

## JALANRAYA BATU LIMA BAGAN KE PARIT SULONG

**25. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada Kerajaan bercadang memperbaiki lagi jalanraya Batu Lima Bagan menuju ke Parit Sulong dan menaikkan tarafnya dari Kelas C ke Kelas A; jika ya, bilakah kerja akan dimulakan dan jika tidak, mengapa.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah jalan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu bahawa projek untuk menaikkan taraf jalan yang tersebut itu telah dicadangkan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

## HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM—KEKURANGAN KATIL

**26. Tuan Tan Cheng Bee** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Wad Bersalin di Hospital Daerah, Bukit Mertajam hanya mempunyai dua buah katil bersalin (labour beds) dan dengan demikian tidak mencukupi kelahiran yang

banyak yang kadangkala sampai 40 kelahiran sehari dan ketiadaan seorang Pakar Bersalin (Gynaecologist) menyebabkan kesusahan kepada orang ramai; jika sedar, adakah Menteri akan mengambil tindakan segera untuk membaiki keadaan ini.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas kekurangan bilangan katil di Hospital Daerah, Bukit Mertajam dan masaalah ini tersangat genting di dalam Yunit Perbedahan. Untuk mengatasi kekurangan bilangan katil di Hospital Bukit Mertajam, tindakan segera telah diambil untuk menukarkan Wad Tibi yang kurang digunakan sekarang menjadi tempat katil-katil am. Wad ini juga akan diperbesarkan dalam tahun ini (1975). Sementara itu bagi rancangan jangka panjang bagi pembesaran ke peringkat Hospital Bukit Mertajam dengan membina belok-belok wad 4 tingkat adalah sekarang ini sedang di dalam persediaan. Dalam masa tempoh tersebut, tindakan akan diambil menyusun kembali kemudahan-kemudahan yang ada sekarang bagi mengurangkan kesesakan yang genting dalam Yunit Perbidanan. Pakar Perbidanan dan Sakitpuan membuat lawatan ke Hospital tersebut sekali di dalam satu minggu untuk menguruskan kes-kes kesulitan dan menjalankan pembedahan. Peraturan ini adalah memuaskan buat sementara waktu ini.

## HOSPITAL BUKIT MERTAJAM—PESAKIT

**27. Tuan Tan Cheng Bee** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada semakin bertambahnya bilangan pesakit-pesakit luar di Hospital Bukit Mertajam, samada beliau akan menimbang meluaskan tempat memberi ubat (dispensary) dengan menyediakan lebih banyak tingkap-tingkap (pigeon holes) untuk menyegerakan pemberian ubat oleh kerana pesakit-pesakit sekarang ini menghadapi kesukaran kerana terpaksa berbaris panjang dan menunggu untuk mendapatkan ubat-ubat mereka.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pesakit-pesakit di Hospital Bukit Mertajam yang terpaksa menunggu giliran yang lama untuk mengambil ubat, maka Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menambahkan lagi dua kaunter tempat memberi ubat kepada pesakit-pesakit itu. Kalau tak cukup, kita tambah lagi tiga. (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoon:** Kalau sekiranya kita boleh mengatasi masaalah ini dengan membuka kaunter sahaja, bagaimanakah Menteri yang berkenaan boleh mengatasinya kalau sekiranya tidak ada lebih kakitangan di belakang kaunter itu?

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sudah kita buka kaunter, tentu ada di belakangnya yang hendak jaga kaunter (*Ketawa*) bolehlah mengatasinya buat sementara waktu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau sekiranya ada dibuka satu kaunter tambahan, adakah bertambah bilangan dispenser di dalam bilik itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah Yang Berhormat Menteri jawab tadi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya rasa beliau tidak jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila buka satu lubang baru, adalah orang di belakangnya (*Ketawa*).

## RUMAH AWAM—RANCANGAN MEMBINA

**28. Tuan Sibat anak Tagong** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Bahru menyatakan samada satu rancangan rumah murah akan dijalankan di Sarawak khususnya dalam Bahagian Ketujuh.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976—1980) Kerajaan Negeri Sarawak ada membuat rancangan untuk membina rumah-rumah awam. Satu daripada rancangan-rancangan perumahan itu ialah di Bahagian Ketujuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 29 hingga 59 adalah diberi di bawah ini*).

## BUKU-BUKU TEKS—KEKURANGAN

**29. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) samada beliau sedar tentang kekurangan buku-buku teks di setengah-setengah negeri pada tahun ini yang telah mengakibatkan kebimbangan dan kerugian kepada ibubapa dan anak-anak mereka yang bersekolah;

(*b*) sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan buku-buku teks.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):**

(*a*) Tidak ada kekurangan buku teks yang sebenar pada tahun ini. Apa yang sebenarnya berlaku ialah sedikit kesukaran yang dihadapi oleh ibubapa yang anak-anak mereka tidak layak menerima bantuan buku-buku teks bagi mendapatkan buku-buku teks dari kedai-kedai buku pada awal penggal. Ini adalah disebabkan oleh kerana kedai buku atau pembekal-pembekal tidak dapat mengukur bilangan murid-murid yang di luar Sekim Bantuan Buku-buku Teks bagi tujuan penyimpanan stok. Walau bagaimanapun, keperluan bekalan buku-buku teks bagi murid-murid ini telahpun dipenuhi sebaik sahaja kedai-kedai buku itu atau pembekal-pembekal menerima pesanan keperluan buku-buku teks mereka dan juga dari pihak sekolah sendiri.

(*b*) Bagi mengatasi masaalah tersebut Kementerian Pelajaran telah menjalankan satu tinjauan ke seluruh negara untuk mengetahui butir-butir lengkap mengenai keperluan buku teks itu di sekolah-sekolah. Maklumatbalik dari tinjauan ini telah diberikan kepada penerbit-penerbit yang berkenaan untuk dijadikan panduan bagi mencetak buku-buku mereka dengan secukupnya.

Di samping itu Kementerian Pelajaran telah juga menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk menilai pelaksanaan bantuan buku-buku teks dan mengkaji segala masaalah bersangkutan dengan implementasinya supaya masaalah yang timbul pada tahun ini tidak akan berulang lagi pada tahun-tahun akan datang.

## GURU-GURU KATEGORI B1 DAN B2

**30. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada keputusan yang muktamad telah dicapai tentang perubahan sekim gaji guru-guru dalam Kategori B, beri butir-butir lanjut.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Belum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada bulan Julai 1974 yang lalu telahpun membuat tawaran mengenai perubahan Sekim Gaji bagi guru-guru dalam Kategori B1 dan B2 kepada Jawatankuasa Bertindak Kebangsaan Kesatuan-kesatuan Guru Malaysia Barat yang mewakili guru-guru dalam gulungan ini. Jawatankuasa tersebut pada prinsipnya telah menerima tawaran Kerajaan itu tetapi tertakluk kepada beberapa syarat tertentu. Sekarang ini Kerajaan masih mengkaji syarat-syarat yang dikemukakan itu.

## OPERASI SARAK

**31. Tuan Leo Moggie anak Aroke** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa dalam gerakan "SARAK" dalam tahun 1972 Kerajaan bercadang mendirikan pusat-pusat Perniagaan di Ulu Katibas. Ulu Musah dan Ng. Bangkit di Bahagian Ketujuh Sarawak; apakah yang terjadi kepada projek ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Operasi "SARAK" telah dilancarkan pada 4hb Februari, 1972 dalam Daerah-daerah Kanowit dan Song, meliputi Kawasan Sungai Ngemah, Sungai Dap, Sungai Poi, Sungai Machan, Sungai Katibas dan Sungai Musah. Tujuan operasi itu ialah untuk mengkaji keadaan sosio-ekonomi penduduk di kawasan tersebut dan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai bagi memperbaikinya. Di antara rancangan-rancangan yang disyorkan untuk dilaksana ialah menubuh 10 pusat-pusat perniagaan supaya penduduk-penduduk setempat yang kebanyakannya daripada kaum Iban dapat dibimbing untuk tujuan berikut:

(i) Memperbaiki keadaan ekonomi penduduk-penduduk setempat pada keseluruhannya.

(ii) Menggalakkan pengusahaan punca-punca ekonomi tempatan yang boleh membawa hasil bagi membaiki kedudukan ekonomi.

(iii) Menyemaikan semangat berdikari.

(iv) Melatih penduduk setempat mengambil bahagian dalam perniagaan.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi bantuan sebanyak $9,350 sebagai "launching grant" kepada tiap-tiap pos perniagaan yang ditubuhkan. Kajian yang dimaksudkan itu selesai dibuat pada bulan Oktober, 1972 dan kesimpulan yang didapati ialah untuk mencapai matlamat menjamin keselamatan dan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi penduduk di dalam kawasan Operasi "SARAK" itu maka penduduk-penduduk yang bermastautin di Sungai Katibas (termasuk anak-anak sungainya iaitu Sungai Musah, Sungai Bangkit) dan Sungai Ngemah hendaklah dikumpulkan di bawah rancangan penempatan semula. Hasil dari gerakan ini dua kampung penempatan semula telah diadakan bagi Sungai Ngemah di Nanga Jagau pada 2-4-73 dan Nangga Ngungun pada 12-7-73. Tetapi bagi penduduk Kawasan Sungai Katibas, oleh kerana keadaan keselamatan telah bertambah baik maka rancangan penempatan semula yang pada mulanya direncanakan itu ditangguhkan.

Dalam pada itu rancangan pembangunan dijalankan juga seperti kawasan lain tetapi dalam bentuk yang disesuaikan kepada kawasan itu. Oleh kerana perhubungan bagi kawasan seperti itu adalah sukar maka Kerajaan telah menjalankan rancangan secara berpadu (integrated). Umpamanya Kumpulan Tindakan Sivik yang mengandungi pegawai-pegawai dari Jabatan Kerjasama, Kebajikan Masyarakat, Pertanian, Penerangan, Perubatan dan Pelajaran mengunjungi kawasan-kawasan seperti Sungai Katibas, Ulu Musah, Nangga Bangkit secara satu kumpulan pada satu-satu masa untuk membantu dan membimbing penduduk di situ ke arah memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka.

Untuk makluman, dua Syarikat Kerjasama telahpun berjaya ditubuhkan di dalam Kawasan Operasi "SARAK" di kawasan yang telah ditubuhkan perkampungan penempatan semula iaitu di Nangga Jagau dan Nangga Ngungun dengan mendapat keuntungan sebanyak $7,703,55 bagi Nangga Jagau dan "turnover" bagi Nangga Ngungun ialah $20,863.70. Apa yang menggalakkan ialah tiap ketua keluarga di kampung-kampung itu telah menjadi ahli dalam Syarikat Kerjasama itu.

## BUMIPUTRA—NILAI PINJAMAN

**32. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(*a*) berapa bilangan dan jumlah nilai pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan sejak 1hb Januari, 1973 kepada kaum Bumiputra:

(i) di Semenanjung Malaysia,

(ii) Sabah, dan

(iii) Sarawak;

(*b*) adakah beliau akan menimbang menambah jumlah dan bilangan pinjaman-pinjaman kepada Bumiputra-bumiputra di Sarawak.

**Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn):**

(*a*) Pihak Perbendaharaan tidak memberi sebarang pinjaman secara terus kepada kaum Bumiputra perseorangan samada di Semenanjung Malaysia, Sabah ataupun di Sarawak. Pihak Perbendaharaan cuma memberi pinjaman-pinjaman hanya untuk projek-projek tertentu yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerjasama dan mana-mana Institusi-institusi yang difikirkan perlu untuk kepentingan Kerajaan. Seterusnya, Institusi-institusi inilah yang akan memberi pinjaman-pinjaman kepada kaum Bumiputra perseorangan bagi membiayai kegiatan-kegiatan perniagaan di mana Institusi-institusi ini diberi kuasa untuk berbuat demikian.

(*b*) Oleh yang demikian, persoalan bagi menambahkan jumlah pinjaman-pinjaman terus kepada kaum Bumiputra perseorangan di Sarawak oleh pihak Perbendaharaan tidak timbul.

## DUTI IMPOT/CUKAI TOKOK ATAS BAJA

**33. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan membatalkan duti impot dan cukai tokok ke atas baja-baja bagi meringankan kesulitan petani-petani kita khasnya mereka-mereka di kawasan luarbandar Sarawak.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengecualikan duti impot ke atas baja jenis nitrojen dan kompaun yang diperjeniskan di bawah Nombor Kepala 31.02 990, 31.05 110, 31.05 120, 31.05 190 dan 31.05 990 mulai daripada 20hb Februari, 1975 hingga 30hb Jun, 1975. Suatu perintah kastam bagi melaksanakan pengecualian ini telah diterbitkan dalam *Warta* Kerajaan sebagai P.U. (A) 50 bertarikh 20hb Februari, 1975;

Pengecualian ini tidak termasuk cukai tokoh oleh kerana pengecualian duti impot yang diberi itu adalah mencukupi.

## INSTITIUT PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN—LATIHAN BUMIPUTRA

**34. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan Institiut Perdagangan dan Perindastrian bagi melatih bumiputra di bidang perdagangan dan perindastrian, jika ya, bila.

**Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan Institiut Perdagangan dan Perindastrian bagi melatih bumiputra di bidang Perdagangan dan Perindastrian oleh kerana sudah ada institusi-institusi dalam mana bumiputra boleh diberi dan mendapat latihan-latihan yang berkenaan, seperti latihan-latihan dan kursus-kursus yang dijalankan oleh pihak MARA, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Institiut Teknoloji MARA, Universiti-universiti.

## HOSPITAL UMUM BARU DI SIBU

**35. Tuan Wee Ho Soon** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada satu tapak yang baru telah diperuntukkan bagi Hospital Umum baru di Sibu, jika ya, adakah projek itu akan dimasukkan ke dalam separuh tempoh yang akhir dalam Rancangan Malaysia Kedua atau separuh tempoh yang pertama dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Satu Firma Penasihat (Consultant Firm) baharu sahaja diberi kuasa untuk menyelidiki satu tempat yang sesuai dalam lingkungan 3 batu dari pusat Bandar Sibu untuk pembinaan sebuah Hospital baru. Pada mulanya penyelidikan hanya dihadkan dalam kawasan hutan simpanan di Bukit Lima atau tanah Kerajaan berdekatan yang tidak berhalangan. Jikalau tanah ini tidak didapati, mereka diberi kuasa untuk menentukan tempat yang sesuai dalam tanah yang telah diambil (alienated land) oleh Kerajaan Satu lapuran ini sedang disediakan.

Peruntukan telah dimasukkan untuk pembinaan hospital ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

## RUMAH MURAH—PROJEK

**36. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak mengadakan projek-projek perumahan murah secara besar-besaran di Kelantan, jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Michael Chen Wing Sum):** Saya ingin memberitahu bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) Kerajaan Kelantan telah merancang untuk membina kira-kira 595 yunit rumah-rumah murah di Negeri Kelantan.

## BIASISWA/DERMASISWA PELAJAR-PELAJAR—MENARIK BALIK

**37. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(*a*) samada benar biasiswa-biasiswa dan dermasiswa-dermasiswa Persekutuan, Negeri dan Badan-badan Kerajaan yang lain telah ditarik balik dari pelajar-pelajar Universiti yang mengambil bahagian dalam demonstrasi masaalah kebuluran di Baling dalam bulan Disember tahun lepas dan jika benar, beri bilangan pelajar-pelajar yang dilucut biasiswa dan dermasiswa, mengikut bilangan untuk tiap-tiap institusi-institusi pelajaran tinggi, dan kriteria yang digunakan untuk membatalkan biasiswa dan dermasiswa tersebut; dan

(*b*) samada beliau setuju tindakan keras seperti ini oleh pihak Kerajaan akan menafikan pelajar-pelajar tersebut terutama mereka dari luar bandar daripada peluang pelajaran dalam hidup,

dan samada Kementerian Pelajaran akan mengambil pandangan yang lebih luas dan "statemen like", dan menghentikan tindakan keras seperti menarik balik biasiswa-biasiswa dan dermasiswa-dermasiswa.

**Dr Mahathir bin Mohamad:**

(*a*) Ya. Tindakan sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menarik balik biasiswa daripada pelajar-pelajar yang terlibat dalam demonstrasi-demonstrasi yang telah diadakan dalam bulan Disember, 1974. Pelajar-pelajar ini akan diberi notis tentang tujuan Kerajaan hendak menarik balik biasiswa mereka, dan pelajar-pelajar itu dipinta menunjukkan sebab-sebab kenapa biasiswa mereka tidak patut dihentikan. Pelajar-pelajar itu juga akan ditemuduga oleh Lembaga-lembaga yang dilantik khas oleh Kerajaan-kerajaan dan pelajar-pelajar yang didapati terlibat secara serius akan dihentikan biasiswa mereka, dan yang lainnya akan diberi semula biasiswanya dengan syarat mereka menandatangani suatu Perjanjian Tambahan. Dengan yang demikian jumlah sebenar pelajar-pelajar yang diberhentikan biasiswa mereka belumlah diketahui lagi.

Tindakan untuk menarik balik biasiswa ini diambil oleh kerana pelajar-pelajar tersebut telah melanggar syarat-syarat perjanjian biasiswa yang telah ditandatangani oleh mereka dengan Kerajaan Persekutuan atau dengan Kerajaan Negeri.

(*b*) Berkenaan dengan soalan (*b*) daripada Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa Kerajaan berpendapat bahawa tugas pelajar-pelajar ialah untuk menumpukan masa dan tenaga kepada pelajaran mereka dan bukannya untuk mengelola atau merancang aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara. Pendirian Kerajaan dalam perkara ini adalah tegas. Kerajaan sememangnya tidak suka mengambil tindakan seperti penarikan biasiswa-biasiswa ini. Tindakan ini diambil dengan hasrat agar pelajar-pelajar faham bahawa mereka bukannya golongan yang teristimewa dan bebas dari peraturan dan undang-undang negara bahkan mereka seperti rakyat yang lain juga, adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan-peraturan negara ini. Dalam hal ini Kerajaan berharap supaya semua pelajar-pelajar akan sedar akan tanggungjawab mereka semasa berada di sekolah, maktab, atau mana-mana institusi pelajaran.

## DOKTOR BERDAFTAR—PERKHIDMATAN WAJIB

**38. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada syarat perkhidmatan selama lima tahun akan diwajibkan ke atas semua doktor-doktor yang baru lulus dari Universiti-universiti, jika ya, bilakah akan dilaksanakan dan jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah kekurangan doktor yang amat sangat di Negara ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Mengikut perbekalan dalam Akta Perubatan 1971, doktor-doktor yang berdaftar penuh diwajibkan berkhidmat selama 2 tahun dengan Kerajaan. Perbekalan ini telah berjalan kuatkuasanya dari tahun 1971 dan ini akan dikaji semula pada tahun hadapan. Syarat perkhidmatan wajib selama lima tahun itu adalah sedang dikaji. Sementara itu untuk mengatasi masaalah kekurangan doktor, Kementerian saya sentiasa berikhtiar mengambil doktor-doktor dan pakar-pakar asing dari luar negeri selain daripada melantik doktor-doktor kita sendiri dari universiti-universiti tempatan dan universiti-universiti luar negeri juga dari semasa ke semasa.

## HOSPITAL BARU DI BATU PAHAT

**39. Tuan Abdul Jalal bin Abu Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan membina Hospital baru bagi daerah Batu Pahat sesuai dengan perkembangan penduduk yang berlipat ganda akibat pesatnya pembangunan di semua lapangan di Batu Pahat sejak akhir-akhir ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Kementerian saya telah mendapat persetujuan pada dasarnya dalam Kajian Semula Penggal Pertengahan bagi Rancangan Malaysia Kedua untuk membina sebuah hospital baru di

Batu Pahat. Projek ini dijadualkan supaya tapak tanah diperolehi semasa Rancangan Malaysia Kedua. Kementerian saya sedang menimbangkan untuk memasukkan projek hospital dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Pada masa sekarang, tindakan sedang diambil untuk mendapatkan sebidang tanah yang sesuai dijadikan tapak hospital baru dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Johor.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ujud di Hospital Daerah, Batu Pahat beberapa projek diadakan semasa Rancangan Malaysia Kedua termasuk wad bersalin wad baru kelas tiga, yunit rawatan rapi dan juga projek-projek memperbaiki wad-wad yang lain.

## LANDASAN KAPALTERBANG SARIKEI

**40. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mendirikan sebuah lapangan terbang di Sarikei kerana ianya sekarang ialah Ibu Wilayah Bahagian Keenam Sarawak.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Keperluan pembinaan sebuah landasan kapalterbang di Sarikei masih belum ditentukan pada masa sekarang kerana adanya sebatang jalanraya yang menghubungkan Sarikei dan Sibu, yang mana di Sibu telah ada sebuah landasan terbang untuk perkhidmatan kapalterbang jenis F27 kepunyaan Sistem Penerbangan Malaysia. Walau bagaimanapun jika ada keperluan mengadakan landasan terbang di Sarikei pada masa akan datang Kementerian akan mengkaji keperluan ini.

Di dalam menentukan pembinaan sesebuah landasan terbang suatu kajian kemungkinan (feasibility study) yang akan menumpukan kepada faktor-faktor seperti ekonomik dan bilangan terafik adalah perlu dijalankan.

## KERETA MAYAT DI HOSPITAL-HOSPITAL

**41. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan menimbang menguntukkan Kereta Mayat di semua hospital-hospital besar untuk memudahkan orang-orang yang bukan berugama Islam.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Ya, saya akan menimbangkan untuk mengadakan kereta mayat di hospital-hospital bagi orang-orang Muslim dan juga yang bukan Muslim. Ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat, tetapi tujuan yang tertentu bagi mengadakan perkhidmatan ini ialah untuk membantu keluarga-keluarga yang bersedih yang tidak mampu dan dapat mencari pengangkutan yang sesuai membawa balik mayat daripada hospital ke rumah mereka. Ianya tidaklah boleh diertikan sebagai menggantikan perkhidmatan orang-orang yang menguruskan mayat yang diadakan oleh pihak swasta.

## ANGKATAN TENTERA—PENGAMBILAN

**42. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(*a*) samada beliau akan menimbang mengambil lebih ramai lagi bukan Melayu ke dalam semua jawatan dalam angkatan tentera supaya mencerminkan penduduk Malaysia yang berbilang bangsa;

(*b*) sejauh manakah tentera darat, tentera laut dan tentera udara kita telah dimodenkan dan dikemaskinikan dari segi:

(i) latihan; dan

(ii) senjata

**Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak):** Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya Angkatan Tentera mencerminkan keadaan penduduk-penduduk negara kita yang berbilang kaum. Jadi soal samada saya akan menimbangkan untuk mengambil lebih ramai lagi orang-orang bukan Melayu ke dalam Angkatan Tentera adalah tidak berbangkit.

Pengalaman kita menunjukkan bahawa calun-calun bukan Melayu yang memohon memasuki Angkatan Tentera hanya berminat berkhidmat dengan Pasukan-pasukan Teknikal kerana pada pendapat mereka ini dapat menjamin kehidupan mereka selepas berkhidmat nanti. Keadaan begini boleh menimbulkan ketidak seimbangan dalam Angkatan Tentera dan Kementerian saya adalah

sentiasa memerhatikan supaya keadaan ini tidak timbul.

Berkenaan soalan (*b*) pula, saya suka memaklumkan bahawa Angkatan Tentera kita yang terdiri dari tentera darat, laut dan udara, adalah salah satu Angkatan Tentera yang termoden di rantau ini, baik dari segi latihan ataupun persenjataan.

## LETRIK—GANGGUAN BEKALAN

**43. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar akan gangguan bekalan letrik yang sentiasa berlaku di waktu malam di setengah-setengah kawasan di Kelantan terutama di Daerah Pasir Mas dan jika ya, mengapa.

**Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Berkenaan dengan gangguan-gangguan bekalan letrik di Negeri Kelantan termasuk Daerah Pasir Mas, dukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan ini telah berlaku beberapa kali pada akhir-akhir tahun 1974 tetapi keadaan telah bertambah baik pada awal tahun 1975 ini selepas tindakan-tindakan sesuai diambil oleh pihak Lembaga Letrik Negara. Ada dua sebab-sebab berlakunya gangguan bekalan letrik yang dimaksudkan:

(*a*) Oleh kerana beban letrik telah meningkat dengan pesatnya di Negeri Kelantan kepunyaan loji yang sedia ada di Stesyen Janaletrik Lundang dan Lemal tidak mencukupi. Oleh sebab itu bekalan letrik terpaksa dipotong secara bergilir-gilir biasanya di waktu malam untuk memadankan jumlah beban keseluruhannya dengan keupayaan loji di stesyen-stesyen tersebut.

Pada masa ini loji tambahan telah dipasang di Stesyen Janaletrik Lundang dan ini akan membaiki keadaan bekalan letrik di Negeri Kelantan pada keseluruhannya.

(*b*) Di masa ada hujan atau angin mungkin bekalan letrik tergendala oleh beberapa sebab seperti berikut:

(i) Rangkaian Talian Pengagehan bekalan letrik 33 KV di Negeri Kelantan adalah sangat luas dan panjang. Dengan keadaan yang demikian ianya terdedah kepada cuaca buruk seperti kilat dan angin kencang yang mengganggunya.

(ii) Talian ini juga melalui kampung-kampung dan dusun-dusun dan seringkali pihak Lembaga Letrik Negara mengalami kesukaran untuk memotong pokok-pokok. Walau bagaimanapun pihak Lembaga Letrik Negara sedang mengambil langkah-langkah untuk menyediakan 'rentis' yang sesuai.

(iii) Selain dari itu talian tersebut juga kerap kali rosak oleh layang-layang, ranting-ranting kayu dan barang-barang lain yang di dapati tercampak keatasnya. Orang ramai adalah diminta bekerjasama untuk mengatasi masaalah ini.

## LETRIK DI LUAR BANDAR

**44. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan menyatakan:

(*a*) sejak pelancaran rancangan Malaysia Kedua berapa buah kampung di kawasan luarbandar di Kelantan terutama di Pasir Mas yang telah dibekal dengan letrik; dan

(*b*) samada beliau bercadang membekalkan letrik kepada lebih banyak kampung di luarbandar di Kelantan di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga, dan jika ya, nyatakan kawasan-kawasan yang berkenaan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Di bawah Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 bilangan kampung di seluruh Negeri Kelantan yang telah diluluskan ialah 139 iaitu terkandung di dalam 84 buah projek dengan jumlah belanja sebanyak $4,335,580. Pada akhir bulan Februari, 1975, 41 projek untuk memberi bekalan letrik kepada 62 kampung telah dapat disiapkan. Untuk Daerah Pasir Mas khasnya, 14 kampung yang terkandung di dalam 8 buah projek telah diluluskan dengan jumlah belanja $355,313. Pada akhir Februari, 1975, 3 buah projek berkenaan telah siap dan ini telah dapat memberi bekalan letrik kepada 4 buah kampung.

(*b*) Projek-projek bekalan letrik untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi seluruh Semenanjung Malaysia termasuklah Negeri Kelantan sedang disusun oleh Kementerian saya, setelah cadangan-cadangan diterima daripada semua negeri. Projek yang diluluskan untuk Rancangan Malaysia Ketiga akan dipertimbangkan mengikut keutamaan yang dipersetujui oleh Kementerian bersama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

**PEPERIKSAAN S.T.P./H.S.C.—NAMA/ ANGKA GILIRAN**

**45. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa setiap calun yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi pada tahun 1974 diarah menulis nombor kad pengenalan mereka di atas kertas-kertas jawapan mereka, jika ia, mengapa calun-calun di Vanto Akademi, Petaling Jaya, diarah menulis nama dan bukan nombor kad pengenalan mereka di atas kertas jawapan mereka.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tidaklah benar bahawa setiap calun yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran pada tahun 1974 diarah menulis nombor kad pengenalan mereka di atas kertas-kertas jawapan mereka. Menurut peraturan peperiksaan yang telah diaturkan oleh Lembaga Peperiksaan tempatan, University Cambridge, tiap-tiap calun peperiksaan S.T.P. atau H.S.C. hanya dikehendaki mencatitkan nama dan angka gilirannya pada kertas-kertas jawapan. Oleh itu apa yang berlaku di Pusat Peperiksaan di Vanto Akademi dalam tahun 1974 itu adalah selaras dengan peraturan yang dinyatakan tadi.

**TALIPON ORANGRAMAI ROSAK**

**46. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa sebilangan besar daripada talipon-talipon di pondok-pondok talipon selalunya rosak dan kerosakan tersebut tidak diperbaiki dengan segera. Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Kementerian Perhubungan dan Jabatan Talikom sedar tentang banyaknya talipon-talipon orangramai yang rosak. Talipon-talipon ini rosak disebabkan oleh perbuatan nakal atau jahat (vandalism). Segala usaha adalah dibuat oleh Jabatan Talikom untuk membaiki dan menggantikan alat-alat talipon yang rosak itu dengan secepat mungkin. Berapa cepat kerja membaiki itu dapat dijalankan adalah bergantung kepada jenis kerosakan dan setakat mana kerosakan itu berlaku, serta di atas adanya alat-alat untuk pengganti yang rosak itu, atau alat-alat baru yang lengkap (complete new equipments).

Di dalam daerah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja, 67 talipon-talipon orangramai telah rosak daripada jumlah 189 buah dan telah ditarik dari perkhidmatan kerana talipon-talipon tersebut tidak dapat dibaiki langsung dan perlu diganti selengkapnya dengan talipon-talipon yang baru.

Saya mengambil peluang ini untuk meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak-pihak lain semuga mengawasi dan menjaga talipon-talipon umum dari dirosakan oleh mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan nakal. Saya percaya dengan kerjasama ini bilangan talipon yang rosak akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa—masa dan perkhidmatan talipon umum akan berjalan dengan memuaskan sejajar dengan tujuan mengadakan perkhidmatan tersebut.

Beberapa cara telahpun dijalankan untuk menyelamatkan talipon-talipon tersebut termasuk menempatkan pondok talipon itu sebelah-menyebelah berhampiran dengan pondok Polis, tetapi di mana ini tidak dapat dijalankan, talipon-talipon tersebut kerap kali dirosakkan oleh perbuatan "vandalism".

Walau bagaimanapun, untuk meneruskan dan mengadakan perkhidmatan ini kepada orangramai, Jabatan ini telah mengikat satu kontrek dengan sebuah syarikat tempatan (Uniphone Sdn. Bhd.) yang mana syarikat tersebut akan menyelenggara semua talipon-talipon orangramai dan juga memasang yang baharu di tempat-tempat yang difikirkan perlu oleh Jabatan Talikom. Kontrek ini berjalan kuatkuasanya mulai dari 1-1-75 tetapi bagi permulaan hanya meliputi daerah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja. Sekiranya rancangan ini menunjukkan kejayaan, ini akan diluaskan untuk meliputi daerah-daerah lain.

## MAJLIS TEMPATAN—PERUNTUKAN

47. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar peruntukan wang untuk Majlis-majlis Tempatan adalah tidak mencukupi. Jika ya, adakah Kerajaan akan menambahkan peruntukan-peruntukan tersebut. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui):** Kementerian saya tidak sedar tentang perkara ini kerana Kerajaan-kerajaan Negeri ada menghulurkan bantuan perimbangan (balancing grant) pada tiap-tiap tahun kepada semua Majlis Tempatan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan juga perbelanjaan khas. Daripada masa ke semasa Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri ada memberi bantuan untuk projek-projek kecil di dalam kawasan Majlis-majlis Tempatan ini seperti pembinaan jalanraya, longkang-longkang, pasar-pasar dan sebagainya. Bantuan perimbangan yang diberi oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri pada Majlis-majlis Tempatan adalah berdasarkan kepada kemampuan dan kebolehan Majlis-majlis itu memungut hasil sendiri daripada cukai-cukai harta-benda, lesen dan bayaran-bayaran lain. Sekiranya anggaran hasil bagi satu-satu tahun itu tidak dapat dipungut dengan sepenuhnya kerana kelemahan pentadbiran Majlis-majlis itu sendiri atau keengganan mereka untuk menjalankan tindakan undang-undang maka Kerajaan tidak sepatutnya memberi pertolongan lagi. Bagi mengatasi kelemahan pentadbiran Majlis-majlis Tempatan amnya di Semenanjung Malaysia ini, Kerajaan telahpun membuat dasar untuk menyusun semula semua penguasa tempatan dengan mencantumkan penguasa-penguasa tempatan yang kecil dengan penguasa-penguasa tempatan yang besar. Dengan cara ini Kerajaan berharap segala kelemahan pentadbiran dan kewangan yang terdapat dikebanyakan penguasa tempatan akan dapat diselesaikan.

## TALIPON—PERMOHONAN

48. **Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah bilangan permohonan talipon di Wilayah Persekutuan sahaja pada tahun 1974 dan bilangan permohonan yang masih menanti kelulusan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Bilangan permohonan-permohonan talipon yang diterima bagi Kawasan Wilayah Persekutuan dalam tahun 1974 ialah sebanyak 13,551. Dari jumlah tersebut bilangan pemohon-pemohon yang masih menunggu kelulusan ialah sebanyak 9,584. Permohonan mereka akan diluluskan berasaskan kepada tambahan ibu sawat dan talian talipon yang sedang di dalam peringkat pelaksanaan dari masa ke semasa.

## TALIAIR SUNGAI MANIK—RANCANGAN

49. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan bila Kerajaan akan meneruskan pembinaan taliair konkrit di rancangan persawahan Sungai Manik.

**Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Perkara ini masih dalam kajian.

Rancangan Taliair Sungai Manik terletak di Daerah Hilir Perak dan meliputi kawasan bendang seluas 16,300 ekar. Pada masa dahulu, kawasan tersebut ditanam padi sekali setahun sahaja. Penanaman padi luar musim (iaitu dua kali setahun) telah dimulakan pada tahun 1966 di sebahagian kawasan yang meliputi kira-kira 11,000 ekar. Kemajuan yang telah dicapai dari setahun ke setahun itu telah menarik perhatian kaum petani di bahagian-bahagian lain kawasan rancangan tersebut untuk mendapat kemudahan-kemudahan bagi mereka menanam padi dua kali setahun juga. Dengan masaalah kekurangan air daripada Sungai Batang Padang, maka cuma 14,800 ekar dari sejumlah 16,300 ekar kawasan itu dapat diberi kemudahan-kemudahan pengairan dan bekalan air untuk menanam padi luar musim (iaitu dua kali setahun).

## SAMSU HARAM—TANGKAPAN

50. **Tuan K. Pathmanaban** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pengeledahan, tangkapan dan tindakan mahkamah yang berjaya terhadap mereka yang membuat samsu haram ataupun menjual samsu itu dalam tahun 1974.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Dalam tahun 1974 bilangan pengeledahan, tangkapan dan tindakan mahkamah yang berjaya

terhadap mereka yang membuat samsu haram ataupun menjual samsu itu adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Bilangan Pengeledahan | ... | 427 |
| Bilangan tangkapan | ... | 93 orang |
| Tindakan Mahkamah yang berjaya ... ... | ... | 800 orang |

## RUMAH HARGA MURAH—RANCANGAN

**51. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan dengan halusnya bilangan dan tempat-tempat kampung baru yang telah disediakan rumah-rumah berharga murah atau tanah untuk menampung penambahan penduduk kampung baru, dan samada terdapat rancangan-rancangan untuk menempatkan tapak-tapak perindastrian di kawasan yang berhampiran dengan kampung-kampung baru.

**Tuan Michael Chen Wing Sum:** Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini Kementerian saya belum lagi mengadakan sebarang rancangan rumah-rumah yang berharga murah ataupun mengadakan tanah bagi mengatasi bilangan penduduk kampung-kampung baru yang bertambah. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, memanglah menjadi hasrat dan cita-cita Kementerian saya berusaha untuk mendapatkan tanah-tanah yang berhampiran kepada kampung-kampung baru yang telah menjadi sempit dan sesak disebabkan bertambahnya penduduk-penduduk kampung-kampung tersebut. Walau bagaimanapun tercapainya usaha dan cita-cita itu adalah tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapatkan tanah di sekeliling kampung-kampung baru tersebut. Seperti juga Ahli Yang Berhormat itu maklum keadaan tanah-tanah di sekeliling kampung-kampung baru pada masa sekarang sangatlah berkurangan; kebanyakannya adalah dipunyai oleh pihak-pihak persendirian. Oleh itu sebelum tindakan untuk mengambil tanah-tanah tersebut bagi meluaskan kawasan-kawasan kampung baru, kajian hendaklah dibuat dengan teliti samada pemgambilan alih tanah-tanah tersebut akan berkehendakkan wang yang sangat banyak. Jika pengambilan alih tanah-tanah tersebut tersangat mahal maka tentulah tidak memberi faedah kepada penduduk-penduduk kampung-kampung baru itu oleh kerana ada kemungkinan yang mereka tidak mampu hendak membayarnya balik. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan berpendapat adalah lebih elok dan lebih baik jika sebahagian daripada penduduk-penduduk kampung baru berpindah ke rancangan-rancangan tanah ataupun ke pusat-pusat kemajuan baru (new growth centres).

Di dalam jawapan saya pada Dewan ini bulan November/Disember 1974 dahulu saya telah menyatakan bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telahpun membuat beberapa percubaan termasuklah memberi insentif-insentif yang istimewa dan tanah yang murah bagi industrialis-industrialis membawa masuk industri-industri mereka ke kawasan-kawasan kampung-kampung baru bagi menjayakan cita-cita Kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung baru. Tetapi oleh kerana kedudukan kampung-kampung ini sangat jauh daripada pelabuhan dan bandar-bandar besar maka pihak Kerajaan belum lagi mendapat "response" yang tegas daripada pihak-pihak perindustrian. Maka oleh sebab itulah saya berpendapat bahawa eloklah setengah-setengah daripada penduduk kampung baru itu berpindah ke rancangan-rancangan tanah atau ke pusat-pusat kemajuan baru yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mendapat mata pencarian baharu.

## MINYAK DARI SARAWAK—HASIL

**52. Tuan Ting Ling Kiew** minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratuskah daripada hasil minyak yang dikeluarkan di Sarawak diberi kepada Kerajaan Sarawak sejak pengeluaran dimulakan dan berapakah jumlah pengeluaran harian, bulanan dan tahunan sehingga akhir tahun 1974.

**Perdana Menteri:** Di bawah Perjanjian yang diperuntukan di bawah Seksyen 2 (1) Akta Kemajuan Petroleum 1974, seluruh hak kepunyaan, hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan eksklusif untuk mencari, mengeksploit, mendapatkan dan memperolehi petroleum samada di pantai atau di luar pantai Malaysia hendaklah diletakkan pada PETRONAS. Sebagai balasan, PETRONAS akan membuat pembayaran wang tunai kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak 5% tetap dari nilai jumlah kasar pengeluaran minyak dan gas yang didapatkan dan disimpan dari Negeri Sarawak. Pembayaran

wang tunai kepada Kerajaan Negeri Sarawak akan dibuat dua kali setahun iaitu dalam bulan September dan Mac.

Di bawah peraturan yang ujud pada masa itu, syarikat-syarikat minyak membayar royalti terhadap pengeluaran minyak crude, casing-head, petroleum spirit dan gas asli. Kadar royalti yang telah dibayar ialah:

(*a*) 12.5% bagi pengeluaran dari telaga-telaga yang bertempat tidak lebih dari 3 batu laut (nautical) dari "mean low water mark";

(*b*) 10% bagi pengeluaran dari telaga-telaga yang bertempat lebih dari 3 batu laut dari "mean low water mark"; dan

(*c*) 8% bagi pengeluaran daripada telaga-telaga yang terdapat di kawasan lebih dari 10 batu laut, di luar pantai, dari "mean low water mark".

Semasa PETRONAS ditubuhkan, satu dasar telahpun dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pembayaran royalti yang terdapat dari pengeluaran di luar pantai, akan dibahagikan sama banyak di antara kedua Kerajaan. Adalah termaklum bahawa bahagian besar dari pengeluaran petroleum dalam negeri pada masa ini ialah dari kawasan luar pantai, dan dengan sedemikian, sebenarnya, di bawah peraturan dengan Sarawak sekarang, hanya dua kadar royalti dipakai, iaitu, kadar 10% bagi kawasan-kawasan dalam lingkungan 10 batu dan kadar 8% bagi kawasan-kawasan yang lebih daripada 10 batu. Kebanyakan dari telaga-telaga minyak yang dijumpai setakat ini sebenarnya adalah dari kawasan-kawasan luar pantai lebih daripada 10 batu, dalam mana hanya kadar pembayaran 8% terlibat.

Selaras dan lanjutan dari dasar/prinsip dahulu itu, PETRONAS akan membayar kepada Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan separuh dari 8%. Tetapi setelah Perjanjian tercapai dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan, adalah diputuskan bahawa kadar 10% patut dipakai. Dari itu pembayaran yang harus dibayar kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Persekutuan ialah separuh dari 10% iaitu 5%.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan itu, pengeluaran harian, bulanan dan tahunan adalah berbeza-beza dan tidak seimbang. Purata pengeluaran harian bagi tahun 1974 ialah sebanyak 92,000 tong; pengeluaran bulanan adalah di antara 2,760,000 tong hingga 2,852,000 tong; pengeluaran tahunan adalah kira-kira 33.1 juta tong. Pengeluaran minyak mentah bagi tahun 1973 ialah sebanyak 33.2 juta tong.

## RANCANGAN BUKU HIJAU

**53. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

(*a*) berapa banyak wang yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi menjayakan rancangan Buku Hijau;

(*b*) sehingga ini, berapa banyak kilang-kilang yang berasaskan pertanian telah dirancangkan dan di manakah akan ditempatkan;

(*c*) persediaan bagi memasarkan hasil-hasil pertanian di bawah rancangan Buku Hijau dan samada apa-apa bantuan Kerajaan ada diberi kepada petani-petani untuk menjayakan rancangan ini.

**Perdana Menteri:**

(*a*) Kerajaan tidak memberikan peruntukan khas oleh kerana peruntukan yang sedia ada adalah difikirkan mencukupi untuk melaksanakan Buku Hijau. Ini ialah kerana Rancangan-rancangan dalam Buku Hijau adalah sebahagian daripada rancangan-rancangan untuk mengurangkan kesan inflasi dan kemerosotan ekonomi.

(*b*) Perancangan mengenai kilang-kilang yang berasaskan pertanian sebagai lanjutan daripada Rancangan Buku Hijau sedang giat dibuat. Perkara ini adalah ditimbangkan bersama-sama dengan rancangan pertanian tiap-tiap negeri pada keseluruhannya.

(*c*) Pihak FAMA telah diberi arahan supaya membuat persediaan bagi memasarkan hasil-hasil pertanian di bawah Rancangan Buku Hijau. Bantuan-bantuan yang diberikan kepada petani-petani dari segi pemasaran ialah memberikan bantuan jenis-jenis tanaman yang terjamin pasarannya dan juga menolong mengadakan kemudahan-kemudahan pemasaran di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu.

## NELAYAN DITANGKAP DI INDONESIA

54. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(*a*) bilangan nelayan-nelayan Malaysia yang ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa di negara-negara jiran kita dari tahun 1972 hingga 1974;

(*b*) bilangan daripada mereka yang dibebaskan tanpa didakwa; bilangan daripada mereka yang dituduh dan disabitkan kesalahan; bilangan daripada mereka yang masih dalam tahanan;

(*c*) adakah beliau sedar bahawa penangkapan yang dibuat oleh pihak-pihak berkuasa tersebut terhadap nelayan-nelayan kita berlaku di dalam kawasan perairan Malaysia; dan

(*d*) samada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan ini telah dibicarakan tanpa menerima bantuan guaman yang sewajarnya dan juga mereka tidak diberi peluang menghubungi wakil-wakil Kerajaan Malaysia; dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan sekarang dan memberi perlindungan kepada nelayan-nelayan ini daripada menjadi mangsa lagi di masa hadapan.

**Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak):**

(*a*) Seramai 170 orang nelayan-nelayan Malaysia telah ditangkap oleh pihak-pihak berkuasa Indonesia dari tahun 1972 hingga 1974;

(*b*) Dari jumlah ini 57 orang dibebaskan tanpa apa-apa tuduhan; 16 orang telah membayar Denda Damai, iaitu penyelesaian di luar mahkamah; 4 orang lari daripada tahanan dan 93 orang dibicara dan disabitkan kesalahan;

(*c*) Mengikut pihak-pihak berkuasa Indonesia yang menangkap nelayan-nelayan kita, nelayan-nelayan itu telah ditangkap di dalam kawasan perairan Indonesia dan kita tidak mempunyai keterangan yang mereka itu telah ditangkap di luar perairan Indonesia; dan

(*d*) Pihak berkuasa Indonesia telah memberitahu Konsulat kita di Medan akan penangkapan-penangkapan yang dibuat ke atas nelayan-nelayan kita. Konsulat kita telah meminta pihak berkuasa Indonesia menyegerakan pembicaraan dan pengadilan serta memberi mereka yang dituduh itu hak-hak yang biasa diberi di bawah undang-undang Indonesia.

## HAK ASASI SIVIL DAN POLITIK

55. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia telah mengesahkan Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Asasi Sivil dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights) dan jika tidak, mengapa.

**Tun Haji Abdul Razak:** Dari segi teknikal kita tidak boleh mengesahkan Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Asasi Sivil dan Politik kerana kita tidak menandatangani dan menerimanya. Malaysia tidak menandatangani dan menerima perjanjian ini kerana, pertamanya, hak-hak asasi ini sudahpun dijamin oleh Perlembagaan negara kita. Keduanya, adalah difikirkan bahawa prinsip-prinsip dan tafsiran hak asasi sivil dan politik yang terkandung di dalam Perjanjian itu adalah terlalu umum dan tidak mempertimbangkan keadaan serta keperluan-keperluan masyarakat berbilang kaum yang ujud di Malaysia.

## PROTOKOL OPSYENEL UNTUK HAK ASASI SIVIL DAN POLITIK

56. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia telah mengesahkan Protokol Opsyenel (Optional Protocol) Perjanjian Antarabangsa untuk Hak Asasi Sivil dan Politik (International Covenant on Civil and Political Rights) dan jika tidak, mengapa.

**Tun Haji Abdul Razak:** Malaysia tidak mengesahkan Protokol Opsyenel ini kerana kita tidak menandatangani dan menerima perjanjian antarabangsa untuk Hak Asasi Sivil dan Politik. Di samping itu artikal pertama protokol ini boleh menjejaskan konsep kedaulatan mutlak sesuatu negara. Artikal yang dimaksudkan ini dari satu segi membolehkan jawatankuasa Hak Asasi Manusia mencampuri soal-soal dalam negeri sesebuah negara dan ini tidaklah dapat kita persetujui. Mungkin sebab inilah maka hanya sebilangan kecil negara-negara telah mempersetujui dan menerima Protokol Opsyenel itu.

## HAKIM MAHKAMAH TINGGI—LANTIKAN

**57. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan perlantikan lebih banyak hakim-hakim untuk menyelesaikan kes-kes yang bertimbun.

**Perdana Menteri:** Pada masa ini terdapat 13 orang Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia dari 15 jawatan yang diperuntukkan. Di Sabah dan Sarawak dari 8 jawatan yang diperuntukkan, hanya 4 dipenuhi. Tindakan sedang diambil untuk mengisi 2 dari 4 kekosongan di Sabah dan Sarawak itu pada ketika ini. Tindakan untuk mengisi jawatan-jawatan yang masih kosong sedang dipertimbangkan. Bagaimanapun, soal menambah bilangan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang boleh dilantik melebihi daripada had maksima seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan adalah dalam kajian.

## PENGUNDI BARU

**58. Tuan Farn Seong Than** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan dalam kelima-kelima kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan dalam gerakan pendaftaran pengundi-pengundi 1974, dengan memberi pecahan angka mengikut kaum di setiap kawasan.

**Perdana Menteri:** Dalam tempoh pendaftaran pemilih 1974/75 yang telah diadakan dalam bulan Oktober/November, 1974 yang lalu, seramai 36,005 orang yang berkelayakan di Wilayah Persekutuan telah memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih baru. Ini merupakan tambahan sebanyak 20.69% daripada jumlah pemilih yang sedia terdaftar (173,946 orang).

Bilangan pemilih-pemilih baru yang didaftarkan dalam tempoh pendaftaran itu mengikut satu-satu bahagian pilihanraya adalah seperti berikut:

| | | Pemilih |
|---|---|---|
| 1. | Kepong ... ... ... | 9,604 |
| 2. | Setapak ... ... ... | 7,730 |
| 3. | Damansara ... ... | 5,466 |
| 4. | Kuala Lumpur Bandar ... | 6,969 |
| 5. | Sungei Besi ... ... | 6,236 |
| | JUMLAH ... | 36,005 |

Mengenai angka-angka pemilih mengikut kaum pula, perlu ditegaskan bahawa Perlembagaan tidak menghendaki supaya pemilih-pemilih direkodkan mengikut pecahan kaum. Dari itu Suruhanjaya Pilihanraya tidak mengumpul atau menyimpan rekod seperti itu.

## PETANI-PETANI—MEMBANTU

**59. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan samada terdapat rancangan-rancangan untuk membantu beribu-ribu petani yang tidak bertanah dan yang telah menunggu dengan penuh harapan bahawa mereka akan diberi tanah sejak pelancaran Rancangan Buku Hijau.

**Perdana Menteri:** Tujuan utama Rancangan Buku Hijau ialah untuk menggalakkan pemilik-pemilik tanah mengusahakan tanah-tanah mereka supaya bercucuk-tanam bahan-bahan makanan dan berternak cukup untuk keperluan mereka sendiri, dan juga secara berkelumpuk untuk dipasarkan. Soal pemberian tanah-tanah baru berkaitan dengan Rancangan Buku Hijau mestilah ditimbang dalam konteks keseluruhan rancangan pembangun daerah dan negeri. Saya percaya Jawatankuasa Tindakan Daerah telah mengambil perhatian tentang perkara ini.

# RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

## RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS AMANAH RAKYAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN BERANAK DAN MATI (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang

Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (1hb April, 1975)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai baru sahaja memulakan ucapannya. Sekarang saya jemput beliau menyambungkan ucapannya, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

*3.35 ptg.*

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai):** Tuan Yang di-Pertua, pada petang kelmarin saya ada memberi satu contoh di mana ada seorang pegawai dalam Jabatan Talikom yang dalam Kad Pengenalan umurnya belum sampai 55 tahun. Di waktu itu mengikut umurnya dalam Record of Service beliau dilahirkan dalam tahun 1920 tetapi setelah Kad Pengenalan itu dibuat dalam tahun 1948 maka didapati bahawa umurnya mengikut tarikh yang baru ialah tahun 1925. Ini bererti bahawa pegawai itu terpaksa dipersarakan mulai daripada 31hb Disember, 1975. Persoalan yang dihadapinya sekarang ialah tarikh ia bersara. Jabatannya telah memberitahu bahawa pada akhir tahun ini dia terpaksa bersara pada 31-12-1975. Persoalan pokok yang dihadapi oleh pagawai ini ialah tentang kertas pencennya. Pihak Jabatannya tidak mahu menerima surat sumpah sebagai bukti yang sah, sebab bukti dokumen yang sah daripada Jabatannya ialah Record of Service yang menyatakan umurnya waktu itu ialah dalam tahun 1920, bererti tahun ini dia cukup tempoh perkhidmatannya untuk bersara.

Soal yang kedua ialah soal E.P.F. Perkara ini, saya rasa harus diambil berat oleh Menteri yang berkenaan, kerana setakat ini saya dapati bahawa tidak ada satu cara lain untuk menyelesaikan masaalah seumpama ini, sebab dalam tahun-tahun 20an, 30an dan lebih awal daripada itu terdapat banyak rekod-rekod tidak ada tersimpan di Jabatan Pendaftar Beranak dan Mati khususnya di Kelantan kerana berlaku beberapa kejadian-kejadian malapetaka alam seperti bah besar, Banjir Air Merah dalam tahun 1926 dan sebagainya. Saya fikir ini adalah merupakan satu cadangan, yakni kalaulah sekiranya dapat pihak Yang Berhormat Menteri memikirkan untuk membuat satu ujian di mana kita dapat menggunakan untuk diuji umur manusia ini dengan secara medical science umpamanya, bagi menentukan tarikh beranaknya yang sebenar, ataupun umpamanya boleh kita tubuhkan satu badan perunding antara pihak Juru Odit, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan pihak Pendaftar Beranak dan Mati untuk menentukan bagaimanakah caranya sebagai satu temporary measure untuk menyelesaikan perkara seperti ini, kerana saya dapati bahawa pegawai-pegawai yang terlibat dalam kes semasa ini adalah ramai dan saya difahamkan dalam Dewan ini pun ada Ahli-ahli Yang Berhormat, sekurang-kurangnya ada seorang yang terlibat dengan masaalah seperti ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terlibat? Macam mana terlibat?

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Umurnya mengikut Kad Pengenalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya tak ada keterangan yang sahih?

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Ya. Yang keduanya, saya dapati bahawa ada pegawai-pegawai Kerajaan yang mengikut umurnya, dia masih muda dan masih bekerja lagi tetapi dia sudah tua umurnya dan sudah tak mampu hendak bekerja lagi tetapi dia masih bekerja. Ini adalah soal timbal balik antara dipermudakan secara artificial dan dipertuakan secara artificial. Saya rasa perkara ini patutlah dapat diselesaikan oleh pihak Menteri yang berkenan.

Soal yang saya hendak bangkitkan dalam Fasal 5 daripada Rang Undang-undang ini ialah mengenai suatu ayat, saya quote: "from the evidence adduced". Daripada evidence adduced untuk membuktikan bahawa manusia ini lahir dalam tahun sekian. Saya dapati barangkali berkemungkinan bahawa perkara ini amatlah longgar sedikit. Bukti yang diadducedkan, yakni bukti-bukti yang dikemukakan (produced), yang diserahkan kepada Registrar-General untuk membuktikan bahawa umurnya sekian-sekian, adalah melalui berbagai cara. Salah satu daripadanya ialah surat sumpah daripada kedua ibu-bapanya, "secara declaration;" surat sumpah daripada bidan, surat sumpah daripada Penghulu atau Penggawa ataupun ada juga recommend daripada wakil rakyat dan sebagainya. Adakah perkara yang semacam ini Yang Berhormat Menteri boleh mempercayai dengan

sepenuhnya sebagai bukti yang "evidence adduced,", walaupun mengikut Akta Setem dan Surat Sumpah, 1960 ada denda-denda yang tertentu bagi mereka yang membuat kesalahan membohongi dalam surat sumpah dan sebagainya. Inilah satu perkara yang saya rasa dalam Rang Undang-undang ini ada sedikit kelonggaran sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang kelmarin. Inilah dua perkara yang saya minta perhatian berat daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk menyelesaikannya.

Selain daripada itu, satu peruntukan dalam pindaan ini ialah membolehkan pihak Registrar-General, Pendaftar Beranak dan Mati untuk melantik orang-orang yang boleh dipercayai sebagai wakil untuk mendaftarkan beranak dan mati.

Suka saya mencadangkan bahawa kalau melihat pada perkembangan pendaftaran beranak dan mati di Malaysia ini dari segi kesusahan-kesusahan perhubungannya kita dapati ada kampung-kampung terpencil jauh daripada bandar. Saya rasa elok kalau, umpamanya, dapat pihak Kementerian memikirkan supaya melantik imam-imam ataupun penghulu-penghulu kampung, ketua-ketua kampung, kalau di Kelantan disebut penghulu, yakni ketua kampung, kalau di negeri lain kita sebut penggawa. Oleh kerana imam-imam ini adalah merupakan orang yang paling rapat dengan rakyat haruslah diberi satu kuasa kepadanya untuk mendaftarkan beranak dan mati, kerana mahu tidak mahu, apakala seseorang itu mati umpamanya tok imam itu wajiblah disamping dia hendak pergi sembahyang jenazah itu dia terus pergi ke rumah itu. Begitu juga kalau kita beranak di kampung tempat yang kita tuju mula-mula sekali ialah tok penghulu dan tok imam. Saya rasa eloklah kalau dapat pihak Registrar-General ini melantik imam-imam atau penghulu-penghulu di kampung-kampung itu untuk menyelamatkan rakyat, untuk memudahkan rakyat daripada pergi ke bandar-bandar besar dan sebagainya.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

*3.41 ptg.*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pandangan, teguran dan perhatian yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sejak perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini dibincangkan sejak kelmarin.

Tidak dapat dinafikan bahawa memang ada sebahagian dari rakyat atau orang ramai yang berasa agak sedikit kesulitan atau kesusahan dalam menghadapi persoalan bila mereka itu hendak mendapatkan sesuatu pekerjaan, untuk mendapatkan taraf kerakyatan dan sebagainya bila mereka tidak ada lagi Surat Beranak, dan tak boleh dinafikan ada di antara mereka yang datang ke Pejabat Pendaftaran itu yang membuat kenyataan-kenyataan yang diragukan atau boleh dikatakan kenyataan-kenyataan yang palsu. Ini juga satu hal yang diambil perhatian berat oleh pihak Pejabat Pendaftaran, dan memang satu hal yang dirasakan ada kelemahan-kelemahan dalam Rang Undang-undang kita ataupun dalam Undang-undang yang telah lama ini dan dari kerana itulah hakikat yang nyata, maka pindaan di atas undang-undang ini dikemukakan dalam Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Sungai Siput, Shah Alam, Seremban dan lain-lain yang menimbulkan soal mengenai dengan kelewatan pendaftaran dan juga soal-soal yang berbangkit mengenai dengan salah ejaan (spelling) yang sedikit-sedikit kesilapan yang berlaku, memanglah diakui hal-hal ini di masa yang sudah mereka itu mendapat agak kesulitan terpaksa mengangkat sumpah dan sebagainya. Akan tetapi dari rekod-rekod yang dapat kita lihat di sini angka-angka ini amatlah sedikit jika dibandingkan dengan apa yang berlaku, iaitu tak sampai pun kira-kira 200 orang dalam seluruh negara kita ini. Jadi hal-hal seumpama ini bagaimanapun pihak Kerajaan sedang mengambil perhatian dan hal-hal ini dapat kita baiki dengan agak memberikan kemudahan jika ada berlaku hal-hal seumpama itu di masa akan datang.

Berhubung dengan soal kenyataan-kenyataan yang dibuat dengan palsu dan sebagainya, dalam pindaan Fasal 12 dan 13 ini maka dendanya dikenakan dari $100 kepada $250 dan dalam Fasal 13 itu denda yang biasa sebanyak $500 dinaikkan menjadi $2,000.

Berhubung dengan keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Kuala Krai sebentar tadi berkenaan dengan evidence adduced yang dimaksudkan ini, maka pihak Pendaftar Besar

yang banyak mengambil alih kuasa-kuasa berhubung dengan perkara ini, maka itulah satu hal yang difikirkan perlu bagi meneliti dengan halus supaya kenyataan-kenyataan palsu yang jika ada diberikan oleh mereka yang berkenaan dapat diselidiki dengan betul dan kerana itu yang dikatakan kenyataan-kenyataan adduced ini bolehlah dimaksudkan satu hal yang kalau sijilnya telah hilang ataupun lain-lain tetapi adalah dikehendaki dokumen-dokumen atau Sijil Beranak dari cabutan-cabutan yang asal, bukti-bukti yang boleh pihak Pendaftar Besar sendiri puas hati bahawa kenyataan-kenyataan yang diberikan itu adalah benar. Walau bagaimanapun, hal-hal seumpama ini mungkin akan ada juga hal-hal yang boleh membawa kepada kekeliruan, tetapi itulah salah satu daripada sebab, maka dalam Fasal 7 dipinda di sini, iaitu berhubung dengan kuasa-kuasa yang ada sekarang ini bagi peringkat negeri diambil oleh Tuan Pendaftar Besar sendiri. Maksudnya supaya jangan ada kejadian salah-guna kuasa yang kemungkinan ini adalah kita ambil perhatian dengan berat. Sesuatu yang digunakan atau sesuatu yang ditimbulkan jika berlaku pertelingkahan dan jika berlaku satu pemalsuan dalam kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh pihak yang tertentu maka ini akibatnya membawa kepada keselamatan negara kita dan juga keselamatan rakyat kita di masa depan ini. Oleh itu, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Kuala Krai saya beranilah memberikan akuan di sini segala kenyataan ataupun adduced yang akan diberikan tambahan akan dikaji dengan teliti dan diambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya perkara ini tidak menjadi masaalah yang berbangkit lagi di masa depan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ada menimbulkan masaalah nama bangsa atau keturunan yang terdapat dalam Surat Beranak itu yang beliau ragukan pada hal kita ini adalah dari bangsa Malaysia yang tidak harusnya ada ditimbulkan soal bangsa di situ. Ini adalah satu perkara yang mustahak bagi negara kita ini menuliskan keturunan bangsa di situ disebabkan kenyataan-kenyataan yang kita kehendaki atau yang dikehendaki sangat-sangat oleh Jabatan Perangkaan bagi menentukan bilangan keturunan-keturunan bangsa dalam negara kita ini walaupun kita sekarang ini sudah menjadi satu bangsa Malaysia, tetapi dari keturunan-keturunan bangsa itu berkehendak ditentukan jumlah bilangan waktu census dan sebagainya.

Selain daripada itu, ada juga kegunaan yang penting dari pihak Bangsa-bangsa Bersatu berhubung dengan kesihatan, kelahiran dan juga kematian bagi satu bangsa dalam negara kita ini dan juga meliputi seluruh bangsa di dunia ini dan pengkajian-pengkajian yang berhubung dengan ilmu kesihatan adalah dikehendaki. Misalnya, kalau bangsa Melayu keturunan Melayu banyak yang mati dalam waktu umur setahun ke bawah, pengkajian ini harus dibuat kenapa anak-anak daripada keturunan Melayu banyak yang mati berumur setahun ke bawah jika dibandingkan dengan akan-anak orang China atau India yang lahir sama dalam negara kita ini. Pengkajian-pengkajian seumpama ini adalah sangat mustahak direkodkan dan kerana itu menentukan bangsa dalam Surat Beranak itu adalah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidaklah banyak lagi hal-hal yang patut saya timbulkan dalam jawapan ini dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan soal-soal, yang membangkitkan masaalah-masaalah, teguran-teguran dan nasihat yang diberikan sejak kelmarin dan hari ini, saya mengambil ingatan dan diharapkan kelancaran dalam pendaftaran di negeri kita ini akan dapat kita aturkan dengan begitu baik.

Sebelum saya akhiri jawapan saya ini sukalah saya memberikan jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian atas teguran mengenai dengan ada kekasaran yang dilakukan oleh Pegawai-pegawai Pendaftar di beberapa tempat mengenai dengan masaalah yang ditimbulkan oleh orang ramai. Hal seumpama ini tak dapatlah kita menafikan ada di antara pegawai-pegawai kita ini kadang-kadang terpaksa melayani karinah-karinah manusia yang berbagai-bagai, ada juga waktu-waktunya itu naik darah ataupun datang juga perasaan marah disebabkan berbagai hal yang berlaku, tetapi arahan-arahan dan juga nasihat-nasihat adalah sentiasa diberikan kepada pegawai-pegawai kita ini supaya bersikap sopan-santun dan tutur bahasa yang baik dalam melayani orang ramai. Jika ada berlaku sesuatu yang benar-benar dapat merosakkan atau boleh merosakkan ketertipan dan nama baik Kerajaan atau imej Kerajaan kita, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengadukan terus hal itu kepada saya atau pihak Pendaftar

Besar di Kuala Lumpur ini supaya satu-satu tindakan dapat diambil bagi membetulkannya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 16* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH BUDAK-BUDAK (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*3.53 ptg.*

**Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Budak-budak, 1947" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Mahkamah Budak-budak membuat peruntukan untuk memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan bagi kanak-kanak dan pesalah budak-budak termasuk penubuhan Mahkamah Budak-budak untuk tujuan tersebut. Pindaan-pindaan yang disyorkan itu adalah bertujuan bagi menyelaraskan undang-undang itu dengan perkembangan-perkembangan terbaru di dalam kerja pemulihan pesalah budak-budak, dan juga bagi meminda peruntukan-peruntukan Akta tersebut supaya selaras dengan tujuan dan maksud undang-undang bersabit dengan pesalah budak-budak.

Pindaan-pindaan terpenting yang dicadangkan itu, ialah berkaitan dengan meninggikan umur tanggungjawab jenayah (age of criminal responsibility), menaikkan had umur (upper age limit) bagi seorang pesalah budak-budak, dan juga untuk mengemaskan lagi peraturan-peraturan mengenai Cubaan Akhlak.

Pada masa ini, had umur terendah bagi tanggungjawab jenayah ialah 7 tahun, seperti yang termaktub di Seksyen 82 di dalam Penal Code. Sekarang had umur ini dicadangkan supaya dinaikkan menjadi 10 tahun. Tujuan pindaan ini ialah supaya seorang kanak-kanak di bawah umur 10 tahun tidak dihadapkan ke Mahkamah Budak-budak atas kesalahan yang boleh dianggap bersifat jenayah. Untuk menetapkan samada kanak-kanak itu patut dibebankan memikul kesasalahan jenayah bergantung semata-mata kepada umur, tentulah tidak tepat kerana banyak lagi faktor-faktor lain yang patut diperhitungkan, terutama sekali perkembangan emosi kanak-kanak itu dan juga peluang untuk bergaul dengan masyarakat yang juga terdedah kepada berbagai-bagai nilai dan pengaruh. Seorang kanak-kanak itu mungkin boleh membezakan antara yang benar dan yang salah tetapi oleh kerana ia terdedah kepada berbagai-bagai pengaruh, kanak-kanak itu susah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlain-lain itu.

Oleh kerana itu umur tanggungjawab jenayah sepatutnyalah ditetapkan bukan sahaja berdasarkan kepada sifat (quality) seseorang kanak-kanak itu malah juga patut ditentukan kebolehan masyarakat untuk memperbaiki budak-budak yang telah rosak akhlak itu. Setakat yang diketahui, kanak-kanak di Malaysia yang berumur di bawah 10 tahun didapati masih belum matang untuk dianggap dapat bertanggungjawab atas perbuatan-perbuatannya. Jika mereka yang masih mentah ini dibawa ke Mahkamah kerana melakukan kesalahan jenayah, pendedahan ini mungkin akan merosakkan samasekali emosinya dan seterusnya pertaliannya dengan masyarakat. Kanak-kanak di bawah umur ini yang memerlukan pertolongan adalah lebih baik lagi jika hanya diberi jagaan dan perlindungan.

Di bawah undang-undang yang ada sekarang, had umur atasan bagi seorang pesalah budak-budak ialah 17 tahun. Umur ini sekarang adalah dicadang dinaikkan menjadi 18 tahun supaya selaras dengan Akta Umur Majoriti. Ini bukanlah bermaksud untuk meringankan hukuman atas kesalahan jenayah yang dilakukan oleh semua budak-budak dalam lengkongan umur 10-18 tahun

ini. Jika didapati budak-budak itu berkelakuan sangat buruk ataupun kesalahan yang mereka lakukan itu berat, maka mereka boleh dihukum penjara oleh Mahkamah Budak-budak.

Undang-undang sekarang membenarkan Mahkamah membuat hukuman penangguhan (suspended sentence) dan juga membuat hukuman, jika perlu bagi menempatkan seorang pesalah itu di dalam percubaan di bawah seliaan Pegawai Akhlak. Sungguhpun peruntukan-peruntukan mengenai tindakan yang perlu diambil ke atas budak-budak yang tidak mengikut syarat-syarat hukuman penangguhan boleh dikatakan mencukupi, peruntukan-peruntukan berkaitan dengan cubaan akhlak dan perkara-perkara yang bersabit dengannya tidak pula dihuraikan dengan mendalam di dalam Akta bagi membolehkan sistem Cubaan Akhlak berjalan dengan berkesan.

Oleh kerana itu, peraturan-peraturan telah diperbuat di dalam Clause 15, Bahagian IV di dalam Akta Mahkamah Budak-budak (Pindaan) 1975 untuk menjamin supaya sistem Cubaan Akhlak akan dapat berjalan dengan teratur. Ini termasuk keadaan-keadaan yang difikirkan sesuai bagi menggunakan Cubaan Akhlak sebagai satu cara rawatan, dan juga syarat-syarat mengenai perintah cubaan akhlak, peraturan-peraturan terhadap budak-budak yang gagal mematuhi kehendak-kehendak perintah cubaan akhlak, peruntukan-peruntukan untuk membuat pindaan kepada perintah cubaan akhlak yang asal, mahkamah-mahkamah yang layak membicarakan kes-kes seperti itu dan menamatkan perintah cubaan akhlak, dan lain-lain lagi cara rawatan sekiranya budak itu tidak menerima rawatan cubaan akhlak dengan baik.

Butir-butir mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Penyata Penerangan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*3.58 ptg.*

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang undang-undang bagi meminda Akta Mahkamah Budak-budak, 1947.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka berucap terus dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh teruskan bercakap dalam Bahasa Malaysia, sebab Yang Berhormat pandai bercakap.

**Tuan S. Samy Vellu:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya baharu sahaja membaca Bill ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit-sedikit bolehlah dalam bahasa Inggeris, sebab kalau buat begitu tidak berapa elok.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, I would like to confess here that I will try my best to speak in the National Language wherever possible but the time allotted for this Bill was very short and I have been unable to prepare my speech in Bahasa Malaysia. But I have got very great respect for Bahasa Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kali ini bolehlah!

**Tuan S. Samy Vellu:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I went through the Bill carefully and I wish to make two observations. My first observation is on Clause 2 (*c*) wherein the age for trial at the Juvenile Court has now been raised. It was between seven years and seventeen years and it has now been raised to between ten years and eighteen years, which is the age of maturity.

Sir, juvenile delinquency in Malaysia is on the increase at the moment and criminal activities by the younger generation are also on the increase, which we can note daily. I presume, if I am not wrong, that this may be most probably due to cinema and television shows which have changed the minds of the younger generation to be heroes—every young person thinks that he is either a Superman or a detective or he is someone in the cinemas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Juvenile delinquencies have been very prominent as we can read from the papers. Many juvenile offenders are stranded today

without a place in society in this country. I presume, if I am right, that right now in our country, many young Malaysians who, having attained the age of 18, are unable even to obtain their citizenship due to minor offences which they had committed during their younger days. In the mankind between the ages of 3 or 4 or even 2 when we are able to speak until we attain the age of 18, we are still juveniles who would not be able to understand the rules of law. Any offence that has been committed during this period is considered quite seriously under the rules of law, and although the offences are committed during a period where a child is unaware of the rules of law, he is still deprived of his rights in the country. I propose here, Sir, that due consideration must be given to the young offenders who, without their knowledge, carried out some offences at their young age.

The proposal to raise the minimum age of 10 for offenders is very much appreciated and this gives a little breathing space. A child who has committed an offence can now be tried in a juvenile court if he or she has attained the age of 10. I am happy to note that the Bill has considered the case of young offenders carefully.

Tuan Yang di-Pertua, I wish to appreciate the consideration given in Clause 11 for the offenders. At the present moment, when a juvenile is arrested, it takes a considerable time after the arrest to produce him in court and according to the present system, when a person is arrested, until he is produced in court, the Report from the Probation Officer is not sought. But according to this new system, I understand that the Report of the Probation Officer is sought immediately after the arrest has been made and the crime has been registered in a police station. This is quite an appreciable portion of the Bill. It not only speeds up the process but, at the same time, it does not expose the child who has been arrested, too much. In general, Tuan Yang di-Pertua, I feel that the Bill is very, very considerate to the younger generation and the juvenile offenders.

*4.04 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Kebajikan Am, yang mana saya dapati Undang-undang ini amatlah bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Maulud yang mulia ini kita sama-sama tahu salah satu daripada yang diutuskan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. ialah untuk menjaga akhlak ataupun memuliakan akhlak, kerana akhlak adalah satu perkara yang amat penting kepada seluruh masyarakat dan begitulah juga kalau tidak silap saya dalam pertandingan membaca Quran dalam tahun ini thema akhlak adalah menjadi satu thema yang dipertandingkan ataupun yang disyaratkan oleh pensyarah-pensyarah dan begitulah juga ucapan-ucapan yang telah dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin kita, kalau tidak silap saya, dua minggu yang lepas di kala Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah membuka sebuah masjid di Negeri Selangor. Tun menyatakan selain daripada kita memesatkan pembangunan maka dari segi akhlak patutlah kita utamakan. Maka apa yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan saya ingat amatlah baik dan kita patut menyokong dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masyarakat kita sebagaimana kita sama-sama maklum ada berbilang-bilang peringkat, daripada kanak-kanak sampai muda, sampailah dewasa dan setakat yang saya ingat di masa saya masih kecil dahulu, keadaan kanak-kanak tidaklah begitu tidak senonoh semacam mana hari ini; tidak ada perbuatan-perbuatan yang tidak baik sebagaimana menghisap ganja, dadah dan sebagainya. Kalaulah di masa yang lepas kita dapati kalau ada perkara-perkara yang tidak baik dilakukan oleh orang-orang dewasa yang kita katakan berumur 18 tahun ke atas, iaitu menghisap candu ataupun meminum arak dan sebagainya, tetapi di zaman akhir-akhir ini, di zaman yang telah maju, sains dan teknoloji, kita takut negara kita yang cuba membangun akan mengikut jejak langkah setengah daripada negara-negara barat yang mana pengetahuan dari segi keduniaannya bertambah maju, tetapi sedih dari segi akhlaknya bertambah mundur dan lebih daripada itu yang tidak patut kita sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Maka dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan dengan terubahnya pindaan ini daripada umur tujuh

tahun sampai 17 dan sehingga kepada 18 tahun yang kita tengok dengan mata kasar di tiap-tiap kampung, di tiap-tiap negeri budak-budak kita boleh dikatakan akhlaknya sudah rosak. Salah satu sebabnya yang besar ialah menghisap ganja dan dadah. Ini adalah satu penyakit yang dibawa oleh tiap-tiap kampung dan tiap-tiap masyarakat.

Saya masih ingat lagi bahawa dari segi Undang-undang walaupun Jepun telah meninggalkan kita pada tahun 1941, memerintah Malaysia selama tiga tahun lapan bulan, tetapi saya suka mengingatkan dalam Dewan yang mulia ini bukanlah semua daripada orang yang memerintah kita tidak patut kita ambil tauladan. Saya amat sedih dan dukacita, kita dengar akhir-akhir ini di segenap segi, segi-segi keamanan, terutamanya di Negeri Perlis baharu-baharu ini rompak-samun di segenap jalan. Bunyinya 38 orang yang datang daripada Ipoh membawa satu rombongan menyamun di tengah jalan di Negeri Perlis. Begitu juga budak-budak yang menghisap ganja dan sebagainya. Mengapakah keadaan ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua? Agak saya kita ada Undang-undang, kita ada hukuman, tetapi selepas dibicarakan, diambil loyer dan sebagainya kalau yang bersalah tadi dengan ada wang mengambil loyer dan sebagainya, yang bersalah tidak bersalah. Akhirnya bermaharajalela di segenap segi termasuklah budak-budak yang saya sebutkan tadi. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan, kita tahu kanak-kanak ini kanak-kanak kita, tetapi bukanlah semua kanak-kanak melakukan perkara yang demikian.

Dengan sebab itu saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini patut diambil tindakan yang sewajarnya, patut dihukum mengikut keadaan kadang-kadang patut dengan kesalahan yang dilakukan, dan saya berharap juga kerana kanak-kanak kita tahu mengikut umur muda dan orang-orang yang berkenaan ini dikatakan orang yang kurang akhlaknya, sopan-santunnya tidak ada dan tidak berakhlak yang mulia, maka jikalaulah mereka ini ditempatkan di satu tempat, dicampurkan dengan kanak-kanak yang berumur tujuh tahun dengan umur 10 tahun ataupun dengan umur 18 tahun, saya takut, biasa saya dengar orang-orang yang ada dalam penjara, selalu bergaduh di antara satu sama lain. Kalaulah pihak yang berkenaan menjadikan satu tempat kepada kanak-kanak ini saya takut bila yang kecil tadi diambil sama untuk dijadikan sekolah akhlak di situ pula menjadi pergaduhan, kerapkali yang kecil menjadi mangsa. Dengan sebab itu saya berharap pihak-pihak yang berkenaan mengasingkan mereka mengikut umur dan keadaan tubuh masing-masing supaya janganlah sesudah kita menghukumkan mereka ini maka di dalam itu pula dihukum oleh pihak yang lebih kuat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri bercakap panjang dalam masaalah ini, dan saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan mengambil ingatan yang sewajarnya kepada kanak-kanak yang saya sebutkan tadi dan saya tegaskan sekali lagi perkara yang kita tengok penyakit yang besar ialah menghisap ganja dan dadah kerana ini dari segi akhlak amatlah tidak baik dan saya yakin bahawa, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi Dakwah percaya dengan saya kalau dapat kita jalankan ini, maka masyarakat kita ke hadapan akan bertambah baik, sebab daripada kanak-kanak akan menjadi dewasa dan daripada dewasa akan menjadi tua, maka kalau kita dapat bedung daripada kecil, buat kata Pepatah Melayu kalau daripada rebung kita dapat bendung, insya Allah kita tidak bingong kelak.

*4.10 ptg.*

**Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan di atas pindaan-pindaan yang dibuat di atas Akta Mahkamah Budak-budak, 1947. Kita semua faham di atas berbagai-bagai corak hidup masyarakat di negara kita. Dengan ini sudah tentu bermacam-macam keadaan, fe'el budak-budak yang belum meningkat kepada kedewasaan akan terdapat. Oleh itu, Kementerian Kebajikan Am ialah satu-satu Kementerian yang bertanggungjawab.

Sebagai seorang Penasihat di Mahkamah Budak-budak, saya sangat menghargai pindaan-pindaan ini dan saya menyokong supaya budak-budak, gadis-gadis yang tidak bernasib baik dapat juga pembelaan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap latihan-latihan yang diberi di sekolah-sekolah atau di rumah-rumah akan memberi makna

dan memberi kesan supaya apabila budak-budak atau gadis-gadis yang keluar daripada rumah-rumah dan sekolah-sekolah ini akan dapat pelajaran-pelajaran dan dengan pelajaran-pelajaran ini dapatlah mereka berdiri di atas kaki mereka sendiri dan menjadi warganegara yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga pegawai-pegawai yang berkaitan seperti Pegawai-pegawai Akhlak dan Pegawai-pegawai Polis dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan dapat melayankan dengan lemah-lembut, kerana dengan sikap begini anak-anak yang berjiwa kasar itu dapat dibawa kepada suasana yang lebih murni. Jadi saya juga berharap kepada pihak sebaran am akan bergiat lebih luas dan tegas. Kalau tidak dapat menghapuskan perkara ini sekurang-kurangnya dapat mengawal keadaan yang menjadi-jadi di masa ini seperti budak-budak kita menghisap dadah, ganja dan berjudi.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang Akta Mahkamah Budak-budak, 1947.

*4.13 ptg.*

**Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Budak-budak (Pindaan). Bagaimanapun, saya ingin mengambil perhatian Menteri yang berkenaan di atas beberapa perkara supaya mengambil berat apabila Undang-undang ini diluluskan dari segi perlaksanaannya. Saya tertarik kepada Seksyen 9 Rang Undang-undang ini di mana disebutkan, izinkan saya membacanya, Tuan Yang di-Pertua:

> "Arrangements shall be made for preventing a child or young person while detained in a police station, or while being conveyed to or from any criminal court, or while waiting before or after attendance in any criminal court, from associating with an adult (not being a relative) who is charged with any offence, and for ensuring that a girl (being a child or young person) shall while so detained, being conveyed, or waiting, be under the care of a woman."

Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, sangatlah wajar kerana dengan ini dapatlah pesalah-pesalah budak-budak dipisahkan daripada pesalah-pesalah dewasa supaya tidak dapat pengaruh yang buruk yang akan mengakibatkan saikoljinya. Tetapi malangnya. dalam memperlaksanakan undang-undang ini saya khuatir samada kesan yang akan diberi daripada undang-undang ini dapat dicapai dengan sepenuh-penuhnya, kerana selain daripada itu ada juga seksyen 3 undang-undang lama yang membenarkan pesalah-pesalah budak-budak dibicara bersama pesalah-pesalah dewasa. Saya ingin membaca:

> "notwithstanding anything contained in any written law relating to the arrest, detention and trial of persons committing any offence, no child or young person when alleged to have committed such offence, shall be arrested, detained or tried except in accordance with the provisions of this Ordinance:
>
> Provided that a charge is made jointly against a child or young person and a person who has attained the age of seventeen years—or rather 18 now—shall be heard by a court of appropriate jurisdiction . . . ."

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang baik yang dilahirkan untuk memisahkan pengaruh pesalah-pesalah dewasa daripada pesalah-pesalah budak-budak telah punah dengan adanya Seksyen 3 Undang-undang Mahkamah Budak-budak, 1974. Jadi dalam hal ini, saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil berat dan mengkaji semula samada Seksyen 3 juga patut dipinda supaya selain daripada pesalah-pesalah budak-budak tidak dicampuri semasa di balai polis, semasa perjalanan, semasa menunggu, pesalah-pesalah budak-budak juga patut dipisahkan apabila dibicarakan di mahkamah.

Perkara yang kedua yang saya ingin Menteri yang berkenaan mengambil perhatian iaitu Seksyen 10 (Pindaan) sebab apa yang saya tahu dan dapat faham ada banyak lokap-lokap balai polis di negara kita yang telah digezetkan sebagai penjara. Jadi untuk melaksanakan Undang-undang ini, untuk mendapatkan hasil yang berfaedah maka terpaksalah di balai-balai polis juga didirikan lokap-lokap yang berasingan. Kalau tidak, tidak dapat tiada pesalah-pesalah budak-budak dan pesalah-pesalah dewasa mesti dicampur juga. Dan dalam hal ini saya tertarik hati sebab dalam implikasi kewangan ada disebutkan Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan di dalam

apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Jadi, saya hairan bagaimana undang-undang ini dapat dijalankan kalau tidak akan melibatkan penambahan wang, sebab di mahkamah juga terpaksa didirikan di dalam tempat yang berasingan, sebab pada masa sekarang memang tidak ada tempat tahanan di mahkamah, tidak ada tempat tahanan yang berasingan di balai polis di mana tempat-tempat ini telah digezetkan sebagai penjara. Lagi satu perkara yang saya ingin menarik perhatian Menteri berkenaan ialah Seksyen 24:

> "Provided that the Director General of Prisons may, in his absolute discretion, shorten the period of detention of a young person for reasons which appear to him to be sufficient or may release any such young person on licence for such period and upon such conditions as he may deem fit to impose."

Saya ingin menyoal kebijaksanaannya undang-undang ini, kerana memberi kuasa yang penuh (absolute discretion) kepada seorang hamba Allah di mana kebebasan seseorang terlibat. Pada fikiran saya elok kuasa-kuasa ini tidak patut diberi kepada seorang tetapi patut diberi kepada Juvenile Welfare Committee, kerana kalau kita beri kuasa kepada seorang, dia juga seorang manusia yang lemah, mungkin kesan akan didapati daripada undang-undang baharu ini tidak memberi faedah kepada orang yang berkenaan. Jadi saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya memikirkan semula pindaan seksyen 24 ini iaitu samada wajar atau tidak memberi kuasa mutlak kepada seseorang sahaja, dan bukan kepada satu jawatankuasa di mana di dalam Undang-undang ini ada ditubuhkan Juvenile Welfare Committee.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan diharap perkara-perkara yang saya bangkitkan ini akan dapat penjelasan dan perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

*4.22 ptg.*

**Tuan R. Rajasingam (Jelutong):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, referring to the amendments to the Juvenile Courts Act, I do not know whether the Minister of Law is fully aware that the amendments here will not override the provisions of the Criminal Procedure Code and there are a few sections in these amendments which are not worth the paper they are written on because the C.P.C. will override the Juvenile Courts Act in certain criminal procedures as ruled by the Federal Court of Malaysia.

I take Clause 7, Section (5A):

> 5A. "(1) No newspaper report of any proceedings in a Juvenile Court shall reveal the name, address or school, or include any particulars calculated to lead to the identification, of any child or young person concerned . . . . . . . ".

Under the C.P.C. Sir, if a young person is charged with an adult, then he can be tried before an ordinary court, i.e. in an open court. So Section (5A) as enshrined in this amendment would be of no effect at all and I hope our legislators before trying to draft laws will look into the co-ordinating laws—or at least the Parliamentary Draftsmen who are there would take cognizance in particular of court rulings which have been made in the Privy Council and the Federal Court before drafting legislation; otherwise they will have no effect at all. If we as Members of Parliament are going to pass Section (5A)—and I have had this experience where a child had been charged with an adult in open court, his name had been revealed, the school he had come from and all that and he lost everything—finally it will have no effect at all even if this law is passed by this House because the C.P.C. takes precedence over any other Act if it is under the Penal Code or Criminal jurisdiction.

Secondly, Sir, if I may point out the other Section with which I am not very contented, it is Clause 11, Section (8A) which says:

> "It shall be the duty of the police officer or other person making the arrest, immediately after the arrest of a juvenile, to inform the probation officer and the parent or guardian of the arrest and to cause to be transmitted to the probation officer a copy of the charge . . . . . ."

I hope the Minister concerned here will amend the law to include the word "solicitor". I had the personal experience where juveniles had been detained and never had the opportunity of seeing them because there were conflicts of rulings and instead of the parent or guardian, on the authority of

the parent or guardian, if the parent retains a solicitor then let the solicitor see the juvenile while in police custody. There is a complete misconception among the police to say that when lawyers go and see a detained person that they say: "Don't open your mouth. They have got no right" or that they sort of obstruct justice.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat tidak ada mengemukakan apa-apa pindaan sebelum ini?

**Tuan R. Rajasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapat Act ini baru dua hari sahaja. Kalau boleh di lain kali kiranya Yang Berhormat Menteri mahukan pindaan Undang-undang harap dapatlah menghantarkannya seminggu sebelum dibahaskan, dan bolehlah dibuat pindaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jadi tidak adalah mengemukakan apa-apa pindaan?

**Tuan R. Rajasingam:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya baharu sahaja dapat Act ini, itupun saya pinjam daripada Yang Berhormat Tuan Ariffin.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu soal lain.

**Tuan R. Rajasingam:** Lastly, under the Juvenile Courts Act, provision is made that young persons shall not mix with adults, but as far as the State of Penang is concerned all young juveniles are locked up in the same cell as adults. Though the Beach Street Police Station is supposed to be gazetted as a juvenile court, it is under demolition and reconstruction and a child of seven years is locked up with a man who is above 21 and the same thing happens in Butterworth. We do not have a separate juvenile court lock-up. We do not have it also in Bukit Mertajam, in Nibong Tebal or anywhere in the State of Penang, if I may say so from my experience. I hope the Minister concerned when amending Acts which are very appropriate will not be overruled by the courts in the course of litigation.

*4.28 ptg.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telahpun membawa Undang-undang ini.

Saya setelah membaca dengan telitinya Undang-undang ini bahawa perhatian yang berat telahpun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada delinquent children and young persons di negara kita ini berkenaan dengan jenayah. Tetapi ada satu dua perkara yang saya suka hendak sentuh berkenaan dengan pindaan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang pertama, ialah berkenaan dengan tekanan cara-cara kita mengatasi masaalah delinquent children and young persons. Di negara kita ini nampaknya kita terikut-ikut sangat dengan cara-cara bagaimana di sebelah barat, bagaimana mereka mengatasi masaalah orang-orang muda dan kanak-kanak yang melakukan jenayah.

Saya suka hendak membawa sedikit syor, apakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sudi hendak menimbangkan cara-cara selain daripada yang terdapat daripada barat di dalam mengatasi masaalah jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan orang-orang muda. Cara barat mengatasinya, mereka mengutamakan terlampau banyak dari segi sains, saikoloji dan sebagainya dan kurang sangat, malah setengah-tengah tempat langsung tidak ada memberi perhatian kepada soal ugama, cara ugama mengatasi kanak-kanak ataupun orang-orang muda melakukan jenayah.

Di sini saya suka mengesyorkan, apakah ada kemungkinan soal-soal ugama diberi perhatian yang lebih di dalam cara mengatasi kanak-kanak dan orang-orang muda melakukan crimes ataupun jenayah di negara kita ini. Mungkin agaknya dengan kita menerima bantuan daripada ugama, banyak perkara-perkara yang pada hari ini tidak dapat diatasi, akan dapat diatasi. Maksud saya janganlah kita langsung meninggalkan ugama hanya dengan menggunakan peralatan sains dan saikoloji sahaja untuk mengatasi masaalah kanak-kanak dan orang-orang muda melakukan jenayah.

Yang kedua, saya masih lagi kurang faham tentang apakah falsapah pindaan untuk menaikkan umur criminal responsibility daripada yang ada sekarang pada 10 tahun. Apakah dia argumentnya, apakah

sebab-sebabnya yang kita telah memilih umur 10 tahun sebagai menyatakan bahawa seseorang itu telahpun melakukan jenayah dan bertanggungjawab di atas perbuatannya, oleh kerana ia telah berumur 10 tahun. Saya suka hendak mendapat sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah sebab-sebabnya dipilih umur 10 tahun itu sebagai umur criminal responsibility ataupun tanggungjawab di atas soal-soal jenayah.

Bersangkut dengan itu, saya suka membangkitkan juga, mengapakah umur 18 tahun dianggap sebagai umur ataupun istilah orang muda. Mungkin agaknya seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Age of majority Act telah menyatakan umurnya ialah 18 tahun seseorang itu dewasa. Tetepi saya suka membangkitkan, adakah ini ukuran yang kena pada tempatnya? Apakah kalau kita cari ukuran yang lain iaitu dari segi political responsibility atau tanggungjawab politik yang mana kita telah menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh memilih Wakil Rakyatnya sehingga ia berumur 21 tahun, bukankah ini satu ukuran selain daripada Age of Majority Act dan adakah kemungkinan kita meninggikan lagi tarikh atau umur young persons, bukan 18 tahun tetapi kepada 21 tahun iaitu pada tarikh umur seseorang itu dianggap boleh membuat sesuatu keputusan politik atau siasah di dalam negara kita ini. Itu hanyalah sebagai pandangan untuk Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkannya.

Sekianlah sahaja, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

*4.34 ptg.*

**Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in reviewing the proposed amendments to the Juvenile Courts Act, 1947 one cannot but associate the whole question surrounding juvenile delinquency not only to the care and reformatory measures needed to release these unfortunate boys and girls who in most cases are the victims of circumstances, but more rightly and pertinently to understand and to eradicate the causes and sources of juvenile delinquency.

Juvenile delinquency can, and may become a serious problem in Malaysia if the socio-economic conditions in which the youths of the country are being bred are not given the proper and urgent attention they require. The bulk of Malaysia's population has always comprised of youths, and this will be increasingly so in the years to come. Malaysian youths, Sir, therefore, hold the key in the greatest hope to the future of this country and that the special position that they occupy in the Malaysian society cannot be over-emphasised.

Malaysia, like any other country that promotes and fosters an exploitative society, has also created its own society of wayward boys and girls—the sins of the capitalistic compradore society. Sir, it is an indisputable and undeniable fact that poverty is the single major cause of juvenile delinquency.

Juvenile delinquency has never and cannot be a natural occurrence, nor should it be accepted and condoned. There is always a common tendency to explain away the problems of juvenile delinquency as the result of irresponsible parents, though perhaps parents are the easiest and the most logical scapegoats to pin the blame on. To accept this explanation, Sir, as the all embracing answer would be an extremely gross simplification of the entire problem. It is therefore imperative that there must be a complete realisation on the part of the Government to accept that juvenile delinquency is the natural net result of the neglect and having economically depressed section in our society, which is by no means a small section, and a section which the Government during its past 18 years of rule had neither the will nor the imagination to contain, let alone hope for total redemption. The Government should and must bear full responsibility for the failures of the youths of this country, because not only is it the body that fully commands the resources available to exercise full and effective remedial measures, but as the government of the day it is and can also be a single and most important contributor and originator of juvenile delinquency.

I am pleased, Sir, to note that amendments have been made to Section (7) of the Principal Act whereby provision has been made to separate children and young persons from adults at the police stations and in

courts. It would be recalled that the Honourable Member for Kota Melaka had brought up the question of children and young persons being remanded in police lock-ups together with other criminals during the last sitting of this House. However, Sir, I feel it is improper to remand children and young persons in the police lock-ups as it would have a very bad influence and effect on them. The remand homes are the best places where they should be remanded and not the police lock-ups. I understand that several juvenile delinquents whose parents refused to stand surety for them are being remanded in the Sungei Besi Home which is overcrowded. These young delinquents in some cases have been under remand for months as there is at present a shortage of judicial officers to hear juvenile cases. I would suggest that more remand homes be built to house these young delinquents. I find that provisions are also being made whereby if a probationer fails to comply with the requirements of the probation order a fine not exceeding $50 will be imposed on him. I feel it is illogical and impractical to impose fines on probationers who breach their probation orders as it is not within the means of their parents to pay the fines imposed as they are usually from poor background. I, therefore, hope that the Honourable Minister will look into this particular aspect.

*4.40 ptg.*

**Datuk Albert Mah (Bukit Bendera):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support the amendment to the Akta Mahkamah Budak-budak (Pindaan) 1975. I would like to read the new Section 21 (5) in the Amendment which reads as follows:

> "A Court on making a probation order may, if it thinks it expedient for the reformation of the offender, give the offender in charge of any person who consents to accept the offender, on that person's giving security for the good behaviour of the offender and the provisions of the Criminal Procedure Code relating to forfeiture of bonds shall apply in relation thereto."

Mr Speaker, Sir, there is no law in this country which makes a parent guilty of an offence if his child is found to be of bad behaviour. We also have institutions like the prisons and the various detention homes for delinquents but these are not subject to an order of the court or any laws requiring them to ensure that the offenders under their charge behave properly, failing which the provision of the Criminal Procedure Code relating to forfeiture of bonds shall apply thereto and also to give security for the good behaviour of the offenders.

Yet, we now have before this house an Amendment Bill requiring a person who voluntarily comes forward to accept a delinquent child or a young person, for the purpose of reforming him, to give security and also to be subjected to the provisions of the Criminal Procedure Code relating to forfeiture of bonds, if the delinquent child or the young person misbehaves whilst under his charge.

The object of the proposed Amendment Bill is to reform our young delinquents. This being so, we must encourage the maximum number of people to come forward to help these misled youngsters. The Amendment Bill as it is, does not encourage anybody to come forward to help a delinquent child. We must endeavour to encourage civic-minded people to come forward to participate in our exercise to reform delinquents.

Passing a law is a simple matter but enforcement is difficult. We need the full cooperation of the people to help reform delinquent children and young persons.

In Japan, there are established associations known as the Big Brothers and Big Sisters Associations, whose members are specially selected youths, who are encouraged to take on the task of assisting in the reformation of misled children and young persons. I believe the Japanese system had some good successes.

I would suggest that we apply some elements of humanity in our proposed Amendment Bill, by leaving it to the Court's discretion to decide whereby if a person comes forward to accept the child and is likely to assist in the reformation, there is no necessity for security and the threat of forfeiture of bonds.

We must realise that none of us has been trained as a parent. When we came of age, we fell in love, got married and children were produced. Whatever learning we have had in bringing up children is the experience we gained from our parents, some of which

could be disastrous if applied in the context of present day generation. We live in a society where people are not trained to become good parents.

The other point I wish to draw the attention of this House is the requirement of the proposed Amendment Bill for mandatory arrangements to be made to prevent delinquent children or young persons from associating with an adult who is charged with an offence. This is a very tall order for the Police and the prison authorities.

We do not have separate police stations for dealing with delinquent children and young persons and adults. It would cost the Government an enormous sum of money to implement this requirement. Imprisonment does not change a delinquent or a criminal. Penalogists and criminologists are of the opinion that imprisoning a person does not change him. When a man is in prison we are depriving him of his responsibility to society. We need the society in which he lives to change him. If he is to be reformed, it is the people with whom he comes in contact who would encourage him to change.

I earnestly suggest that the Honourable Minister concerned would take note of this and encourage more and more people to come forward to help in reforming misled children and young persons. We must make it possible for the court to decide whether a person who is willing to accept or reform a delinquent is likely to assist in the reformation of the child or the young person; and to do away with the security required and also the threat of forfeiture of bonds.

*4.46 ptg.*

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menyatakan pandangan-pandangan dan begitu juga buah-buah fikiran dan syor-syor yang baik berkenaan dengan cara hendak memperbaiki lagi penjenayah atau pesalah budak-budak yang dibincangkan di dalam pindaan Rang Undang-undang ini, maka saya sukalah hendak menerangkan beberapa masa-alah yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada yang tidak dapat ataupun yang tidak saya jawab kerana barangkali hanya berupa syor-syor, saya sukalah menyatakan pandangan-pandangan itu telahpun diambil perhatian dan saya sendiri pun telah mengambil catitan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ada menimbulkan dua masaalah iaitu berkenaan dengan bilangan budak-budak yang melakukan jenayah telah bertambah dan yang satu lagi ialah budak-budak yang didapati bersalah dalam Mahkamah Budak-budak itu tidak boleh mendapat kerja. Berkenaan dengan hal ini, sukalah saya menerangkan sedikit iaitu dari angka-angka yang kita dapati semenjak 10 tahun yang lalu kenaikan jenayah budak-budak antara 7 hingga 17 tahun tidaklah begitu banyak bertambah, tetapi yang banyak dilapurkan samada dalam akhbar ataupun di mana-mana juga ialah penjenayah-penjenayah antara golongan 18 dan 21 tahun.

Yang keduanya, mengikut Akta Mahkamah Budak-budak yang dikatakan conviction kepada budak-budak itu cuma dianggap finding of guilt iaitu budak-budak yang didapati salah dalam Juvenile Court ini tidaklah terjejas dan tidaklah dihalang daripada mendapat kerja dalam Jabatan Kerajaan, mengundi atau sebagainya kerana mereka yang didapati bersalah itu akan dididik semula di dalam rumah-rumah yang telah disediakan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengesyorkan supaya janganlah dicampurkan kanak-kanak yang sudah melakukan kesalahan ini iaitu yang terdiri daripada berbagai peringkat umur. Sukacita saya menerangkan bahawa sebenarnya sekolah-sekolah akhlak dalam Kementerian Kebajikan Am adalah dibahagikan mengikut umur, misalnya Sekolah-sekolah Air Tawar untuk pesalah-pesalah antara umur 10 hingga 13 tahun, Taiping daripada 14 hingga 15 tahun dan Sungai Besi daripada 15 hingga 17 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada mengesyorkan supaya latihan yang diberi di sekolah-sekolah yang dianjurkan atau yang didirikan oleh Kementerian Kebajikan Am ini memberikan latihan yang memberi makna. Di sini suka juga saya menerangkan pihak Kementerian saya memanglah dari semasa ke semasa cuba memberikan latihan-latihan yang patut dan menambah lagi jenis-jenis latihan yang patut diperolehi oleh pesalah-pesalah muda ini untuk melengkapkan mereka

dengan kepandaian-kepandaian dan dengan ini mereka kelak akan dapat meneruskan kehidupannya bila mereka telah keluar daripada sekolah-sekolah akhlak ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada menyatakan bahawa budak-budak yang ditangkap tidak patut dimasukkan ke dalam lokap. Di sini suka saya menyatakan Kementerian Kebajikan Am cuma ada mempunyai 9 buah rumah tahanan sementara di seluruh Malaysia. Bagi tempat-tempat yang tidak ada rumah tahanan sementara atau asrama akhlak atau yang dinamakan Remand Home, dan budak-budak itu terpaksa ditahan di dalam lokap berasingan daripada pesalah-pesalah dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada menimbulkan masaalah berkenaan dengan pindaan kepada Rang Undang-undang ini, saya suka menyebutkan di sini iaitu pihak Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara akan mengambil tindakan bagi meminda Seksyen 82 dalam Penal Code C.P.C. dalam Parlimen yang akan datang. Jadi pindaan mengenai Akta Mahkamah Budak-budak akan berkuat-kuasa setelah pindaan mengenai Penal Code ini diluluskan oleh Parlimen kelak. Begitu juga Ahli Yang Berhormat itu ada menyebutkan iaitu meminta satu salinan charge diberi kepada solicitor bagi meminda Fasal 11 suka juga saya memberi jawapan solicitor atau penguam memang boleh meminta kepada mahkamah untuk mendapat charge itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu ada menyebutkan kanak-kanak dan orang muda sekarang adalah warganegara yang bertanggungjawab pada masa hadapan. Jadi beliau itu menyebutkan juga undang-undang yang ada dan pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk menyelamatkan budak-budak daripada bahaya kejenayahan dan memberi keutamaan kepada kebajikan budak-budak yang dihadapkan kepada mahkamah, dalam menjatuhkan perintah mahkamah dan mengutamakan kebajikan budak-budak dan bukan untuk mendenda sahaja, jadi adalah merupakan suatu penjelasan daripada perkara (point) yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang ada menimbulkan satu pertanyaan iaitu beliau itu ingin tahu mengapa Kementerian saya menetapkan umur dari 7 dinaikkan sampai 10 dan begitu juga dari 17 dinaikkan menjadi 18. Ini telah juga saya terangkan di dalam ucapan saya tadi iaitu difikirkan kalau undang-undang yang ada ini umur 7 tahun itu dianggap adalah terlalu muda atau terlalu kecil untuk anak-anak itu didedahkan kepada pertanyaan mahkamah, sebab itulah kita naikkan umur kepada 10 tahun. Beliau juga bertanya mengapa kita ambil angka 10 itu, itu susahlah saya hendak jawab mengapa, hanya yang dapat saya terangkan kita anggap 10 tahun itu sudah cerdik sedikit. Itu sahaja. Begitu juga, daripada 17 kepada 18 mengapa angka itu ditetapkan, tak mengikut cara orang mengundi. Ini juga saya hanya boleh jawab, 18 dianggap kalau dari segi ugama pun sudahlah dipandang baligh dan berakal. Jadi daripada segi itu sahajalah yang kita dapat terangkan kerana manusia ini rasa saya adalah berbeza-beza juga antara satu dengan lain. Walaupun berumur 18 tahun ada yang tak cukup akal, kadang-kadang tak cukup 18 tahun pun sudah ada akal, tetapi ini kita hanya berdasarkan kepada ukuran yang dirasakan sudah boleh memikul tanggungjawab. Jadi itulah yang dapat saya jelaskan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu iaitu mengenai dengan falsafah kenapa angka 10 dan angka 18 itu ditetapkan dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi segala pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat rasa saya tidaklah payah saya jawab kesemuanya di sini kerana sudahpun diambil pandangan. Jadi kalau ada apa-apa syor daripada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang dianggap sangat baik ataupun patut bolehlah disampaikan kepada Kementerian saya. Pihak Kementerian saya memanglah sentiasa menyambut baik apa juga syor-syor yang dianggap elok untuk memperbaiki lagi keadaan pesalah-pesalah muda itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi saya hendak menyentuh balik iaitu berkenaan dengan masaalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi sebagai tambahan iaitu pembicaraan kepada orang-orang pesalah muda itu adalah ditentukan oleh Seksyen 3A daripada Juvenile Courts Act, 1947 tidak daripada Criminal Procedure Code, jadi ini adalah satu penjelasan kepada perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tuan Yang di-Pertua, tidak

ada apa-apa lagi yang saya hendak terangkan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan pandangan-pandangan yang sudahpun diberikan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 3*—

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan dalam Fasal 3. Kertas pindaan itu telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya adalah seperti di bawah ini:

### PINDAAN

Potong angka "15", yang terdapat dalam *Fasal 3.*

### AMENDMENT

Delete the figures "15", appearing in *Clause 3.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 3* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4 hingga 26* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG INSURAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

*5.00 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Insuran, 1963" dibaca bagi kali yang kedua.

Dari pengalaman yang telah dialami daripada pentadbiran Akta Insuran, 1963, ianya telah menjadi perlu bagi memperkenalkan banyak peruntukan dan pindaan baru bagi memperkenalkan lebih banyak undang-undang yang lebih progresif dan mencerminkan keadaan-keadaan dan amalan-amalan semasa. Peruntukan-peruntukan baru ini telah dibentuk untuk seterusnya menjaga kepentingan mereka yang diinsurankan, juga untuk menentukan yang perusahaan insuran dijalankan dengan memikirkan kepentingan negara kerana insuran mempunyai kesan terus ke atas ekonomi dan kebajikan sosial bagi masyarakat pada keseluruhannya.

Peruntukan-peruntukan ini patut menentukan penyusunan semula perusahaan insuran dengan menggalakkan penubuhan di dalam negeri akan cawangan-cawangan pejabat syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar negeri yang menjalankan perusahaan di negara ini. Pengaruh yang besar di masa sekarang oleh para penginsuran luar negeri membuatkan perlunya pengimbangan yang lebih baik diperolehi di antara syarikat-syarikat insuran tempatan dengan syarikat-syarikat insuran luar negeri. Perniagaan insuran sedang membangun dengan pesatnya pada kadar tahunan melebihi 20 peratus bagi kedua-dua insuran nyawa dan insuran am. Syarikat-syarikat tempatan patut diberi galakan untuk memperolehi bahagian yang lebih besar di dalam perniagaan ini tetapi kawalan dan pengawasan yang lebih berkesan terhadap perusahaan insuran perlu juga diadakan supaya dapat mengurangkan, kalau pun tidak menghapuskannya sama sekali, kesalahan dan kecuaian pihak penginsuran. Pada permulaannya ingin saya menyatakan bahawa memandangkan pindaan ini bersifat menyeluruh maka beberapa persatuan insuran di dalam negara ini telah dihubungi dan saya sukacita untuk menyatakan bahawa mereka telah menerima keperluan pindaan-pindaan

tersebut sebagai sesuai dan kena pada masanya. Mereka telah memberikan berbagai-bagai ulasan yang membina ke atas cadangan-cadangan baru yang mana telah dipertimbangkan. Walaupun persatuan-persatuan tersebut telah menyatakan keraguan atau "reservations" mengenai perlunya undang-undang untuk menubuhkan skim kumpulanwang jaminan insuran, yang mana saya akan sentuh kemudian nanti, perhatian mesti juga diambil terhadap kepentingan pemegang-pemegang polisi mengikut pengalaman yang diperolehi oleh Ketua Pengarah Insuran dan Perbendaharaan dalam melaksanakan Akta yang ujud sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, supaya kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai pandangan keseluruhan terhadap pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta, yang setengahnya berhubung dengan dasar dan yang lainnya berhubung dengan pentadbiran, saya bercadang untuk berucap mengenai tiap-tiap fasal Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 menghendaki semua penginsuran Malaysia menjaga paras minima modal yang telah dibayar. Semua syarikat insuran yang ditubuhkan di dalam negeri dikehendaki mempunyai semasa pendaftaran, modal bersih yang dibayar sebanyak $1 juta bagi tiap-tiap klas perniagaan insuran, iaitu insuran nyawa dan am, dan $1.5 juta untuk kedua-dua klas. Syarikat-syarikat luar negeri, sebaliknya pada setakat ini telah tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan tersebut dan mereka sekarang dikehendaki menyenggara di dalam Malaysia, paras minima yang sama bagi modal bersih dalam bentuk wang tunai, jaminan-jaminan Kerajaan atau jaminan-jaminan yang ditentukan oleh Jadual Kedua kepada Akta. Oleh itu semua peginsuran Malaysia di masa akan datang akan diberi layanan yang sama dan akan berusaha atas dasar yang sama. Peruntukan ini tidak akan hanya memperbaiki "solvency" syarikat-syarikat insuran luar negeri menjalankan perusahaan di dalam negeri dengan penyertaan ikuiti rakyat Malaysia. Syarikat-syarikat insuran luar negeri yang menjalankan banyak cawangan-cawangan pejabat secara kumpulan juga digalakkan memperbaiki perjalanan perniagaan mereka sebab telah menjadi tujuan kita untuk menentukan dalam jangka panjang agar cawangan-cawangan pejabat syarikat-syarikat insuran luar negeri ini menjalankan perniagaan di dalam negeri dengan kadar kebebasan yang lebih di dalam membuat keputusan-keputusan dasar, mengikut keadaan ekonomi, politik dan sosial di dalam Malaysia daripada dikuasai dari luar negeri.

Fasal 4 dibentuk untuk menghindar penyalahgunaan perkataan "insurance" atau sebarang perkataan terbitan darinya, yang mungkin digunakan oleh firma-firma dan syarikat-syarikat menyebabkan orang ramai mempercayai yang mereka adalah penginsuran walhal mereka tidak didaftarkan sebagai penginsuran. Ketua Pengarah juga akan diberi kuasa untuk memeriksa mereka yang disyaki menjalankan perniagaan insuran di mana mereka belum di daftar.

Fasal 7 akan membolehkan Ketua Pengarah Insuran menambah, mengubah atau membatalkan syarat-syarat pendaftaran penginsuran. Ini akan menghasilkan "flexibility" yang lebih, terutama sekali apabila syarat-syarat ini berhubung dengan penyertaan ikuiti rakyat Malaysia dan juga pengimbangan pekerja-pekerja rakyat Malaysia di dalam perusahaan insuran dengan mementingkan Dasar Ekonomi Baru. Ketua Pengarah akan juga diberi kuasa untuk menghalang perniagaan insuran yang difikirkan tidak mempunyai kepentingan negara. Pengenaan syarat-syarat yang ketat di mana perlu ke atas pendaftaran adalah sangat-sangat dikehendaki kerana sekarang telah terdapat 91 buah syarikat insuran menjalankan perniagaan dan perkhidmatan mereka mungkin cukup untuk menghadapi kehendak-kehendak insuran negara diwaktu ini sekiranya mereka menjalankan perniagaan insuran dengan memuaskan. Dalam masa lima tahun yang lepas sahaja, 10 syarikat insuran tempatan telah memasuki pasaran insuran dan mereka, juga syarikat-syarikat tempatan yang kecil, hendaklah mengukuhkan kedudukan mereka supaya menjadi lebih berkesan dan bersaing.

Sementara Akta yang ujud sekarang memberikan kuasa untuk mendaftar syarikat insuran, tidak ada kuasa yang bersamaan diadakan untuk membatalkan pendaftaran, selain dari kehendak penginsuran itu sendiri meminta untuk dibatalkan pendaftarannya atas alasan-alasan bahawa mereka telah berhenti dari menjalankan perniagaan. Fasal 8 sekarang akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran penginsuran di bawah keadaan-keadaan tertentu yang mana, antara lain, mungkin

termasuk kegagalan untuk menyenggara lebihan aset terhadap tanggungan seperti yang ditetapkan; tidak mematuhi apa-apa perintah untuk memenuhi kekurangan dalam kumpulan wang insuran; ketidakupayaan penginsuran untuk memenuhi tanggungjawabnya atau kegagalan untuk menjayakan peraturan-peraturan insuran semula yang memuaskan.

Syarikat-syarikat insuran dikehendaki melaburkan sekurang-kurangnya 75 peratus dari jumlah aset-aset mereka ke dalam aset Malaysia yang dibenarkan ketika ini. Sekarang telah dicadangkan di bawah Fasal 11 iaitu kehendak undang-undang ini ditambahkan kepada 80 peratus. Fasal ini akan juga memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menghendaki penginsuran tidak boleh membuat pelaburan terhadap klas atau jenis tertentu untuk menentukan supaya pelaburan pada keseluruhannya adalah teguh dan berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu tahu bahawa bagaimanapun rapinya penyeliaan undang-undang tidak akan dapat menjamin akan tidak berlakunya ketegasan dan ketidakcekapan pengurusan yang akan boleh menimbulkan "insolvencies". Oleh yang demikian, adalah perlu untuk menubuhkan skim kumpulanwang jaminan insuran di bawah Fasal 13 untuk melindungi pemegang-pemegang polisi syarikat-syarikat insuran yang telah gagal. Kumpulanwang ini akan memberikan jaminan yang teratur kepada pemegang-pemegang polisi. Walaupun persatuan-persatuan insuran telah menyatakan keraguan ataupun mengadakan "reservations" mengenai kumpulanwang berkanun seperti ini, tetapi hendaklah dipertimbangkan bahawa kepentingan pemegang-pemegang polisi menghendaki supaya Ketua Pengarah Insuran diberikan kuasa untuk mentadbir dua kumpulanwang yang berasingan masing-masing bagi insuran nyawa dan insuran am. Kumpulanwang ini akan dibiayai dengan cara mengenakan levi tahunan ke atas semua syarikat insuran yang dibenarkan sebanyak jumlah tidak melebehi satu peratus daripada pendapatan premium tahun sebelumnya. Kumpulanwang ini akan ditubuhkan secepat mungkin hingga ia dianggap cukup besar untuk tujuan yang ditentukan, selepas mana sekali levi itu akan dikurangkan atau dihentikan buat sementara waktu. Penubuhan kumpulanwang ini adalah perlu bagi menentukan tambahan jaminan kepada pemegang-pemegang polisi dan meneguhkan lagi kepercayaan orang ramai kepada perusahaan insuran. Ini tentunya pula akan menguntungkan perusahaan insuran dengan cara berkembangnya lagi perusahaan ini. Penginsuran-penginsuran itu sendiri tidak pula terkecuali daripada tanggungjawab menyenggara penyambungan "solvency" syarikat-syarikat mereka melalui pengurusan perniagaan yang hemat dan baik. Bila hal ini dapat terjamin, maka barulah pertimbangan akan diberikan bagi samada untuk mengurangkan atau menghapuskan terus levi dan saya percaya perusahaan insuran akan dapat melihat kehendak undang-undang ini dari segi ini.

Fasal 15 menghendaki semua penginsuran mengadakan peraturan-peraturan yang memuaskan, sejajar dengan prinsip-prinsip insuran yang baik, untuk menginsurankan semula tanggungan-tanggungan mereka sebab Akta yang ujud sekarang tidak menyentuh perkara ini.

Fasal 16 menentukan kaedah-kaedah mengenai bukti umur orang yang diinsurankan. Adalah perlu untuk memperuntukkan perkara ini supaya polisi-polisi insuran nyawa tidak dielakkan dengan hanya disebabkan oleh silap menyatakan umur yang diinsurankan.

Fasal 17 menghendaki kelulusan daripada Ketua Pengarah Insuran mestilah diperolehi sebelum syarikat-syarikat insuran dibenarkan membuka pejabat cawangan atau ejensi baru supaya aktiviti-aktiviti mereka dapat diawasi dengan lebih rapi.

Fasal 18 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insuran dengan syarat merahsiakan, memeriksa dari masa ke masa di mana perlu akan buku-buku akuan-akuan dan urusaniaga setiap penginsuran, broker, ejen dan penyelaras (adjuster) yang berdaftar. Penginsuran-penginsuran akan diwajibkan membuat lapuran kepada Ketua Pengarah Insuran mengenai apa-apa cadangan penukaran penguasaan syarikat untuk mencegah syarikat itu daripada jatuh ke tangan orang yang mungkin tidak diingini atau tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman telah menunjukkan bahawa perniagaan perkhidmatan rumah ke rumah (Home Service Policies ) di mana premium dikutip dari pemegang-pemegang polisi oleh ejen-ejen yang datang dari rumah ke rumah dari masa ke masa, perlu diatur. Keperluan untuk

menyelia dengan lebih rapi adalah nyata sekali sebab polisi jenis ini dikeluarkan untuk memberikan perkhidmatan insuran kepada mereka dari golongan berpendapatan rendah. Saiz purata jumlah wang yang diinsurankan bagi insuran perkhidmatan rumah ke rumah ialah lebih kurang $1,000.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 19 menghendaki pemegang polisi diberikan tempoh selama 28 hari selepas polisi perkhidmatan rumah ke rumah (Home Service) itu dihantar kepadanya dalam tempoh mana ia boleh mengembalikan polisi kepada penginsuran, menyatakan halangannya secara bertulis. Polisi yang dikembalikan itu akan dibatalkan dan premium dibayar balik kepada pemegang polisi. Polisi-polisi dan buku-buku resit premium mestilah juga dikembalikan kepada pemegang polisi setelah disemak oleh penginsuran. Fasal ini diperbincangkan agak mendalam sebab insuran perkhidmatan rumah ke rumah (Home Service) perlu betul-betul diatur bagi mengelakkan pengkhianatan oleh pihak penginsuran mengambil kesempatan terhadap golongan berpendapatan rendah.

Fasal 20 adalah mengenai ejen-ejen dan broker-broker bagi Penanggung Lloyd (Lloyd Underwriters). Akta ini tidak mempunyai peruntukan-peruntukan bagi Ketua Pengarah Insuran kuasa mengawal aktiviti-aktiviti broker-broker dan ejen-ejen, kecualilah mereka dilesen tiap-tiap tahun. Ejen insuran Lloyd akan dikehendaki mempunyai lebihan aset terhadap tanggungan tidak kurang daripada $100,000 untuk mempastikan yang kedudukan kewangan mereka teguh. Broker insuran yang meletakkan perniagaan di Lloyd akan dikehendaki mengemukakan sijil "solvency" dan mengambil perlindungan insuran gantirugi iktisas yang tidak kurang daripada $500,000. Jelaslah bahawa broker-broker dan ejen-ejen seperti ini mestilah mempunyai tingkat taraf kewangan tertentu sekiranya mereka ingin menceburkan diri dalam perniagaan insuran.

Ada juga terdapat broker-broker lain yang menjalankan perniagaan insuran dengan bebasnya pada masa ini, setengah daripada mereka menyamar sebagai broker Lloyd. Adalah perlu broker-broker ini juga dikehendaki mendapatkan lesen yang diperbaharui setiap tahun di bawah Fasal 21 supaya pemeriksaan boleh diselenggarakan ke atas semua broker untuk menentukan supaya mereka berjalan dalam lingkungan undang-undang dan dasar keseluruhan yang menguasai perusahaan insuran.

Fasal ini juga memberi peruntukan melesen penyelaras (adjuster) untuk menentukan supaya mereka menjalankan kerja mereka dengan saksama dan amanah, seperti yang dijangkakan daripada mereka. Adalah perlu untuk menentukan supaya tidak ada syarikat penyelaras (adjuster) memegang secara langsung atau tidak langsung apa-apa ikuiti, kepentingan atau jawatan di dalam mana-mana syarikat insuran sebab kepentingan yang bertimbal balik antara penyelaras (adjuster) dan penginsuran mungkin akan merugikan pemegang polisi yang terlibat dalam tuntutan.

Pada masa sekarang terdapat kecenderungan setengah-setengah tuan punya harta menginsurankan harta-harta mereka keluar Malaysia. Ini mengakibatkan pengiriman premium ke seberang laut. Adalah difikirkan supaya insuran harta, kapal laut dan kapal udara bertempat di Malaysia patut diinsurankan kepada penginsuran yang didaftar menjalankan perniagaan di negeri ini. Kehendak ini sekarang telah diujudkan di dalam Fasal 23 yang juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengecualikan seseorang itu daripada peruntukan ini sebab risiko-risiko istimewa dan luar biasa tidak boleh diinsurankan di Malaysia. Penukaran dalam undang-undang ini sepatutnya akan menolong penginsuran-penginsuran Malaysia memperluaskan lagi bidang mereka dan syarikat-syarikat insuran tempatan sepatutnya menyusun syarikat mereka supaya berupaya mendapatkan perniagaan ini dengan cara mempercekapkan pengurusan dan menambah kebolehan penahanan (retention capacities) mereka.

Pindaan juga dicadangkan terhadap Jadual Kedua kepada Akta yang memberi senarai aset-aset Malaysia yang dibenarkan untuk simpanan dan kumpulanwang insuran. Saluran-saluran pelaburan yang ujud di dalam Jadual sekarang ini tidak mencukupi dan oleh itu akan diperluaskan sewajarnya. Penginsuran-penginsuran, umpamanya, akan dibenarkan menyimpan kumpulanwang mereka di dalam syarikat-syarikat yang dilesen di bawah Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969, atau

lain-lain institusi kewangan seumpama itu yang mungkin ditetapkan. Syarikat-syarikat insuran akan juga dibenarkan memberi pinjaman terus kepada perbadanan milik Kerajaan seperti Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan PERNAS, agar perusahaan insuran akan terlibat dengan lebih aktif dalam matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita hendak meyakinkan Dewan bahawa peruntukan-peruntukan dan pindaan-pindaan berfaedah untuk kawalan yang lebih ketat, di mana perlu, dan bagi memandu perusahaan insuran ke arah yang mereka belum pernah masuki sebelumnya; sepatutnya janganlah disalahertikan sebagai langkah-langkah untuk menyusahkan perjalanan perusahaan insuran. Sebaliknya, perubahan undang-undang dan peraturan-peraturan ini adalah dibuat untuk memperteguh perusahaan insuran, menambah kepercayaan orangramai terhadap insuran dan memberi perlindungan seterusnya akan kepentingan pengguna-pengguna. Ianya juga dibentuk untuk mempastikan supaya penginsuran-penginsuran lebih mengenalkan diri mereka dengan matlamat dan kepentingan negara. Pindaan-pindaan yang telah dicadangkan kepada Akta akan memberi satu imbangan di antara peraturan dan kebebasan dan akan memudahkan perkembangan perusahaan insuran Malaysia yang baik, progresif dan sihat selaras dengan perkembangan ekonomi yang sofistikasi bagi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*5.25 ptg.*

**Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Rang Undang-undang bersabit dengan insuran. Adalah pindaan Rang Undang-undang Insuran ini sangat sesuai bagi kegiatan syarikat-syarikat insuran tempatan dan syarikat-syarikat yang telah berdaftar dalam negara ini, kerana di masa-masa yang lampau dengan ketiadaan syarat ini syarikat-syarikat asing yang besar dalam negara kita walaupun telah mempunyai harta yang banyak dalam negara kita biasanya membuat insuran dengan syarikat-syarikat insuran asing yang berdaftar di luar daripada negara kita yang ada kaitan dengan mereka dan ini merupakan satu sekatan kepada penyertaan syarikat-syarikat insuran tempatan atau yang telah berdaftar di negara kita. Dengan adanya syarat-syarat tambahan ini bermaknalah peluang-peluang yang lebih akan terbuka bagi syarikat-syarikat insuran tempatan mengambil peranan yang agak lebih giat bagi menginsuran harta-harta dan benda-benda yang mereka miliki dalam negara ini.

Pindaan Rang Undang-undang ini juga dalam Fasal 3 akan mempertahankan syarikat-syarikat insuran dalam negara ini daripada menjalankan satu-satu rancangan yang akan melibatkan kerugian kepada penginsuran.

Dalam Fasal 4 pula akan menahan kelahiran bogus underwriters dan wakil insuran, tetapi Fasal 12A yang baharu di mana disyaratkan supaya satu penubuhan insurance guarantee scheme funds diadakan, mungkin ini akan timbul satu masaalah di mana soal levy, ini bukan syarikat-syarikat insuran yang akan memikul tanggungjawab ini, tetapi di sebaliknya orang-orang yang mengambil insuran terpaksa membayar lebih bagi memenuhi syarat ini. Ini mungkin akan jadi satu bebanan pula kepada orang ramai yang ingin mengambil insuran melainkan pihak Director-General of Insurance dapat mengawasinya.

Lagi satu masaalah ialah syarat ini juga mungkin akan disalahgunakan oleh setengah-setengah syarikat insuran yang kurang maju, kurang peraturan dan disiplin bagi melepaskan tanggungjawab mereka terhadap orang-orang yang insure. Oleh kerana mereka sedar bahawa dengan adanya syarat ini dan kumpulanwang-kumpulanwang ini masaalah bagi mengatasi kesulitan dan kerugian yang dialami oleh insuran hasil daripada keburukan, syarikat-syarikat insuran akan diselesaikan oleh pentadbir kumpulanwang ini.

Sambil kita mencari jalan menyelamatkan kepentingan orang-orang yang menginsure, kepentingan syarikat insuran tempatan juga

harus diberi perhatian. Saya mengambil perhatian Kementerian bahawa satu lagi faktor yang penting ialah tentang usaha-usaha syarikat insuran tempatan bagi mengurangkan control atau pengaruh syarikat-syarikat insuran asing dalam bidang insuran di dalam negara ini. Setengah-setengah syarikat insuran tempatan sudahpun cuba mengurangkan jumlah equity atau pegangan saham syarikat insuran asing yang sedang berkongsi sama mereka. Tujuannya ialah supaya mereka dapat mengambilalih pengurusan dan control selaras dengan tujuan-tujuan Kerajaan bagi menambah kegiatan orang-orang tempatan dalam bidang insuran, dan di samping itu projek imej syarikat insuran tempatan. Tetapi nampaknya secara pengambilan shares yang lebih ini tidak memadai bagi tujuan ini, kerana masih ada banyak lagi syarikat-syarikat insuran tempatan yang mengalami tekanan dari syarikat-syarikat insuran asing walaupun mereka berdaftar di sini dan syarikat-syarikat tempatan mempunyai saham yang lebih dalam permodalan, tetapi dalam soal pengurusan mereka tidak dapat menjalankan secara yang teratur, kerana kekurangan kakitangan dan pakar-pakar insuran yang terdiri dari anak-anak tempatan. Dan kerap kali ini digunakan oleh expertise asing dan syarikat insuran asing sebagai peluang melewatkan dan menggendalakan pemindaan kuasa urusan dan control daripada mereka kepada syarikat-syarikat insuran tempatan. Oleh kerana perusahaan insuran merupakan perusahaan kewangan yang terbesar di dalam negara ini, sepertimana Dewan sedia maklum dalam usaha insuran di dalam negara kita telahpun melebihi $700 million.

Kementerian perlulah membantu Persatuan Insuran supaya kita melengkapkan anak-anak tempatan dalam pengalaman insuran dengan mengadakan, jika boleh, satu sekolah latihan insuran di dalam negara ini supaya anak-anak tempatan dapat dilatih di dalam bidang insuran ini. Dan di samping itu, adakan sistem bagi membantu syarikat-syarikat insuran tempatan yang sedang mengambil peranan aktif di dalam bahagian urusan insuran hasil daripada perusahaan penyusunan semula atau restructuring syarikat-syarikat insuran ini, dengan tujuan memberi peranan dan control yang lebih kepada anak-anak tempatan dalam masa transitional period. Ini perlu dibuat oleh sebab masih banyak insuran company asing di dalam negara ini dan oleh kerana banyak syarikat-syarikat insuran asing tidak begitu ingin walaupun sebagai partner memberi rahsia dan teknoloji insuran kepada syarikat-syarikat insuran tempatan. Maka dengan hal yang demikian, perlulah bimbingan dan pertolongan diberi kepada syarikat insuran tempatan yang dimodalkan oleh anak-anak negeri yang sanggup dan berani tampil kehadapan bagi mengurangkan pengaruh dan kebolotan peluang insuran oleh syarikat-syarikat insuran asing dalam negara ini.

Seperti Dewan ini sedia maklum jumlah syarikat insuran yang berdaftar dalam negara kita telah meningkat pada tahun 1974 sehingga 90 buah syarikat insuran. Tetapi daripada jumlah yang sebegini besar 73 syarikat adalah syarikat-syarikat insuran asing dan bukanlah syarikat insuran tempatan. Langkah-langkah membantu syarikat insuran tempatan ini perlu dibuat bagi mengelakkan syarikat-syarikat insuran asing yang besar menggunakan serba kekurangan ini bagi memajukan usaha-usaha dalam bidang insuran, dengan cara tidak mengindahkan kehendak-kehendak syarikat insuran tempatan dan lebih-lebih lagi dengan cara menggunakan nama syarikat insuran tempatan sebagai vehicle untuk kepentingan mereka. Dengan bantuan yang baik daripada Kementerian dan pihak Director-General baharulah negara ini boleh saya agak melaksanakan langkah bagi menggalakkan industri insuran ini selaras dengan tujuan dan inspirasi Kerajaan dan negara.

*5.34 ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Saya berpendapat Rang Undang-undang ini sepatutnya telah lama dikemukakan dan bukannya pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya juga sependapat dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jerlun—Langkawi iaitu setakat yang saya dapat tahu syarikat-syarikat insuran adalah satu syarikat yang boleh dikatakan jarang, tetapi mendapat keuntungan.

Kepada pengguna-pengguna kenderaan telah menjadi satu syarat yang wajib mesti mengambil insuran, seperti seseorang yang membeli motokar diwajibkan mengambil

insuran jikalau tidak mereka tidak dapat membayar cukai kereta tersebut. Begitu juga walaupun pemborong kecil, sebelum dia menjalankan kerjanya dia mestilah mengambil insuran baharulah boleh dibenarkan menjalankan kerjanya. Ini satu perniagaan yang payah rugi, bahkan mendapatkan keuntungan semata-mata. Maka dengan sebab itu, saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jerlun—Langkawi tadi iaitu pihak Kerajaan patut memberi galakkan yang kuat kepada anak-anak tempatan khasnya kepada bumiputra. Agak saya apa yang telah dimaksudkan Ahli dari Jerlun—Langkawi itu ialah untuk anak tempatan yang bererti kita semua di dalam negara Malaysia. Tetapi kalau dinisbahkan pula kepada anak-anak bumiputra, maka angkanya lebih tinggi sedikit daripada itu, sedangkan keuntungan-keuntungan yang didapati oleh Persatuan Insuran tadi banyak datangnya daripada bumiputra juga. Dengan sebab itu, saya harap pihak Kerajaan memberi galakan yang wajar dan kalau boleh berilah kemudahan-kemudahan seperti pinjaman bank dan sebagainya.

Sesudah kita mengkaji soal syarikat insuran, maka kita tentulah tidak menafikan adanya lagi pembayar-pembayar polisi, sebagaimana kata Menteri yang berkenaan ada broker dan ejen-ejen yang menjalankan kegiatannya di kampung-kampung dan sebagainya. Saya dapat tahu ejen-ejen ini kerapkali tidak diberi gaji khas melainkan diberi bonos ataupun komisen terhadap polisi yang baru. Maka tidak dapat tiada ejen-ejen ini terdiri daripada orang-orang yang pandai bercakap, pandai memujuk 1001 macam untuk mendapatkan polisi dengan seberapa banyak yang boleh supaya orang masuk insuran. Maka atas kepandaian mereka memujuk tadi, ada yang setengah itu tidak mampu, tetapi dengan pandai pujuk rayu tidak dapat tiada sipendengar itu mengambil insuran. Tetapi malangnya, setengah daripada setengahnya sampai tiga bulan ataupun kadang-kadang sampai setahun, maka pemegang polisi itu terpaksa berhenti daripada membayar premium ataupun polisi yang berkenaan. Maka dikala itu pihak syarikat insuran tidak bayar wang premium mereka. Dengan adanya Rang Undang-undang yang dikemukakan ini yang mana mesti dibayar balik oleh syarikat itu, maka kita mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Tetapi di masa yang lepas apa yang telah berlaku kalaulah seorang itu telah masuk insuran tidak sampai masa yang ditetapkan umpamanya 55 tahun atau seumur hidup, maka wang yang dibayar sampai setahun atau dua tahun misalnya berjumlah $3,000 atau $4,000, hilang dengan begitu sahaja. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada syarikat-syarikat insuran ini dengan adanya undang-undang ini berilah balik kepada pembayar-pembayar itu. Kalau tidak kesemua pun kita buat keputusan $\frac{1}{3}$ daripada pembayaran itu hendak dikembalikan balik. Kalau tidak buat begitu kadang-kadang syarikat ini beri alasan seperti belanja ini, belanja itu, akhirnya orang itu satu sen tidak dapat.

Begitu juga syarat-syarat masuk insuran patutlah dilonggarkan sedikit. Pada 13hb March, 1975 yang lepas iaitu pada hari Jumaat satu perlanggaran telah berlaku diladang tebu, Perlis mengakibatkan seorang mati daripada perlanggaran tersebut. Mati bersebab, ajal ditangan Allah. Bapa simati datanglah berjumpa dengan pihak syarikat insuran yang telah diinsurankan oleh kompeni simati bekerja. Katanya, wang insuran tidak dapat diambil disebabkan si mati mendapat kemalangan tidak di tempat bekerja, tetapi telah mati apakala ia datang bekerja." Kalau kita kaji di sini, walaupun dia tidak mati di dalam ataupun di masa ia menjalankan tugas, apabila dia turun daripada rumah untuk menjalankan kerja, dia boleh tuntut, sepertimana kita Ahli-ahli Dewan Rakyat walaupun kadang-kadang kita tidak sampai ke Dewan, apabila turun sahaja daripada rumah kita boleh buat tuntutan kerana kita datang ke sini. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya aturan-aturan itu dilonggarkan sedikit kalau tidak banyak pihak-pihak rakyat yang susah mendapat balik dari segi premium itu dan juga dari segi syarat-syarat yang saya katakan insuran pekerja itu. Maka dengan ini, saya berharap mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari pihak Kementerian yang berkenaan. Biasa juga berlaku, kalau seseorang mati sesudah ambil insuran, pihak syarikat ini akan menghalusinya sehingga terpaksa mengambil loyar dan sebagainya. Walhal kenyataan telah nyata bahawa pihak yang berkenaan telah mati, dengan sebab yang saya katakan tadi, atau sebab-sebab yang berkenaan yang patut diberi oleh pihak syarikat. Tetapi mengapakah pula pihak yang mengambil insuran tadi hendak mengambil loyar dan sebagainya.

*5.42 ptg.*

**Tuan Lim Cho Hock (Ipoh):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I support this Bill very much. I would add that the Director-General of Insurance should exercise all his powers to control the activities of insurance companies. The insurance companies in the eyes of the public are giants. These giants bully the policy holders. How do they do that? They simply delay, adopt delaying tactics in meeting the claims of the policy holders. I myself have come across a few cases. They ask for a lot of particulars—police reports, or medical reports, photographs, sketch plans and so on. After having obtained all these particulars, they just keep quiet about the whole matter and wait for the policy holder to issue a summons. Therefore, I would suggest that the Government should set up some sort of a committee to receive complaints from members of the public regarding delaying tactics on the part of the insurance companies.

Lately, I have come across another case where a person, a beneficiary of a life policy filed a claim after the policy holder's death and he produced the death certificate of the person who was insured. The insurance company turned round and asked him for the post-mortem report. The claimant would have to apply to the hospital for the post-mortem report. Why must the insurance company ask for something more when the death certificate alone is sufficient to meet the claim? It is not easy, Mr Speaker, Sir, for private individuals to apply for a post-mortem report from hospitals. We know it is very difficult because probably the doctors involved are very busy and normally hospitals do not entertain applications for medical reports or post-mortem reports from individuals. They will have to go to lawyers for such reports and when they go to hospitals they are invariably advised by the doctors to approach some lawyers to apply for such reports.

A lot of insurance companies have got a clause in their motor car policies that they disclaim liability if the insured does not report an accident to the insurance company within a period of, say, 20 days. A lot of the insured do not know about this clause and after the accident they do not report the accident to the insurance company and on that ground alone the insurance company can deny liability under the policy. This is a very small matter. Since a report has been made to the Police and there is a record of the accident, why should the Government or the Director-General of Insurance allow the insurance companies to deny liability on such a flimsy ground? I suggest that the Director-General should look closely into the so-called policy forms of the insurance companies. They should not be allowed to get away scot-free just because the insured committed a technical mistake of not reporting to the insurance company about the accident.

I would also suggest to the Government to amend the Road Traffic Ordinance with regard to the clause which requires a claimant who filed a summons in court for his motor claim to have his summons served on the insurance company within a period of seven days. If I filed a claim of a summons in court today, I would have to serve the summons on the insurance company concerned within a period of seven days by registered post. Sometimes it is not possible to do that. There may be a delay in the post, or the lawyer concerned or the clerk concerned might misplace the letter for a few days and the summons is not served on the insurance company. On that ground alone under the Road Traffic Ordinance, the insurance company concerned can deny liability and can refuse to pay even a single cent to do so. This is a hardship which can be removed if the Government decides to do so. At least the insured should be given a period of three weeks, not just one week to serve a summons on the insurance company. The insurance company may be in Kuala Lumpur or in Penang and if I am in Ipoh, it will take in the normal course of the post two or three days to reach the insurance company. Or there may be some delay in the train, perhaps a train may be derailed, which is quite a normal thing, and there will be delay in the post. So the insured will be penalised through no fault of his own.

Moreover, Mr Speaker, Sir, a lot of insurance companies push the burden of proving the claim onto the insured. The insured is asked to fill up a certain medical form provided by the insurance company and the insured who filed the claim will have to submit it to a hospital doctor or to a private doctor to fill up the injuries and so on. Normally the hospital doctors are so

busy that they cannot fill up a detailed form and normally the doctors in hospitals do not fill up the space which calls for the loss of the degree of capability. Normally the doctor will not fill up that particular space. If the claim is filed without that particular space filled in, the insurance company will reject the claim totally because the insurance company will say that "We cannot assess the claim because we do not know how many days you were in hospital, or what degree of capability that you have lost". Since the insurance company is a giant, the burden should be put on the insurance company to get that medical certificate from the doctor, not asking the insured to get the medical report.

Mr Speaker, Sir, at times the claimant and the insurance company come to certain terms of settlement, say, the insurance company agreed to pay $3,000 out of the claim. After having agreed to pay, the insurance company will not pay; they will just sit tight on it. What can you do about it? Just sit tight on the claim although agreed, and I understand that the insurance companies are real businessmen and they know that each day they retain the money they get a bit of interest from the bank. If I delay payment of the $3,000 for a period of six months, I get $300 by way of interest. Now, this sort of thing should not be allowed to happen. The Director-General should have some sort of a Committee where people can lodge complaints with him and he can investigate and caution the insurance company concerned.

Mr Speaker, Sir, another point I would like to raise is that a lot of owners of motor-cars now do not insure passengers' risk. Formerly, about a few years ago, I understand this Clause was automatically included in the motor insurance policy but now the insurance companies, being real businessmen, have deleted such a Clause and a lot of owners of motor-vehicles do not realise the danger of not buying this extra risk, i.e. to insure the risk of the passengers being carried. For example, if a friend come in my car and I negligently overturn my car and he is injured, the insurance company can deny liability on the ground that I have not bought the policy covering passenger risk and I will have to pay the compensation myself and if I am a man of no means, then my passenger will stand to lose. He may have a large family and in the accident he may lose both his eyes and his family suffers. So, I would suggest that the Director-General here should make it compulsory for all motor-vehicle owners to ensure this passengers risk by paying an extra of $15 or $20. It is very often that we see motor-cyclists carrying pillion riders and meeting with accidents and the insurance company deny liability in so far as the pillion riders are concerned. The pillion riders will have to sue only the riders for their claims and in most of these cases the riders, or the owners of motor-cycles, are people without any money, so that the pillion riders' families, if the pillion riders are dead, will stand to lose. This sort of anomalies the Government can correct by way of drafting i.e. amendments can be brought up in Parliament and the anomalies can be corrected easily.

Finally, Mr Speaker, Sir, at the moment we have got the Workmen's Compensation Ordinance where the scale of award is far too low. For the loss of life, the maximum award is $7,200 and for the loss of a limb the maximum award is about $2,000. In Singapore, I understand the scale of award has been trebled since about four or five years ago. So why can't we here do the same thing? Treble the scale of award and force the employers to pay greater premiums to insurance companies to cover the increase of awards for compensation. At the moment the Government will say, "Well, we have got the SOCSO coming in". But it takes time for SOCSO to spread to other areas. Yes, SOCSO is moving but it is moving far too slow. It has been in existence for about two or three years, but what about those not covered by SOCSO? So in the meantime the Government should treble the scale of award under the Workmen's Compensation Ordinance and force the employers to pay a bit of extra premium so that the workers in this country can be covered adequately.

*5.55 ptg.*

**Tuan Liew Sip Hon (Shah Alam):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyokong Rang Undang-undang Akta Insuran (Pindaan) ini dan ingin menyentuh sedikit-sebanyak mengenai Pindaan-pindaan yang dicadangkan. Dewan yang mulia ini baru-baru ini telah menerima Lapuran Tahun Ke-12 daripada Ketua Pengarah Insuran

bagi tahun berakhir 31hb Disember, 1974 dan di sini saya ingin menarik perhatian kepada tiga perkara yang penting.

Perkara yang pertama, jika kita pandang pada syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia pada tahun 1974 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi, dari jumlah 90 buah syarikat itu cuma 17 buah syarikat sahaja terdiri dari syarikat yang dipunyai oleh warganegara Malaysia. Ini boleh dikatakan kurang daripada 20 daripada syarikat-syarikat insuran di Malaysia dipunyai oleh warganegara Malaysia dan 80% terdiri daripada syarikat kepunyaan orang asing.

Yang kedua, kalau kita pandangkan kepada premium yang dikutip oleh syarikat-syarikat ini pada tahun 1974, baikpun premium insuran nyawa atau insuran am; saya telah membuat sedikit kira-kira, dan didapati bahawa pendapatan premium insuran nyawa syarikat Malaysia atau domestic $23.4 juta, syarikat asing $94.2 juta berjumlah $117.6 juta. Premium daripada insuran am $49.1 juta bagi syarikat tempatan $130.3 juta daripada syarikat asing berjumlah $179.4 juta. Jadi kalau kita pandang pada keseluruhannya boleh dikatakan cuma 24% daripada premium-premium yang dikutip oleh syarikat-syarikat insuran-insuran ini ialah dikutip oleh syarikat Malaysia.

Yang ketiga, satu perkara mengenai kadar faedah yang diperolehi (interest earned) sungguhpun dalam lapuran ini dikatakan kadar kasar mengikut lebih kurang peringkat pertambahan kadar-kadar faedah dalam negeri, tetapi kalau saya tidak silap di sini daripada tahun 1965 sehingga tahun 1973 kadar kasar dimulakan pada 8.3% sudah turun pada 7.9% dan kadar bersih (net interest) sudah turun 7%. Di dalam konteks ini saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan, sebab dalam Pindaan ini dalam Fasal 11 di mana nilai asset Malaysia seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Yang Kedua Akta ini telah naik daripada 75% sehingga 85% daripada jumlah nilai asset syarikat insuran pada keseluruhannya. Ini adalah satu langkah yang patut kita alu-alukan. Tetapi pada pandangan saya ini tidak mencukupi untuk mengubah sikap di mana pada masa akan datang patut ada satu dasar yang sengaja atau dasar yang positif di mana kelebihan daripada syarikat-syarikat insuran ini patut diubah kepada syarikat warganegara Malaysia ini, dan daripada masa sekarang apa-apa langkah yang ada untuk mengawasi supaya kita boleh mengurangkan syarikat-syarikat asing. Sungguhpun saya nampak di sini pada tahun 1973, kalau dibandingkan pada tahun 1974 syarikat Malaysia sudah naik 2 buah tetapi kalau di negeri kita pada satu tahun boleh naik 2 buah syarikat barangkali dalam masa 25 tahun kita baru dapat sampai setakat yang ada.

Dan lagi kita tahu dalam insuran di mana pendapatan itu boleh dikatakan dalam istilah ekonomik, "invisible earning" iaitu khasnya berkenaan dengan business dalam foreign trade, shipping atau ocean transportation, air transportation dan sebagainya, ini khasnya kalau perniagaan ini dibuat oleh syarikat asing, maka semua pendapatan ini atau foreign exchange yang dikutip ini telah keluar daripada negara kita. Dengan sebab itu, saya berharap khasnya bagi pendapatan invisible earning ini Kerajaan mesti mengkaji dan menjalankan satu dasar yang sejajar supaya sekurang-kurangnya basic insurance ini dikutip atau diuruskan oleh syarikat Malaysia; sungguhpun kita telah tahu nilaian besar reinsurance ini boleh diberi kepada syarikat asing. Dan lagi seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum seperti keadaan inflasi sekarang nilai benar-benar (real value) apabila insuran nyawa itu sampai masanya nilai itu makin lama makin kurang. Dengan ini sungguhpun saya ada membaca di dalam Lapuran Insuran Ketua Pengarah ini dalam perenggan 68 di mana arahaliran (trend) dalam perniagaan Insuran Nyawa ini telah bertambah tetapi beliau telah mengakui:

> "Pemegang-pemegang polisi insuran nyawa bercadang mengambil polisi pada masa sekarang mengharapkan penginsuran-penginsuran nyawa memberikan mereka perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh dianggap benar-benar memberi faedah kerana setengah-setengah jenis polisi insuran nyawa yang sedia ada pada masa ini, mungkin tidak dapat lagi memuaskan kehendak-kehendak orang ramai".

Dengan ini, saya ingin tahu apakah ikhtiar yang patut diambil supaya Insuran Nyawa ini yang datang pada masa akhir itu faedahnya selaras dengan orang yang telah membuat investment di dalamnya. Lagi satu yang patut saya alu-alukan ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 23 di mana

dalam Section 34A, maksudnya Kapal-kapal dan Kapal-kapal Udara Malaysia dan harta yang terletak dalam Malaysia insuran kapal itu hendklah dibuat dengan Syarikat-syarikat Insuran Malaysia. Maka dengan ini premium yang dikenakan di bawah satu-satu polisi ini akan dibayar di Malaysia. Ini ialah satu langkah yang sangat dialu-alukan.

*6.04 ptg.*

**Tuan Lee Boon Peng (Mantin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kerana mengambil inisiatif membuat pindaan-pindaan yang bukan sahaja perlu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi juga pindaan yang progresif.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Clause 2 di mana Section 1A Akta Insuran adalah memasukkan ta'arif yang berikut bagi "adjuster" dan "broker".

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am very glad that the Honourable Minister has now, after so many years, given recognition to certain people in the insurance industry like "adjusters" and "brokers" and they are defined in the Act. We all know that when there is an accident claim or death claim, there are adjusters working for the insurance companies and we are glad that the Director-General of Insurance has now quite good discretionary powers under Section 20 to control the licensing of adjusters and brokers. There are many adjusters; and some of them are very good, but some induce certain claimants to settle on a sum which is not fair and not in accordance with the injuries or damages suffered by the claimants. There are some claimants who, because of the need for money or because of ignorance, enter into arrangements with the adjusters and settle for very small amounts indeed. These claimants do not have the benefit of professional advice, and I would suggest that the Director-General of Insurance exercise strict control whenever licences of adjusters are issued.

We can see here that the definition of "broker" which means "any individual, firm or company who for compensation as an independent contractor, in any manner solicits, negotiates or procures insurance or the renewal or continuance thereof on behalf of the insured other than himself". This I take to mean insurance agents as well. There are some insurance agents who are working part-time. We all like them to carry on their part-time work but there are certain insurance agents who, through ignorance or not knowing certain procedures, have caused losses to certain claimants. I have an instance where a taxi driver who did not know the law relating to third-party damages, informed an insurance agent of an accident and filled in a claim form which was left with the insurance agent. Unfortunately, the insurance agent forgot to send the form on to his head office and when the time came to pay damages arising out of a court claim against the taxi driver by a third party, he found that the insurance company denied liability in toto because he had breached the condition of his policy in that he did not inform the insurance company of the accident. That was an unfortunate thing and I would suggest that the Director-General of Insurance in his discretion, whenever he issues licences, should exercise strict control and supervision over such persons who profess to be insurance agents.

Now there is another matter and I would like to congratulate the Ministry concerned for having put into statutory law, the common law regarding mis-statements in proposal forms. Section 15 states that where in a proposal form a mis-statement is made regarding age, the policy cannot be avoided on the ground only that there was a mis-statement in the proposal form. I think this is a very good thing. Section 15C says:

> "A policy is not avoided by reason only of a mis-statement of the age of the life insured".

Formerly, we had certain instances where in a life policy, certain claims were not met by the insurance companies. As usual, insurance companies are very fond of delaying tactics because to them, handing out a lump sum means that they would lose the benefit of any investment or otherwise and we found that sometimes certain claimants are robbed of the benefits of their life insurance claims. As we all know, if a person buys a life policy in 1950 and the policy matures in 1970, or if he dies, say, in about 10 years, the actual sum of money that would be received by the policy holder or his beneficiaries in real terms would

only be about one-third of the money that was paid by the policy holder in the way of yearly premiums. That, unfortunately, is a thing that cannot be avoided because as usual the insurance companies will say, "We take a risk on your life and therefore we are entitled to pay whatever we deem fit." The amount of premiums paid has no relation to the amount of the claim, because the insurance companies will have to provide commissions to the insurance agents which amount to 40% in some cases on the first premium plus commissions on the renewal premiums there of. Therefore, the insurance is based on the actuarial practice and tables which most insurance companies follow, and they do not pay exactly 100% in terms of the premia that are paid by the policy-holder notwithstanding the fact also that in about ten years' time the amount of $2,000 or $5,000 that a person pays is worth only one-third in terms of real value when the policy matures. We hope that the Director-General of Insurance will look into this matter because, as other speakers have said before, where claims are concerned, the insurance companies should make it a policy that they or their agents should assist claimants, policy holders or any other beneficiaries who are in some way or other connected with claims from the insurance companies.

From my experience, if a person fails to pay his annual premium within one month's grace period, his policy is forfeited and if he applies to reinstate his policy, he has to undergo a medical examination. If you were fit, say, ten years ago and you happen to forfeit your life policy, and you have to go again for a re-examination by a doctor to reinstate your policy, the doctor may find that you are now suffering from heart trouble or kidney disease and therefore the doctor will have to put in his medical report that you are now a risk in terms of insurance. There again, the poor policy-holder is faced with a risk again. Why should the insurance companies have such restrictive condition whereas in collecting premiums, there is no condition on the insurance companies?

In the previous session of this Honourable House, I have mentioned that most insurance companies do not give fire policy covers on timber houses. It is the policy of the Government now to encourage the people in this country to build timber houses and, in fact, we have seen in the newspapers certain prefabricated houses being built in Pahang and we hope also throughout the country. As far as fire premium and fire policy are concerned, we hope that the Minister will be able to take this matter up with the insurance companies because on the question of arranging housing loans, normally banks and finance companies will not give housing loans on timber houses because to them if a timber house is not covered by an insurance policy, it is not a good and proper security as far as the bankers are concerned. Now, it is tied up in one way or another: if you do not have fire insurance, you do not get financing. This is a very important matter which I hope the Honourable Minister and his Director-General of Insurance will take up with the insurance companies. We know we cannot legislate that insurance companies should take on the risk against their will. It is a democratic way of life in this country. A businessman cannot take on risks against his will. But perhaps the Minister can persuade the insurance companies to take up this matter. But on a point of caution, if at all they do issue fire policies against timber houses, the premium should not be prohibitive, because there again the benefit of the insurance will be lost if the premium is prohibitive. I hope that the Minister will look into it.

All in all, I find that the Insurance (Amendment) Act has done a very good thing and we should congratulate the Minister. But what we want is some positive action as far as the insurance companies are concerned regarding claims by beneficiaries and claimants.

*6.15 ptg.*

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Rang Undang-undang Insuran. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan khasnya kepada Director-Generalnya yang telah berani mengadakan satu pindaan kepada undang-undang insuran yang pada masa ini kita sedar bahawa negara kita orang-orangnya telah bertambah sophisticated yang tahu menggunakan dan tahu mengenai faedah insuran dan di dalam pelaburan, perniagaan insuran ini satu daripada pelaburan yang besar.

Kita semua tahu pindaan ini bertujuan untuk menguatkan kedudukan dan untuk menolong orang ramai khasnya begitu juga untuk hendak membantu kedudukan syarikat-syarikat insuran tempatan. Tetapi apa yang saya dan Ahli-ahli Dewan ini mengharapkan ialah masaalah pelaksanaan, sejauh manakah dengan pindaan Rang Undang-undang ini dapat melaksanakan kehendak-kehendak isi kandungan Rang Undang-undang tersebut supaya memberi faedah kepada negara kita. Maka dalam pada itu kita berkehendakkan terutamanya sekali kekuatan di dalam Jabatan Insuran di Kementerian Kewangan itu sendiri. Jabatan itu hendaklah dilengkapi dengan pegawai-pegawai yang betul-betul mempunyai pengalaman dan bertanggung-jawab sebab Jabatan itu akan memainkan peranan yang penting dan kalau tak betul-betul boleh menimbulkan keraguan daripada orang ramai kerana ini terlibat dengan serba-serbinya dengan kewangan. Maka sebab itu-lah saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai di dalam Jabatan ini diberi latihan dengan lengkap dan Director-Generalnya sendiri, bukan sahaja untuk pergi meng-hadiri mesyuarat atau conference sahaja, bah-kan beliau sendiri patut diberi latihan atau kursus yang luas supaya dia tidak dapat di-permain-mainkan oleh syarikat-syarikat insuran terutamanya syarikat insuran luar negeri. Dengan adanya pendaftaran adjuster saya berharap tuntutan orang ramai dapat diselenggarakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah tuntutan orang ramai, saya rasa di dalam Rang Undang-undang ini tidak disebut, tidak ada kelonggaran sedikit mengenai kepada tuntutan kalau berlaku sebarang kemalangan iaitu masaalah pembayaran tuntutan apabila seseorang itu mati dalam kemalangan, masa-alah membelah mayat (post-mortem) yang mana kita dapati apabila terutamanya orang Islam apabila dia mati selalunya kalau di-hantar ke hospital besar apabila hendak buat post-mortem, keluarganya tidak membenar-kan dan selalunya keluarga membuat satu surat akuan yang selalu ditandatangani oleh wakil rakyat iaitu keluarganya tidak akan membuat sebarang tuntutan. Jika patut di-bayar tuntutan insuran nyawa kepada si mati tadi yang akan memberi faedah kepada yang tinggal tuntutan itu saya percaya akan hilang dan ini saya rasa tidak ada tercatit. Ini amat mustahak kerana kita sebagai orang Islam dan juga orang Asian tidak suka apabila seseorang mayat itu dibelah-belah setelah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat 10 me-ngenai kedudukan kekuatan syarikat-syarikat insuran tempatan yang pada masa ini Kera-jaan menggalakkan syarikat insuran tem-patan menjalankan perniagaan lebih licin. Benarkan saya baca dalam bahasa Inggeris:

"13A. (1) A Malaysian insurer shall have arrangements consistent with sound insurance principles for reinsurance of liabilities in respect of risks insured or to be insured by the Malaysian insurer in the course of his carrying on insurance business.

(2) The Director General may by giving notice in writing require a Malaysian insurer to produce for his inspection, within a period specified in the notice, treaties on reinsurance, such other detail information pertaining thereto and any such other reinsurance arrangements as he may in the particular case require."

Masaalah reinsurance ini apa yang kita takutkan peranan syarikat-syarikat insuran luar negeri yang ada dalam negara kita ini sejuah manakah dapat Rang Undang-undang ini mengawal mereka supaya menerima reinsurance daripada syarikat tempatan kalau hendak dimasukkan ke dalam syarikat mereka, sebab kalau ini tidak berjalan saya percaya insuran tempatan yang telah mula menjalankan perniagaannya akan terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, kesulitan-kesulitan yang dihadapi pula oleh orang ramai apabila hendak menuntut insuran. Selalunya kita tahu sebelum syarikat insuran membayar sebarang tuntutan dia berkehendakkan se-buah syarikat penyelaras—adjuster, membuat lapuran dan di sini kita dapati dalam negara kita syarikat ini berkurangan sangat dan kalau ini tidak dilengkapkan juga, iaitu apa yang saya berharapkan pihak Kerajaan atau-pun pihak Kementerian khasnya dalam baha-gian insuran ini hendaklah membuka satu kelas latihan membentuk ataupun melatih rakyat Malaysia ini sendiri menjadi insuran adjuster. Pada hari ini tak ada sangat, jadi selalunya kita berharapkan daripada adjuster dan ada ketikanya kalau insuran itu besar-besar datangnya daripada luar negeri dan oleh sebab tak adanya anak negeri sendiri yang menjadi qualified insurance adjuster, maka syarikat insuran luar negeri mengambil

kesempatan memanggil pakar-pakar mereka datang ke negara kita membuat report mengenai insuran adjuster.

Inilah harapan saya kepada Kementerian yang berkenaan dan saya ucapkan tahniah kepada pihak Menteri yang berkenaan dan juga kepada Director-General yang telah dapat membuat satu pindaan dan kami berharap pindaan dan Rang Undang-undang ini akan betul-betul menjamin keselamatan negara dan akan memberi faedah kepada warganegara kita.

*6.24 ptg.*

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil peluang menyokong Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya tetapi saya suka menyentuh hanya dalam satu fasal sahaja, iaitu Fasal 23 berkait dengan mengadakan Bahagian baru 3A yang berkaitan dengan kapal-kapal dan kapal-kapal udara Malaysia supaya di bawah peruntukan yang baru ini memastikan kapal-kapal dan kapal-kapal udara itu mengambil insuran dengan penginsuran-penginsuran di Malaysia sendiri.

Mengikut pendapat saya, bahagian ini memberi dua keuntungan yang besar terhadap negara kita. Yang pertama, hasil daripada bahagian baru daripada Undang-undang ini akan menyelamatkan tukaran luar (foreign exchange) yang kita tahu pada tiap-tiap tahun mengikut Lapuran Ekonomi Negara kita mengimpot perkhidmatan berjuta-juta ringgit pada tiap-tiap tahun dan impot perkhidmatan ini (import of services) termasuklah insuran dan saya rasa dengan cara kita menghadkan, memastikan kapal-kapal dan kapal-kapal udara mengambil insuran daripada syarikat-syarikat dalam negeri ini menjimatkan tukaran luar negeri supaya wang kita tidak mengalir keluar.

Satu lagi saya rasa dengan peruntukan ini juga, bahagian tambahan ini juga adalah merupakan suatu perlindungan, suatu galakan, suatu pertolongan kepada syarikat-syarikat insuran dalam negeri supaya dapat peluang, dapat menandingi syarikat-syarikat luar negeri di dalam perusahaan, dalam perniagaan insuran ini. Tetapi sebaliknya di dalam melaksanakan, menguatkuasakan peraturan ini, saya rasa kita terpaksa menghadapi dua masaalah atau dua kesulitan yang besar. Yang pertama, ada kemungkinan berlakunya penyelewengan dalam perlaksanaan dan saya rasa perkara ini patutlah mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan, kerana masaalah mentafsirkan istilah kapal-kapal dan kapal-kapal udara di Malaysia yang berdaftar di negara kita di Malaysia ialah satu perkara yang tidak begitu kemas, sebab kita dapati syarikat-syarikat terutama sekali syarikat-syarikat perkapalan yang ditubuhkan di dalam negara kita ini ada setengah-setengahnya ditubuhkan secara joint-venture dengan syarikat-syarikat luar negeri dan di dalam perjanjian syarikat-syarikat itu setengah-setengahnya ada ikatan-ikatan tertentu supaya insuran-insuran ini diambil dengan syarikat-syarikat luar negeri dan setengah daripada syarikat-syarikat perkapalan yang ada di negara kita pada hari ini menyewa kapal-kapal daripada luar negeri dan setengah-setengahnya kapal-kapal mereka didaftarkan di luar negeri seperti di Hongkong, Panama dan sebagainya. Masaalah ini, saya rasa barangkali jika pihak syarikat-syarikat ini tidak mempunyai kejujuran mereka akan cuba melarikan diri daripada syarat ini dengan mendaftarkan kapal-kapal mereka di negara-negara lain, tidak di negara kita sendiri.

Saya rasa satu lagi masaalah dan kesulitannya ialah masaalah menentukan kemampuan syarikat-syarikat insuran kita sendiri. Kita memaksa supaya kapal-kapal dan kapal-kapal udara, (Saya membuat contoh kapal-kapal dan kapal-kapal udara sahaja) kerana saya rasa ini adalah masaalah yang rumit sedikit bagi kita menentukan, mensyaratkan supaya kapal-kapal yang didaftarkan di dalam negeri ini mengambil insuran dengan syarikat-syarikat insuran di Malaysia, tetapi kita tidak pula dapat menentukan bahawa syarikat-syarikat insuran yang ada dalam negeri ini mampu memberi khidmatnya mengikut taraf kemampuan perkhidmatan antarabangsa, kerana syarikat-syarikat perkapalan yang besar-besar barangkali tentulah mereka mempunyai tujuan hendak mengambil insuran bagi harta-benda mereka terutama kapal-kapal mereka dengan syarikat-syarikat yang mempunyai pengalaman, kemampuan dan kecekapan di dalam perkhidmatan antarabangsa kerana perkhidmatan . . . . . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat hendak menyambung lagi ucapannya?

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ucapan saya belum habis lagi, hanya tinggal satu ayat sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau satu ayat lagi, eloklah tamatkan ayat itu.

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Saya rasa masaalah kemampuan ini pihak Kementerian yang berkenaan patutlah menentukan jika kita mengkehendaki syarikat-syarikat insuran kita menjadi penginsuran kepada kapal-kapal dan kapal-kapal udara ini maka kemampuan itu mesti ditentukan dan mesti diawasi perjalanannya supaya nama syarikat-syarikat insuran kita sentiasa di dalam harum dan nama negara kita juga dan keuntungan untuk negara kita dapat diperolehi.

## PENANGGUHAN

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN TANGGUHAN

(*1*) *Memperbaiki Keadaan Kehidupan di Kampung Medan, Petaling*

(*Tuan Oh Keng Seng tidak hadir*)

(*2*) *Dewan Bandaraya/Kerjasama Dengan Wakil-wakil Rakyat*

*6.31 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Speaker, with the creation of the Federal Territory or Wilayah Persekutuan and the enlargement of its area from 36 to 94 square miles, the problems facing City Hall Administration have undoubtedly been increased. The problems facing the people are many and varied, ranging from squatters and hawkers to the City's transport problems. These problems need to be tackled with the fullest participation of the people and, in particular, the elected representatives.

It is my view that in tackling the rakyat's problems City Hall must always work closely with elected Members of Parliament as the latter are in the best position to understand the problems concerned and help present them in the best possible way. These Members of Parliament are elected by the people to represent the various constituencies, and they have a duty to perform to attend to these problems and to present them to the relevant authorities to be solved. Till now it cannot be said that co-operation between City Hall and elected M.P.s is satisfactory. There is still much room for improvement. It is with this in view that I would like to make the following proposals:

(1) City Hall should invite all elected M.P.s in the Federal Territory to serve in all Advisory Committees to advise the Datuk Bandar on how the peoples' problems can be solved. At present it is only the Hawkers Advisory Committee where elected representatives are asked to serve and undoubtedly this Committee had done much to solve the City's hawkers problems. I therefore propose that elected representatives should also be invited to serve on other Committees like the Traffic Advisory Committee and so on.

(2) Invite all elected M.P.s for regular briefings on what City Hall is doing for the people. This will give the elected representatives an opportunity to keep themselves fully informed of what is going on.

(3) City Hall should attempt to attend promptly to all matters presented by elected M.P.s on behalf of the electorate.

Tuan Speaker, in conclusion, I would like to emphasise here that it is out of sheer interest for the development of a close rapport between City Hall and elected M.P.s that I am advocating the above proposals.

*6.33 ptg.*

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada Ahli Yang Berhormat di atas teguran-teguran mengenai masaalah pentadbiran Dewan Bandaraya yang timbul oleh sebab pengluasan kawasannya daripada

36 batu persegi kepada 94 batu persegi, dan masaalah-masaalah yang berbangkit oleh kerana hendak meluaskan kemudahan-kemudahan asas kepada kawasan yang lebih besar lagi yang mana kemudahan-kemudahan yang tersebut tidak ada pada masa yang lalu.

Masaalah-masaalah kemudahan ini sedang giat diambil perhatian oleh pihak Dewan Bandaraya dan Dewan Bandaraya sentiasa mengambil berat di atas cadangan-cadangan yang dikemukakan bukan sahaja daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi juga daripada pihak orang ramai.

Berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi pandangan saya seperti berikut:

Dewan Bandaraya berpendapat tidak perlu semua Ahli Parlimen di dalam Wilayah Persekutuan berkhidmat dalam semua Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat yang ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya untuk menasihat Datuk Bandar. Ahli Parlimen hanyakan dijemput berkhidmat dalam Jawatankuasa Penasihat yang tertentu jika berkaitan dan perkhidmatannya difikirkan berfaedah untuk jawatankuasa tersebut.

Dewan Bandaraya berpendapat tidak perlu menjemput semua Ahli Parlimen di dalam Wilayah Persekutuan untuk menghadiri semua taklimat yang diberikan oleh Ketua-ketua Pejabat Jabatan Bandaraya. Ahli Parlimen hanya akan dijemput jika difikirkan perlu dan berkaitan dengan taklimat tertentu yang diberikan.

Dewan Bandaraya sememangnya melayani dengan seberapa segera yang boleh permintaan-permintaan dari mana-mana pihak sahaja jika dapat.

Akhirnya, saya suka menarik perhatian iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melantik 8 orang ahli-ahli yang tidak rasmi di dalam Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya untuk menasihat Datuk Bandar. Ahli-ahli ini dianggap sebagai mewakili penduduk-penduduk Kuala Lumpur, dan juga 4 orang ahli yang rasmi ialah Datuk Bandar sendiri sebagai Pengerusi, dua orang wakil Kerajaan Negeri Selangor dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

**Tuan Oh Keng Seng:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling waktu dipanggil tidak hadir. Sepatutnya tidak diberi peluang lagi, tetapi tidak mengapa, kali ini saya beri peluang. Sila.

*(1) Memperbaiki Keadaan Kehidupan di Kampung Medan, Petaling*

*6.47 ptg.*

**Tuan Oh Keng Seng (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa masaalah-masaalah Kampung Medan, kawasan saya Petaling dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kampung Medan ialah terletak di Batu 8, Jalan Kelang Lama, Petaling iaitu tanah lombong yang tidak digunakan lagi. Tanah itu adalah tanah Kerajaan Negeri. Kawasan ini terletak antara lombong bijih yang paling kaya iaitu Petaling Tin dan kawasan-kawasan perusahaan yang paling pesat membangun iaitu Petaling Jaya dan Sungai Way. Nama Kampung Medan ini telah diberikan oleh seorang pemimpin UMNO dalam tahun 1968, dan selepas itu ramailah orang berpindah ke kampung tersebut, dan dalam masa yang singkat hanya beberapa tahun sahaja hinggalah hari ini terdapat kira-kira 1,000 rumah telah didirikan dan penduduknya dianggarkan lebih dari 8,000 orang.

Kebanyakkan dari penduduk-penduduk ini ialah bekas ahli-ahli Pasukan Keselamatan dan orang-orang yang berhijrah dari kampung-kampung lain. Mereka sekarang bekerja sebagai pemandu-pemandu kereta, jaga dan buruh di lombong dan di kilang-kilang yang berhampiran. Pendapatan mereka sangat rendah, malah jika dikira pendapatan bagi satu-satu rumah tidakpun melebihi $300 sebulan. Kebanyakan mereka mempunyai 6 ke 7 orang anak yang mesti diberi makan, pakaian dan persekolahan di mana hidup mereka bolehlah dikatakan "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang," dan hal ini bukanlah diada-adakan sahaja, tetapi adalah benar. Kerana mereka ini tidak dapat menyimpan wang pendapatan mereka, di mana bila habis bulan wang mereka habis. Wang mereka habis bukan kerana melancung seperti menteri-menteri melawat ke luar negeri, tetapi wang mereka dihabiskan untuk perbelanjaan pakaian, persekolahan anak-anak dan perbelanjaan rumah.

Banyak hal yang tidak dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk Kampung Medan. Di samping kemiskinan, mereka terpaksa pula tinggal dalam suasana yang tidak sihat di mana tidak ada kebersihan, keadaan bersesak-sesak, jalan-jalan yang buruk, tidak cukup bekalan air, bila malam tiba seluruh kampung akan gelap-gelita kerana tidak ada bekalan letrik. Walaupun penduduk-penduduk di sekitarnya melebihi lapan ribu orang, tetapi tidak terdapat pun sekolah didirikan, tidak diadakan perkhidmatan kesihatan untuk penduduk-penduduk. Ini adalah perkara-perkara keperluan yang asas dan minima dikehendakki oleh penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar kawasan ini, tetapi adalah dikesalkan bahawa penduduk di Kampung Medan ini tidak diberi perhatian langsung oleh Kerajaan untuk memberi kemudahan bahawa mereka juga adalah rakyat yang harus mendapat nikmat pembangunan negaranya. Saya menuduh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang telah melalaikan tanggungjawab untuk memberi kebajikan kepada penduduk-penduduk Kampung Medan, dan tidak mahu menukar sikap seperti yang dilakukan di masa-masa lalu. Sepanjang ingatan saya, Kerajaan hanya memberikan satu bekalan paip awam kepada penduduk-penduduk di Kampung Medan dalam tahun 1969, dan 5 tahun kemudian ditambah 4 lagi bekalan paip yang hanya untuk kepentingan Pilihanraya Nasional, 1974, dan 4 bekalan paip lagi diadakan selepas pilihanraya itu. Dan kemungkinan menjelang pilihanraya akan datang ada lagi janji manis untuk mereka dari Barisan Nasional. Adalah diharapkan agar penduduk-penduduk Kampung Medan tidak akan menunggu sehingga tahun 1979 baru mendapat kemudahan dari Kerajaan, itupun cuma untuk sementara sehingga pilihanraya habis.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini bukan sahaja menghadapi keadaan ekonomi dan sosial yang tidak diberi perhatian oleh Kerajaan, tetapi juga mereka ini tinggal dalam kebimbangan, kerana tanah yang mereka duduki sekarang adalah tanah Kerajaan Negeri, yang mana oleh Kerajaan Barisan dinamakan 'tanah haram. Tidak ada perlindungan kepada mereka menduduki tanah Kerajaan, dan Kerajaan bila-bila sahaja akan memaksa mereka keluar, penduduk-penduduk di sini tidak pun mempunyai TOL.

Memandangkan kekurangan tanah, ramai orang-orang yang baru datang tidak ada pilihan lain dan mendirikan rumah-rumah mereka berhampiran Petaling Tin. Keadaan ini sekali lagi merupakan keadaan yang merbahaya kerana tanah tempat mereka mendirikan rumah-rumah itu boleh rebah bila tanah runtuh. Terdapat juga ada rumah-rumah yang dibina hampir dengan benteng berpasir yang tingginya kira-kira 50 ke 60 kaki, dan bila angin bertiup kencang, tentu sahaja pasir itu akan turut dibawa angin, lalu menutupi rumah-rumah ini yang mana ianya juga akan menjadi satu trajidi maha hebat.

Saya percaya Kerajaan juga tentu tidak mahu perkara ini berlaku, dan oleh itu saya harap Kerajaan juga mestilah mengamalkan apa yang dinamakan "action-oriented" bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk Kampung Medan. Saya suka mencadangkan bahawa keutamaan khas mestilah diberi bagi mengadakan bekalan letrik, di samping memberi cukup bekalan air, dan kemudian mengadakan jalan berturap minyak tar yang mana sekarang ini terdapat berlubang-lubang dan becak bila hujan lebat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Oh Keng Seng:** Lagi sedikit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada hak 7½ minit. Sekarang Yang Berhormat ada setengah minit sahaja lagi.

**Tuan Oh Keng Seng:** Saya juga mendesak Kerajaan supaya menimbangkan dengan serious bagi membekalkan perkhidmatan kesihatan dan kemudahan pos di kampung ini. Sebuah sekolah dan balairaya adalah diperlukan juga.

Akhir sekali, saya menyeru Kerajaan Pusat mengarahkan Kerajaan Negeri supaya mengeluarkan segera "hakmilik" kepada penduduk-penduduk ini supaya hidup mereka tenteram tanpa gangguan dari mana-mana pihak.

*6.40 ptg.*

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan kehidupan penduduk-penduduk Kampung Medan di

Petaling ini. Saya suka memberikan kedudukan latarbelakang penduduk-penduduk Kampung Medan. Apa yang telah saya difahamkan bahawa Kampung Medan ini ialah dipenuhi oleh setinggan-setinggan ataupun rumah haram di kampung tersebut. Sebahagian daripada kampung tersebut adalah termasuk di kawasan lombong yang masih dipajak oleh Syarikat Petaling Tin. Kebanyakan penduduk-penduduk di situ ialah pekerja-pekerja kilang dan juga driver teksi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mengikut apa yang saya difahamkan memandangkan harga tanah di kawasan tersebut sangat berharga, maka besar kemungkinan pihak Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan kawasan perumahan di kawasan yang tersebut. Bagi menempatkan sebahagian daripada penduduk Kampung Medan, saya telah difahamkan pihak PKNS di bawah Kerajaan Negeri Selangor sedang membina beberapa banyak rumah terrace ataupun rumah berderet di Kampung MAHA, iaitu dengan tujuan menempatkan mereka itu secara beransur-ansur.

Berkenaan dengan memberi apa-apa kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung yang tersebut buat masa ini Kementerian saya tidak boleh berbuat apa-apa selagi mereka tidak dapat kebenaran menduduki tanah-tanah yang tersebut dari Kerajaan Negeri dengan cara yang sah. Saya percaya dengan adanya mereka mendapat kebenaran nanti daripada pihak Kerajaan Negeri, maka Kerajaan akan dapat mengatur serta menyusun rancangan-rancangan bagi memberi kemudahan hidup yang selesa kepada penduduk di kampung yang tersebut sebagaimana di kawasan-kawasan yang lain. Oleh kerana itu saya sangat sukacita kiranya wakil rakyat di kawasan Dewan Negeri Selangor akan dapat berhubung dengan pihak Kerajaan Selangor bagi mengatur dan menyusun serta membela nasib penduduk-penduduk dari Kampung Medan yang pertama sekali bagi mendapatkan tanah itu dengan cara yang halal supaya rancangan dapat diatur dan disusun.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 3hb April, 1975.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.*